

Naskhah ini belum disemak

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6	Isnin	6 April 2009
---------------	--------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[YB Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik] (Halaman 29)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 52)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****ISNIN, 6 April 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang sudi, rela dan sedia hadir untuk menjawab pertanyaan walaupun dalam kerjaya masing-masing tidak menentu... [Ketawa][Tepuk] Tidak ketentuan. Terima kasih.

1. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan, tentang komitmen kerajaan untuk menghadapi pilihan raya kecil serentak untuk Bukit Gantang dan Bukit Selambau. Apakah pihak SPR berkeyakinan dapat menanganinya terutama peruntukan kewangan yang tinggi. Bagaimana pula dengan DUN Batang Ai di Sarawak, apakah perlu dilaksanakan dalam tempoh terdekat sedangkan pilihan raya peringkat DUN Sarawak akan diadakan tidak lama lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya komited untuk menghadapi pilihan raya kecil serentak untuk Bukit Gantang dan Bukit Selambau. Dalam menghadapi pilihan raya kecil tersebut kerajaan akan memberi tumpuan sepenuhnya demi untuk menentukan ia berjalan lancar berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Dalam mengendalikan pilihan raya kecil ini SPR yakin ia mampu menangani sebarang masalah berdasarkan pengalamannya yang melebihi 50 tahun dalam pilihan raya-pilihan raya lepas dan percaya kerajaan akan meluluskan peruntukan yang diperlukan walaupun ia agak tinggi selaras dengan keperluan semasa.

Berhubung dengan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Batang Ai di Sarawak, SPR telah memutuskan ia akan diadakan serentak dengan Pilihan Raya Kecil Bukit Gantang dan Bukit Selambau. Persoalan mengenai pilihan raya peringkat DUN Sarawak yang akan diadakan tidak lama lagi tidak berbangkit kerana peruntukan undang-undang menetapkan bahawa pilihan raya kecil tidak perlu diadakan jika tempoh hayat DUN Sarawak tinggal kurang daripada dua tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh hayat bagi DUN negeri Sarawak yang ada sekarang akan berakhir pada 23 Julai 2011. Oleh yang demikian pilihan raya kecil perlu diadakan

bagi mengisi kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Batang Ai kerana tempoh hayat DUN Sarawak adalah melebihi daripada dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman, kemudian Tuan Osman Bungsu dan kemudian Puan Mumtaz.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berapa bajet untuk tiga kawasan itu dan apakah halangan-halangan yang terpaksa dilalui?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anggaran kos bagi mengadakan ketiga-tiga pilihan raya kecil yang dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Tidak kira yang dibelanjakan oleh polis dan lain-lain lagi; ini cuma apa yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ialah sebanyak RM1,500,000. Pecahan mengikut bahagian pilihan raya yang terlibat adalah seperti berikut:

P59 Bahagian Bukit Gantang	-	RM700,000
N25 Bukit Selambau	-	RM400,000
N29 Batang Ai	-	RM400,000

Perbezaan perbelanjaan ini ialah kerana Bukit Gantang ia kawasan Parlimen iaitu RM700,000, manakala Bukit Selambau dan Batang Ai ini merupakan kerusi Dewan Undangan Negeri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Halangan-halangnya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta maaf. Halangan-halangnya, bagi Suruhanjaya Pilihan Raya daripada sudut pandangan kita merasakan tidak ada apa-apa halangan kerana seperti mana yang telah saya sebut Suruhanjaya Pilihan Raya telah mempunyai pengalaman lebih daripada 50 tahun mengendalikan pilihan raya kecil dan juga pilihan raya umum. Jadi, kalau kita boleh mengadakan pilihan raya umum yang melibatkan 222 kerusi Parlimen dan 500 lebih kerusi Dewan Undangan Negeri. Maka tiga pilihan raya yang dijalankan serentak itu masalah kecil bagi SPR.

Namun kalau sekiranya ada perkara-perkara yang luar daripada kuasa SPR saya percaya seperti keselamatan itu merupakan tanggungjawab yang kita letak kepada pihak polis. Saya percaya kalau sekiranya penyokong-penyokong parti yang bertanding menjalankan kempen dengan secara berhemah saya tidak menjangka apa-apa masalah yang akan dihadapi oleh pihak SPR.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya telah dijawab.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, oleh kerana sekarang ini kita menghadapi agak kerap untuk pilihan raya kecil adakah kerajaan bersedia untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik melalui kad pengenalan. Kedua, adakah SPR bersedia untuk membuka ruang bagi kesemua parti politik yang bertanding untuk membuat satu iklan ataupun kempen melalui media elektronik. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara demokratik. Kita mengamalkan demokrasi.

■1010

Untuk mengadakan pendaftaran secara automatik, sebenarnya itu merupakan paksaan kepada pengundi. Dalam sebuah negara demokratik, ada juga menjadi pilihan seseorang itu sama ada dia mahu mendaftar ataupun tidak. Jadi dalam hal ini kita tidak boleh mengadakan paksaan kerana mungkin pengundi bukan sahaja dia tidak mahu mengundi tetapi dia juga tidak mahu mendaftar sebagai pengundi.

Jadi jangan kita melakukan paksaan terhadap mereka. Bimbang pula nanti apabila mereka didaftarkan secara automatik dan mereka tidak datang mengundi, maka mereka pula akan dikatakan sebagai mengabaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Jadi pilihan untuk mengundi ini adalah hak mutlak kepada setiap warganegara Malaysia dan adalah menjadi hak mereka kalau mereka tidak mahu mendaftar. Bukan sahaja tidak mahu mengundi, tidak mahu mendaftar sebagai seorang pengundi.

Berkenaan dengan iklan secara media, saya rasa saya tidak tahu pula sama ada satu kesalahan tetapi saya percaya seperti mana yang dilakukan oleh beberapa parti politik, dia boleh mengadakan kempen untuk mendaftar pengundi-pengundi di dalam kawasan di mana-mana jugalah. Jadi saya tidak nampak itu sebagai satu halangan, namun saya akan siasat kerana iklan secara media ini dikawal oleh kementerian yang lain daripada SPR. Saya tidak dapat menjawab secara tepat.

2. Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pelajaran menyatakan, sama ada Kementerian telah menjalankan kajian bagi melihat keberkesanan cara penyampaian mata pelajaran moral dan agama di sekolah. Kegiatan salah laku pelajar yang sering dilaporkan jelas menunjukkan penerapan nilai-nilai murni perlu diperhebatkan lagi dan salah satu cara ialah melalui mata-mata pelajaran berkenaan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat enam pertanyaan yang menyentuh tentang salah laku dalam kalangan murid sekolah. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada yang pertama, Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad pada hari ini dan 7 April, yang kedua, Yang Berhormat Hajah Fatimah binti Hamat pada hari ini iaitu soalan nombor 6 dan ketiga, Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin pada hari ini soalan nombor 89, Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin pada hari ini soalan nombor 92 dan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik pada 7 April.

Oleh kerana pertanyaan itu tersebut merupakan isu yang hampir sama iaitu berkaitan dengan salah laku murid dan langkah-langkah mengatasinya, izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia amat memandang serius terhadap masalah salah laku murid sekolah dan telah bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan menggunakan pelbagai pihak, bukan hanya

kepada guru sahaja dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhinya adalah pelbagai, termasuk pengaruh media dan pengaruh teknologi maklumat ICT dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja. Kurikulum yang dibentuk sudah pasti menerapkan nilai-nilai murni untuk memastikan murid-murid mendapat didikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Berhubung dengan peranan kurikulum Pendidikan Agama dan Moral dalam membentuk tingkah laku murid, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sememangnya mata pelajaran ini bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Pemantauan berterusan yang dilaksanakan oleh guru dan pihak jabatan dan juga kementerian menunjukkan bahawa pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Agama dan Moral di peringkat KBSR dan KBSM berjaya memupuk nilai-nilai murni di kalangan murid sekolah rendah dan menengah.

Pengajaran kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral dilaksanakan melalui kaedah perbahasan, projek simulasi, temu ramah, bercerita, lakonan, pembelajaran koperatif dan pembelajaran pengajaran. Di samping itu penerapan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia disepadukan menerusi kandungan mata pelajaran secara terancang dan sedar, aktiviti kokurikulum dan menerusi aktiviti harian sekolah seperti kempen kebersihan, perhimpunan, upacara menaikkan bendera, menyanyikan lagu Negaraku serta membaca ikrar.

Tuan Yang di-Pertua, selain kurikulum pembentukan nilai-nilai murni di kalangan murid untuk melahirkan murid yang berdisiplin dilakukan dengan pelbagai cara. Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan program yang berbentuk pendidikan, pencegahan dan kawalan. Antara program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan pada tahun ini termasuklah:

- (i) Program Permuafakatan bersama PIBG, PDRM, NGO dan PBT;
- (ii) Melaksanakan Program Jati Diri kepada pelajar yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah...

Tuan Yang di-Pertua: Baik jika sekarang Yang Berhormat buka peluang untuk pertanyaan tambahan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Hajah Fatimah dahulu, kemudian Dato' Hajah Samsiah kemudian Datuk Wira Syed Ali. Minta maaf Dato' Haji Ahmad Rusli.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meyakinkan para hadirin yang mana di peringkat sekolah rendah, kita dapati kes-kes ini jarang berlaku dan apabila murid-murid kita ataupun pelajar-pelajar kita meningkat ke sekolah menengah, didapati kes-kes ini semakin hari semakin menjadi-jadi dan ianya sekarang ini menjadi semakin teruk. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan telah mengkaji tahap peratusan peningkatan kes yang semakin teruk ini dan apakah hukuman yang akan dikenakan atau diambil terhadap pelajar-pelajar yang terlibat. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kementerian kita telah mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Disiplin Pelajar dan baru-baru ini memandangkan pelbagai kes telah diadukan kepada pihak kementerian dan kita telah mengambil tindakan bersama-sama dengan secara bermuafakat dengan pihak polis. Malahan kita juga menggunakan perkhidmatan polis sebagai pegawai perhubungan sekolah, maka telah dibuat satu keputusan: yang pertama, kita akan melibatkan pegawai polis yang dipertanggungjawabkan penuh di setiap sekolah itu untuk mengadakan lawatan yang lebih kerap.

Kedua, walaupun pada tahun lalu ada penurunan dari segi masalah disiplin, 0.2%, kerana itu tidak bermakna kita boleh menerima baik dengan penurunan statistik tersebut. Kita juga melihat dari segi kualitatif kes-kes yang dilakukan, maka kita telah mengambil keputusan iaitu yang pertama, dahulunya kita hanya mempunyai guru yang memangku jawatan warden dalam asrama penuh dan kini kita telah membuat satu keputusan kita melantik warden tetap yang mana kita telah menetapkan kriteria supaya murid ini menjaga disiplin secara khas, bukannya sebagai sampingan.

Yang kedua, kita juga menguatkuasakan Peraturan-peraturan Disiplin Sekolah 1959 termasuk hukuman rotan dan kali ini kita telah mengeluarkan prosedur siapa yang boleh diberi kuasa dan kita juga memaklumkan kepada ibu bapa, bilakah hukuman itu akan dijalankan. Saya rasa dengan tindakan-tindakan ini, kita serba sedikit dapat mengurangkan kes dan juga memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang perilaku anak mereka di sekolah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian sedar bahawa kebanyakan mata pelajaran yang tidak ada dalam peperiksaan, contohnya Pendidikan Moral hanya diajar secara sambil lewa dan ada kalanya tidak diajar terus dan digantikan dengan mata pelajaran yang terlibat di dalam peperiksaan. Bagaimana kementerian ingin mengatasi perkara yang seperti ini supaya mata pelajaran Pendidikan Moral dapat dihayati dan kes buli dapat dikurangkan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini adalah isu yang melibatkan dua pihak sekolah. Sekiranya mana-mana pentadbir sekolah ataupun guru sengaja ataupun tidak mementingkan mata pelajaran pengajaran, mata pelajaran Sivik atau Pendidikan Moral, maka tindakan boleh diambil kerana mereka tidak menyempurnakan tugas mereka. Itu yang pertama dan saya rasa kementerian memantau sekiranya ada pihak pentadbir sekolah sengaja memasukkan mata pelajaran lain untuk menggantikan Pendidikan Moral itu adalah satu perkara yang dilarang dan boleh diambil tindakan tegas.

Yang kedua, kalau kita melihat banyak waktu lain seperti Pendidikan Jasmani, nampaknya oleh kerana ibu bapa sekarang pun mereka merasakan kokurikulum itu tidak penting ataupun pendidikan jasmani itu tidak penting, termasuk juga Pendidikan Moral kerana Pendidikan Moral itu diajar dan merupakan satu mata pelajaran yang wajib untuk diambil oleh pelajar bukan Islam.

Akan tetapi kalau mata pelajaran Sivik, ia seolah-olah sebagai satu mata pelajaran hadir wajib. Maka tidak melibatkan peperiksaan. Inilah yang menjadi masalah apabila ibu bapa memberi penekanan yang lebih kepada mata pelajaran yang perlu untuk peperiksaan awam. Saya rasa ini adalah anjakan paradigma yang perlu ada pada ibu bapa juga dan penekanan itu juga patut diberi kepada mata pelajaran bukan untuk tujuan peperiksaan. Proses pembelajaran itu lebih penting daripada keputusan dalam peperiksaan awam.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab pada pagi ini. Soalan tambahan saya, dengan banyaknya kes salah laku pelajar dan juga gejala samseng di sekolah-sekolah. Apakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan lebih banyak lagi konsep Sekolah Henry Gurney yang mana bagi memberi kesedaran dan membantu memulihkan para pelajar dan juga menerapkan pendekatan modul latihan PLKN. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sebenarnya, kalau kita sebut Sekolah Henry Gurney, ia merupakan sebuah sekolah untuk kita memulihkan pelajar-pelajar yang mempunyai kelakuan yang tidak baik sebelum itu. Kita percaya bahawa melalui pendidikanlah kita dapat mengasuh anak-anak itu menjadi seorang rakyat yang baik. Akan tetapi dalam konteks ini, adakah kementerian sedia untuk menubuhkan, nampaknya kita kena melihat secara umum untuk semua sekolah. Sebenarnya, kalau masalah disiplin dan kita masukkan pelajar-pelajar disiplin ini ke sebuah sekolah, mungkin itu tidak kena juga kerana kalau semua pelajar sekolah ini nakal, maka saya rasa proses pembelajaran itu akan menjadi satu masalah.

Apa yang perlu dibuat ialah di pihak sekolah, kita kena mengetatkan lagi peraturan disiplin termasuk mana-mana kes jenayah yang melibatkan pelajar, kita panggil polis siasat terus dan kita akan ambil tindakan. Kita tidak akan melindungi pelajar kita kalau mereka melakukan kesalahan. Malahan mereka boleh dituduh di bawah Mahkamah Juvana. Saya rasa ini adalah antara perkara yang kita kena pegang kepada prinsip. Sekiranya telah dijatuhkan hukuman dan dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney, maka kita akan gunakan sistem yang ada sekarang. Kita tidak boleh menghantar anak kita sewenang-wenangnya ke Sekolah Henry Gurney. Terima kasih.

3. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sejauh manakah Institusi Pengajian Tinggi Swasta di negara ini bersedia dari segi kualiti untuk layak disenaraikan antara 500 universiti terbaik di seluruh dunia dalam *THE QS World University Ranking*.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita bakal pendidik daripada Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka yang dulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka... [Tepuk] Orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya berhasrat agar IPTS kita di negara ini turut tersenarai di dalam *ranking* dunia termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain iaitu di *Times Higher Education Quacquarelli Symonds World University Ranking*. Perkara ini tidak mustahil untuk direalisasikan pada masa ini kerana terdapat beberapa langkah yang telah dijalankan untuk meningkatkan lagi kualiti dan standard dalam pengajian tinggi awam dan swasta di negara kita. Antaranya termasuklah:

- (i) menambah baik kurikulum supaya sentiasa relevan dan berkaitan serta memastikan pelaksanaannya ke arah pencapaian pembelajaran yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- (ii) mengadakan Sistem Jaminan Kualiti yang telah dilaksanakan oleh MQA atau Agensi Kelayakan Malaysia yang merangkumi penilaian program pengajian menggunakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua *Code of Practice for Program Accreditation* atau ringkasnya COPPA dan kita juga mempunyai Audit Institusi yang menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit* ataupun COPIA; dan
- (iii) melaksanakan Sistem Penarafan Akademik atau ringkasnya SETARA juga merupakan antara usaha kementerian untuk menambah baik lagi kualiti pendidikan tinggi dan membentuk satu persaingan yang sihat antara IPT di negara kita. Ini adalah merupakan mekanisme yang digunakan untuk menilai kualiti, menilai kebertanggungjawaban serta menjadi petunjuk prestasi utama Institusi Pengajian Tinggi kita.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Soalan tambahan saya, apakah aspek-aspek yang perlu ditekankan atau diberi perhatian oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta di negara ini untuk membolehkan institusi tersebut tersenarai antara 500 universiti terbaik di dunia?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada 61 buah universiti semuanya. Sebanyak 20 buah daripadanya adalah awam dan 41 buah daripadanya adalah swasta. Antara aspek-aspek yang telah kita tentukan bagi universiti-universiti swasta ini untuk menyertai di dalam *ranking the Times Higher Education Supplement* ini ialah:

- (i) kumpulan kepakaran di mana penilaian akan dilaksanakan di dalam kumpulan kepakaran mereka. Kedua ialah *citation per faculty*. Ini adalah antara kriterianya. *Student to staff ratio*, nisbah di antara pelajar dan anggota kerja, penilaian majikan atau *recruiter review*, nisbah fakulti antarabangsa dan yang terpenting adalah *international student ratio*. Tuan Yang di-Pertua iaitu nisbah pelajar antarabangsa;

- (ii) kaedah mempertimbangkan IPT untuk disenaraikan dalam ranking *Times Higher Education Supplement* ini adalah pertama, mereka perlu mendapatkan THE QS perlu mendapatkan maklumat dari IPT tersebut. Lazimnya melalui laman web. Kedua, pihak QS ini juga akan meminta sebarang maklumat tambahan bagi IPT tersebut dan akan diedarkan kepada penilai-penilai yang telah dilantik di merata dunia. Antaranya *Singapore*, London, Paris, New York dan beberapa bandar penting lagi di dunia ini; dan
- (iii) setelah mendapat keputusan penilaian ini, pihak *Times Higher Education Supplement* ini akan membuat perbandingan dengan IPT-IPT lain di seluruh dunia.

Jadi, proses ini lebih kepada tanggapan mereka, Tuan Yang di-Pertua. Persepsi sebenarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah bagaimanakah cara kementerian memantau secara lebih jelas lagi IPTS yang bukan sahaja menghadapi masalah dari segi kualiti tapi yang saya hendak tekankan ialah menghadapi masalah kewangan yang meruncing dan boleh ditutup bila-bila masa. Adakah kementerian mengehendaki IPTS menghantar laporan kewangan suku tahun seperti Bursa Saham Kuala Lumpur? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat bertanya tentang IPTS kita. Pada hari ini untuk makluman Yang Berhormat, mempunyai 480 buah IPTS yang merangkumi daripada universiti, kolej universiti, kolej-kolej serta institusi-institusi.

Tuan Yang di-Pertua, antara kaedah pemantauan yang dilakukan oleh pihak kementerian adalah pertama sekali melalui Sistem Jaminan Kualiti iaitu lebih kepada produk-produk yang dikeluarkan oleh pihak IPTS berkaitan dengan kualiti graduan-graduan mereka sama ada boleh atau tidak menepati keperluan pasaran.

- (i) penilaian program;
- (ii) audit-audit yang dilaksanakan di peringkat institusi-institusi. Untuk makluman Yang Berhormat, audit ini adalah audit program mereka sama ada program-program itu bertepatan dengan kehendak semasa ataupun tidak;
- (ii) proses *academic performance audit*; dan
- (iv) Sistem Penarafan Akademik.

Kesemuanya ini sebenarnya merangkumi prestasi IPT/IPTS kita sama ada mereka boleh atau tidak mampu untuk menyelenggarakan, mengurus dan mentadbir IPT mereka supaya minimum kualiti standard itu dapat ditepati atau tidak.

Dalam bentuk kementerian memerlukan laporan-laporan kewangan mereka pada setiap penggal atau setiap tahun, saya kira ini masih lagi ini belum dilaksanakan oleh pihak kementerian dan mungkin ia menjadi cadangan yang baik pada kami. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Haji Ahamat bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini menjurus kepada kualiti ijazah *twinning program*. Akhir-akhir ini banyak IPTS terutamanya membuat *twinning program* dengan universiti-universiti luar negara. Apakah ada satu badan khas daripada mana-mana pihak sama ada bebas atau daripada kementerian sendiri yang memantau kualiti ijazah *twinning program* ini benar-benar sama dengan yang dikeluarkan oleh universiti luar negara, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mempunyai satu agensi yang memantau dari segi kualiti graduan-graduan yang dikeluarkan bukan sahaja di institusi pengajian tinggi awam bahkan juga di peringkat institusi pengajian tinggi swasta yang kita panggil Agensi Kelayakan Malaysia/Malaysian Qualifications Agency atau MQA yang telah pun mempunyai mekanisme mereka sendiri untuk memantau kualiti-kualiti graduan ataupun pengkhususan yang disediakan di peringkat IPTS.

Sistem ini adalah merangkumi keseluruhan sistem jaminan kualiti itu. Bagi *twinning program* universiti-universiti yang berjenama di luar negara, kementerian mempunyai sistem pemantauan yang terperinci di bawah agensi kelayakan Malaysia ini dan insya-Allah setakat hari ini kita telah menerima laporan dari penggal ke penggal, tahun ke tahun berkaitan dengan *twinning program* dan sekali gus pihak yang menaja *twinning program* ini di peringkat antarabangsa juga meletakkan syarat yang ketat supaya tidak menjejaskan nama baik universiti mereka di peringkat dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

4. Dato Sri Empiang Jabu minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah panduan sedia ada mengenai penggunaan *natural gas vehicle* ataupun NGV bagi kenderaan persendirian dan sama ada cadangan bagi menggalakkan para pemilik kenderaan persendirian untuk bertukar ke NGV sebagai usaha *alternative fuel*.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun JPJ telah pun menetapkan garis panduan dan prosedur bagi pemasangan NGV. Melalui garis panduan ini, pemilik-pemilik kenderaan yang ingin menukar kepada sistem NGV perlu membuat pengubahsuaian di bengkel-bengkel bertauliah dan seterusnya melakukan pemeriksaan di PUSPAKOM bagi mendapatkan sijil kelulusan. Di samping itu pemilik kenderaan juga perlu mendapatkan pengesahan dan mengemas kini rekod mereka di pejabat JPJ bagi membuktikan mereka telah memenuhi spesifikasi pemasangan NGV mengikut piawaian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan para pemilik kenderaan untuk menggunakan NGV sebagai satu usaha *alternative fuel* dan juga mesra alam. Bagi tujuan ini juga kerajaan memberikan insentif pengurangan lesen kenderaan motor atau *road tax/LKM* sebanyak 50% kepada pemilik kenderaan NGV yang menggunakan sistem *mono fuel* dan 25% kepada pemilik kenderaan NGV yang menggunakan sistem *bio fuel*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Akbar bin Ali.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali tahniah kepada Yang Berhormat kerana menang dan saya rasa mungkin ada perubahan *hairstyle* itu satu nazar.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Soalan saya untuk memastikan apa-apa *fuel* itu digunakan berterusan, sekurang-kurangnya ada empat syarat;

- (i) *economic*;
- (ii) *efficient*;
- (iii) *convenience*, dan
- (iv) *sustainable* atau mampan.

Apa pandangan Yang Berhormat bahawa dari segi jangka panjang sebenarnya *hydro fuel* itu lebih menepati syarat yang saya sebutkan berbanding dengan NGV, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih juga ucapan tahniah itu atas kemenangan MT. Terima kasih kepada Yang Berhormat juga telah mengundi saya serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ingin maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa penggunaan NGV ini untuk jangka panjang adalah menguntungkan kepada pengguna sebabnya pertama dari segi mesra alam, dari segi pencemaran dan keduanya, walaupun kos pemasangannya agak tinggi iaitu RM3,000 hingga RM5,800 bagi kereta-kereta yang kecil seperti *Toyota van*, Proton Saga dan kereta-kereta yang tidak lebih dari 2000cc.

Pricenya atau harganya ialah RM3,000 hingga RM5,800 tetapi setelah pemilik ini menggunakan dalam tempoh tiga tahun, dia akan merasakan keuntungannya daripada kenderaan yang sedia ada atau menggunakan enjin diesel atau menggunakan enjin petrol dan sebagainya. Jadi kita galakkan rakyat Malaysia menggunakan NGV sebabnya untuk masa depan menguntungkan kepada rakyat, mesra alam, tidak ada pencemaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

5. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak [di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah dana bagi tujuan peningkatan infrastruktur yang telah disalurkan kepada kampung-kampung di seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang macam saya katakan tadi sudi, rela dan sedia jawab. Adakah Yang Berhormat hadir untuk jawab

soalan ini dalam keadaan luar biasa kerana kerjaya masing-masing tidak menentu. Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan luar biasa pun saya sudi menjawab Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Jawapan saya ringkas sahaja oleh kerana pertanyaan itu hanya berkaitan dengan dana infrastruktur dalam tahun 2008 sehingga kini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan infrastruktur khususnya jalan kampung di seluruh negara. Jadi bagi tahun 2008, sejumlah RM144 juta telah diperuntukkan bagi membina 1,905 batang jalan sepanjang 766 kilometer. Manakala bagi tahun 2009 pula, sejumlah RM200 juta diperuntukkan untuk membina 1,281 kilometer jalan kampung di seluruh negara, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

6. Puan Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah positif yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi memastikan budaya buli di sekolah/institusi pendidikan yang semakin serius dapat diatasi. Apakah perancangan jangka pendek dan panjang dan sasaran kementerian bagi menangani gejala tersebut.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan nombor enam telah pun dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang datang ke Dewan untuk menjawab persoalan ini?

[Soalan No. 8 – Y.B. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ada Timbalan Menteri yang datang khusus untuk menjawab pertanyaan ini? Terima kasih.

9. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, bentuk bantuan kewangan dan nasihat yang diberikan oleh pihak kementerian kepada mereka yang ingin melibatkan diri dalam industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, jadi boleh kita disampaikan oleh pihak kerajaan secara bertulis... *[Tepuk]*

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya di luar tetapi cepat betul hari ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menyediakan bantuan kewangan secara langsung. Namun begitu bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk insentif, subsidi, perkhidmatan teknikal dan pinjaman dari Agrobank untuk pengusaha yang berminat bagi menceburkan diri di dalam bidang pertanian termasuk industri asas tani melalui jabatan dan agensi pelaksana. Bantuan insentif dan subsidi tersebut boleh dibahagikan kepada empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani manakala pihak Agrobank pula ada menyediakan kemudahan pinjaman.

Di dalam Pakej Rangsangan Kedua, kementerian juga ada mencadangkan supaya pihak Agrobank menyediakan kemudahan kredit yang lebih mudah untuk diluluskan tanpa cagaran dan penjamin. Perkara berkenaan sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bergegas masuk untuk menjawab soalan. Di dalam pemberian bantuan kewangan ini, sejauh...

Tuan Yang di-Pertua: Patut naik pangkatkah? Bergegas masuk ke dalam semacam itu, adalah patut naik pangkat atau tidak?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Insya-Allah. Dalam pemberian bantuan kewangan ini, sejauh manakah prosedur-prosedur dipermudahkan bagi melicinkan dan mempercepatkan pemberian bantuan kewangan terutamanya bantuan penternakan lembu dan kambing untuk pemasaran produk mereka di dalam dan di luar negara? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kami sentiasa mencari jalan untuk mempermudah segala bantuan yang diperlukan dan pada masa yang sama kita juga ada nasihat teknikal dari segi kehendak-kehendak pasaran antarabangsa supaya pengeluar-pengeluar kita khasnya seperti Yang Berhormat katakan tadi, penternak juga mendapat satu nasihat yang kita berikan dan satu kemudahan supaya barang-barang keluaran kita dapat memasuki ke pasaran antarabangsa. Akan tetapi Yang Berhormat, selalunya khasnya di dalam bidang ternakan, pengeluaran kita tidak mencapai SSL seperti untuk memenuhi pasaran domestik.

Jadi bagi ternakan, ia lebih kita memerlukan untuk mempertingkatkan SSL dahulu di dalam negara. Seperti kambing, kita hanya SSL di dalam 7% dan sebenarnya kita hendak mencapai 40% di bawah dasar jaminan bekalan negara dan begitu juga lembu dan sebagainya. Jadi bagi kami, kita meningkatkan dahulu *self-sufficiency level*, dengan izin, di dalam negara dan barulah kita dapat untuk mengeksportkan barangan-barangan kita. Namun begitu itu adalah satu wawasan yang hendak kita capai insya-Allah di mana khasnya bekalan makanan halal. Terima kasih.

10. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah rasionalnya pihak penguat kuasa mengadakan sekatan-sekatan jalan raya di lokasi-lokasi yang tidak sesuai seperti di hujung kepala jambatan dan ditempatkan di laluan sibuk hingga mendatangkan kemalangan kepada pengguna jalan raya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah mengenai pertanyaan yang dikemukakan pada pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, memang bukan tujuan pihak polis hendak menyusahkan rakyat dengan mengadakan sekatan-sekatan di jalan raya. Memang adalah keperluannya supaya sekatan-sekatan didirikan oleh pihak polis. Untuk memilih tempat diadakan sekatan jalan raya, adalah dibuat berdasarkan kepada tiga keadaan iaitu bertujuan:

- (i) menjaga ketenteraman awam;
- (ii) pencegahan jenayah; dan
- (iii) kawalan trafik.

Bagi tujuan menjaga ketenteraman awam, pemilihan kawasan kawalan biasanya dibuat atas beberapa faktor seperti untuk menghalang kumpulan yang menunjuk perasaan atau perusuh berkumpul di lokasi seperti dirancang dan juga untuk menghalang kedatangan orang ramai daripada berkumpul atau berhimpun di tempat-tempat ceramah atau perhimpunan haram. Ini secara tidak langsungnya akan menghalang daripada ketenteraman awam menjadi terjejas dan tidak terkawal.

Bagi tujuan pencegahan jenayah pula, pemilihan lokasi adalah dibuat di atas faktor tertentu seperti untuk mencegah dan menyekat laluan yang dijangka digunakan dijangka digunakan oleh suspek untuk melepaskan diri dan mengepung kawasan jenayah bagi memastikan penjenayah tidak dapat membolos diri dan dapat ditangkap. Kriteria pemilihan dibuat berdasarkan kepada beberapa elemen seperti *natural hurdle*, dengan izin, iaitu halangan semula jadi seperti sungai, jambatan, jalan raya laluan selorong bagi membantu pihak polis mengelakkan kebocoran ataupun penjenayah dapat melepaskan diri.

Saya mengaku bahawa jika kita mengadakan sekatan-sekatan di tempat-tempat seumpama yang saya sebutkan tadi, ia akan dengan sedikit-sebanyak mendatangkan masalah kepada rakyat. Namun begitu, oleh sebab kita hendak menangkap penjenayah-penjenayah, maka kita harus berbuat demikian juga.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah keadaan-keadaan biasa, pihak polis akan mengelak daripada membuat sekatan jalan raya di tempat-tempat yang boleh menyebabkan gangguan trafik seperti di kepala jambatan atau laluan-laluan sibuk. Walau bagaimanapun di bawah keadaan-keadaan tertentu, seperti pelaksanaan operasi-operasi untuk mencegah kesalahan trafik ataupun operasi tapis untuk mencegah kegiatan mat rempit, pemilihan adalah dibuat di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan aktiviti kesalahan tersebut dilakukan di mana menjadi tumpuan orang

ramai pada hujung minggu. Ini sama sekali tidak dapat dielakkan oleh sebab penguatkuasaan adalah lebih efektif sekiranya ia dilaksanakan di bawah keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tindakan pihak polis mengadakan sekatan jalan raya di lokasi-lokasi seperti yang dinyatakan akan menimbulkan masalah kepada orang ramai terutama sekali kepada pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi pemilihan lokasi tersebut adalah tidak dapat dielakkan bagi memastikan tujuan mengadakan sekatan jalan raya mencapai matlamatnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Ramlah, kemudian Datuk Haji Rizuan, kemudian Tuan Khoo Soo Seang.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih di atas jawapan dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah setakat ini berapa banyak tangkapan tahanan yang telah dibuat dan apakah jenis-jenis kesalahan yang mereka lakukan? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Ramlah. Mengenai sekatan-sekatan jalan raya, apabila sekatan-sekatan raya yang didirikan di sepanjang jalan raya oleh pihak polis, maka tujuan utamanya adalah untuk menjaga supaya pengguna jalan raya selamat menggunakan jalan raya. Oleh yang demikian, pada lazimnya begitu banyak sekatan jalan raya didirikan adalah untuk mencegah pemandu kenderaan begitu laju sekali membawa kereta. Pada tahun 2008 contohnya, sebanyak 73,159 saman membawa kenderaan melebihi had laju telah pun dikeluarkan kepada para pemandu di seluruh negara.

Dari segi pencegahan penjenayah-penjenayah, kita tidak dapat mengadakan angka oleh sebab ia tidak bergantung pada sekatan untuk menangkap penjenayah. Kalau seseorang penjenayah ditangkap di sekatan jalan raya, maka penjenayah akan dikaitkan dengan kes jenayah dan bukan berdasarkan kepada sekatan di jalan raya. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya agak mudah iaitu adakah menjadi kesalahan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang sering memberi isyarat atau *flash light* kepada kenderaan lain yang memaklumkan bahawa ada sekatan jalan raya. Terima kasih.

■1050

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih yang Berhormat Senator Datuk Rizuan, memang kalau kita nak melihat dari segi teknikal, ini merupakan satu kesalahan. Akan tetapi oleh sebab perkara itu amat remeh sangat, remeh temeh itu, kita pun tak mahu saman orang yang bagi *flash light*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya ialah, adakah wajar untuk pihak polis untuk mengadakan sekatan selepas selekoh yang tajam, yang boleh menyebabkan kemalangan jalan raya? Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Khoo Soo Seang. Mengenai pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, memang mempunyai keperluan untuk mengadakan sekatan di selekoh-selekoh jalan raya. Jika di tempat itu, memang had lajunya tidak melebihi sekian kilometer satu jam, dan untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan berlaku, jika mengadakan sekatan di selekoh-selekoh jalan. Maka pihak polis akan mengadakan papan tanda agak 50 kilometer ke atas, untuk memberi amaran kepada pemandu-pemandu kenderaan, bahawa adanya sekatan di situ.

Ini akan juga dapat mendidik supaya pemandu kita ini, lebih berhati-hati bila mereka ini sampai ke suatu kawasan, di mana had laju dihadkan kepada sekian had laju Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Wira Syed Ali.

11. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah langkah yg telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyeragamkan harga minyak petrol yang dijual di pedalaman melalui stesen minyak mini dengan kawasan bandar; dan
- (b) apakah kementerian bercadang untuk memperluaskan penjualan gas petroleum cecair (LPG) di bawah harga kerajaan khususnya di kawasan luar bandar termasuk di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, dan lebih-lebih lagi kerana prihatin sangat berkenaan pengedaran barang-barang keperluan ini, khasnya kepada Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa prihatin dan peka terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat, termasuklah perbezaan harga serta kesukaran penduduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan bekalan petrol dan diesel bersubsidi.
- (b) Bagi mengatasi masalah ini, beberapa pendekatan telah dikenal pasti iaitu melalui penyaluran petrol bersubsidi melalui, dengan izin, *floating barges* atau stesen terapung. Pembinaan stesen-stesen minyak mini, dan pusat pembekalan minyak ataupun *fuel storage*. Projek penyaluran petrol bersubsidi menggunakan *floating barge* yang melibatkan sebanyak empat buah *floating barges* di Kapit, dan dua buah Song telah pun dilaksanakan mulai 1 Mac 2009. Di samping itu projek pembekalan minyak, *fuel storage* telah pun dilaksanakan di Lubuk Antu, pada 22 Mac 2009.

Ini akan diikuti dengan kawasan ataupun telah kita buat di kawasan Meludam dan Lingga di kawasan Batang Lupar pada 4 April iaitu pada

hari Sabtu tahun 2009. Di negeri Sabah projek ini akan mula dilaksanakan di Keningau, Beaufort dan Sipitang dalam bulan April tahun 2009. Bagi lokasi-lokasi lain, keperluan sedang dikaji dari segi kesesuaian dan keperluan tempat, sebelum ia nya dapat dilaksanakan.

Selain itu terdapat 352 buah stesen minyak mini luar bandar di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 buah adalah stesen minyak mini di Sabah, dan 14 buah di Sarawak. Terkini sebanyak sembilan lokasi telah dikenal pasti untuk pembinaan stesen minyak mini di negeri Sarawak, iaitu di Sungai Asap, di Belagar, di Simunjan, di Miri, di Limbang, di Sarikei, dan di Dalat. Dengan langkah yang telah dan akan dilaksanakan ini, kerajaan berharap ia nya bukan sahaja membolehkan penduduk luar bandar mendapatkan bekalan bahan petroleum pada harga yang sama seperti di kawasan bandar. Malahan ia secara tidak langsung dapat membantu kepada penurunan harga barangan keperluan. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Adalah menjadi hasrat kerajaan bagi memastikan semua lapisan masyarakat di negara ini, mendapat bekalan barang kawalan pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Umum mengetahui bahawa kos pengangkutan merupakan faktor kepada peningkatan, dan perbezaan harga barang kawalan termasuk LPG di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Oleh yang demikian, kerajaan sedang melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu di Sabah dan Sarawak, di mana kerajaan akan memberi subsidi ke atas kos pengangkutan yang ditanggung oleh pengedar ataupun stokis, yang dilantik untuk menjayakan program tersebut. Kawasan yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan program ini ialah di kawasan Lingga, Meludam, Beladin dan Pusak, bagi daerah Sri Aman. Selain itu program ini telah dilaksanakan di Keningau pada 2 April 2009, serta di Beaufort dan Sipitang, pada 3 April 2009.

Program ini juga akan diperluaskan ke daerah-daerah lain di Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang berhormat kerana soalan ini. Apakah kerajaan bercadang untuk menurunkan harga gas, memandangkan permintaannya agak meluas sehingga sekarang. Soalan kedua, apakah kementerian bercadang untuk menurunkan harga minyak berdasarkan harga semasa yang ada di peringkat dunia? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu adalah jauh lebih luas daripada pertanyaan yang dikhususkan kepada soal pembekalan minyak di pendalaman, juga mengenai LPG, saya serahkan Yang Berhormat untuk jawab secara berhemah.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas untuk makluman Tuan Senator dan Dewan yang mulia ini. Kementerian memang sentiasa mengkaji harga minyak di pasaran dunia, harga minyak yang telah diproses dan juga harga LPG mengikut pasaran dunia. Kita memantau harga ini dan apabila kiranya perlu untuk menurunkan atau sebaliknya.

Kementerian akan mengumumkan ataupun akan berbincang dengan pihak kabinet sebelum sesuatu keputusan ini dibuat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang Di-Pertua: Saya sebut demikian kerana memperingati Yang Berhormat supaya berhati-hati. Harga minyak itu ialah isu besar, dan kita dalam keadaan kerjaya masing-masing, jangan kita silap jawab. Puan Usha Nandhini, ada Yang Berhormat Menteri yang hadir khusus untuk jawab, atau Timbalan Menteri yang menghormati kehadiran Yang Berhormat, saya benarkan siapa-siapa, sila Puan Heng Seai Kie.

12. Puan Heng Seai Kie [di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) berapakah pengeluaran perabot Malaysia pada tahun 2006, 2007 dan juga 2008; dan
- (b) apakah cabaran serta destinasi eksport industri perabot Malaysia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Puan Heng. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tiga tahun iaitu 2006, 2007, 2008 nilai pengeksporan perabot dari Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Pengeksporan Perabot (RM/billion)
2006	09.51
2007	10.06
2008	10.26

Industri perabot negara menghadapi dua cabaran utama, iaitu kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan negara pengeluar perabot lain seperti China, India dan Vietnam, yang merupakan antara negara-negara yang dapat mengeluarkan barangan dengan kos yang rendah.

■1100

- (b) Cabaran keduanya ialah penguasaan aspek-aspek nilai tambah seperti pembinaan kapasiti atau *capacity building*, dengan izin, termasuklah

kemahiran dan latihan, penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan mesin-mesin moden untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Penyelidikan dan pembangunan yang agak tidak tersusun dan juga dalam tahap yang rendah. Pembuatan perabot daripada produk-produk yang tidak berasaskan kayu seperti bio komposit seperti besi dan plastik dan negara kita ini juga bergantung kepada tenaga buruh asing.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran utama bagi perabot Malaysia ialah Amerika Syarikat di mana 25.8% perabot yang kita eksportkan ialah ke negara itu. Jepun keduanya, 8.7% perabot yang kita keluarkan dan eksportkan ke Jepun dan kemudiannya Australia 7%, United Kingdom 6.4%. Lain-lain seperti Singapura 6.4%, United Arab Emirates 5%.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Soalan tambahan saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rahman hendak bertanya..., tidak ya? Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian memandangkan pelbagai pihak swasta mengadakan pameran pengeksporan perabot antarabangsa pada masa yang sama pada setiap tahun di mana mencetuskan persaingan sesama yang tidak sihat. Mengapa keadaan ini berlarutan? Nampaknya Kementerian sebaliknya menggalakkan lagi tanpa menghiraukan akibatnya. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya anggap Yang Berhormat Dato' Gooi ini bertanya tentang dua pameran utama yang kita adakan di dalam negara iaitu MIFF dengan EFE. Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah dua pameran yang terutama dan pada masa ini. Mengikut angka yang ada terdapat di sini, menunjukkan bahawa dua-dua pameran ini memainkan peranan yang masing-masing seperti pada tahun 2007, jumlah jualan yang terdapat daripada pameran MIFF ialah RM2.33 bilion jualan. Bagi EFE pula, dia dapat RM1.80 bilion.

Maknanya dia tak jauh perbezaannya. Satu, RM2.33 bilion dan satunya RM1.80 bilion. Pada tahun 2008 pula, MIFF dapat RM2.17 bilion dan EFE dapat RM1.95 bilion. Kedua-dua ini meningkat dan pada tahun ini yang baru-baru ini habis pada bulan Mac, di MIFF pula dijangkakan sebab angka yang terakhir itu belum dapat dipamerkan lagi atau dikeluarkan lagi oleh MIFF. Dijangkakan pameran tersebut dapat lebih kurang RM2 bilion jualan. Rendah sikit tetapi RM2 bilion dan di EFE pula, dia dapat sedikit lebih RM1 bilion jualan.

Saya sebut angka ini Yang Berhormat ialah untuk menunjukkan bahawa ada dua pameran terbesar di dalam negara kita walaupun dia dalam satu musim iaitu bulan Mac. Kedua-dua ini memainkan peranan yang agak baik dan ia boleh menarik *cliente* dengan izin, pembeli-pembeli yang berasingan. Ini bermakna, kalau kita ada dua berbanding dengan satu sahaja, maka kita punya jumlah jualan akan tidak sebesar seperti yang dicapai oleh dua-dua ini dan sebab itulah kita masih mempromosi dua pameran ini dan kita anggapkan dengan pasaran yang luas ini,

masing-masing dapat memainkan peranan mereka dan kalaulah persaingan ini tidak sihat, Yang Berhormat, kita baru akan kaji semula sama ada kita akan mengadakan satu atau dua di masa akan datang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

13. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimanakah kerajaan meneroka dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa bagi sektor produk halal agar produk halal tempatan dapat memasuki pasaran di peringkat global.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah dan sedang dalam perencanaan untuk dilaksanakan oleh kerajaan untuk dilaksanakan oleh kerajaan untuk meneroka dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan halal tempatan di pasaran global. Bahkan penubuhan *Halal Industries Development Corporation* atau HDC, pada 18 September 2006 adalah untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan industri halal secara integrasi dan menyeluruh.

Dalam melaksanakan penerokaan dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan halal, HDC mendapat sokongan dan menyertai program-program anjuran kementerian-kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI, Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta agensi-agensi kerajaan seperti MIDA, MATRADE dan juga SMIDEC. Dengan penglibatan secara bersama ini, program-program mempromosikan perdagangan dan pelaburan produk dan perkhidmatan halal serta program bina upaya akan dapat dilaksanakan secara bersepadu dan berstrategi.

Sementara itu, bagi meneroka dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan halal Malaysia, beberapa platform telah diwujudkan seperti penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia ataupun MIHAS, *World Halal Research Conference* oleh HDC dan acara tahunan iaitu *Forum Halal Dunia* atau *World Halal Forum*. Selain daripada itu, pameran-pameran di peringkat luar negara seperti Pameran Halal Antarabangsa Indonesia, Pameran Halal Antarabangsa Singapura, Minggu Halal di Dhaka, Bangladesh, Ekspo China ASEAN di Nanning, China, Pameran Halal Dunia di China dan juga Misi Projek Spesifik Industri di Tokyo, Jepun. Terima kasih.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pada ketika ini kesan ekonomi global telah menyebabkan pengurangan permintaan produk halal. Dengan itu, apakah langkah yang sesuai untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti eksport pasaran produk halal.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang sedar seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Justeru itu, kita telah merangka satu program yang disebut sebagai Halal *Champion Program* di mana industri-industri kecil yang dapat

kalau kita bahagikan, sekarang ini kita ada dua. Satu, industri-industri yang disebut sebagai *export ready* yang dah memang pun masuk pada pasaran antarabangsa. Satu lagi, syarikat-syarikat yang masih di peringkat *pre-export*. Jadi, untuk syarikat yang *pre-export* ini Yang Berhormat, kita akan pilih mereka ini untuk diberi bimbingan terutamanya daripada segi kewangan dan kita juga akan memberikan bimbingan daripada segi khidmat nasihat atau disebut sebagai industri klinik dan juga bantuan daripada segi infra IT, pengawasan dan pengurusan kewangan dan bagaimana produk ini akan dapat dibawa potensinya ke pemasaran antarabangsa.

■1110

Jadi setakat ini SDC telah pun menyenaraikan syarikat-syarikat yang kita rasakan syarikat di bawah program SME yang boleh kita bawa dan kita akan bantu syarikat-syarikat ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Gooi Hoe Hin.

14. Dato' Gooi Heo Hin minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah dan mengurangkan keganasan rumah tangga.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM bertanggungjawab terhadap kes-kes keganasan rumah tangga mengikut peruntukkan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Selain penguatkuasaan akta tersebut oleh pihak berkuasa. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mencegah dan mengurangkan keganasan rumah tangga adalah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen kesedaran, ceramah, seminar, dan literasi undang-undang sebagai usaha memberi penerangan dan maklum maklumat yang jelas mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 kepada agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan seperti masyarakat, Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan pertubuhan bukan kerajaan;
- (ii) menjalinkan *networking* dengan izin, dengan agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan, agensi swasta, badan sukarela, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat setempat bagi membendung keganasan secara berterusan dan bersepadu;
- (iii) menerbitkan risalah dan brosur sebagai panduan kepada orang ramai;
- (iv) mewujudkan Talian NUR mulai Disember 2007 iaitu talian yang beroperasi 24 jam untuk memudahkan orang awam membuat permohonan, pertanyaan dan aduan mengenai isu-isu kebajikan dan

sosial termasuk aduan mengenai kes keganasan rumah tangga yang berlaku atau berkemungkinan berlaku; dan

- (v) seminar di semua 222 kawasan parlimen untuk kesedaran terhadap keganasan rumah tangga di bawah Pakej Rangsangan Kedua yang baru diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik JKM bagi tahun 2005 sebanyak 421 kes keganasan rumah tangga dilaporkan bagi tahun 2006 sebanyak 485 kes. Bagi tahun 2007 sebanyak 529 kes. Manakala bagi tahun 2008 jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 521. Peningkatan kes yang dilaporkan mungkin disebabkan oleh keberkesanan kempen kesedaran yang dijalankan terhadap masyarakat khususnya golongan wanita tentang hak mereka untuk mendapatkan perlindungan di bawah akta tersebut. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa peningkatan tersebut mungkin juga kerana kesan ekonomi yang menyebabkan tekanan hidup yang dialami oleh pemangsa. Selain itu kemudahan Talian NUR disediakan juga telah memudahkan mangsa, keluarga dan masyarakat untuk membuat aduan dan laporan mengenai kes-kes keganasan rumah tangga. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin, kemudian Puan Heng, kemudian Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menjawab dengan cukup bernas dan jelas. Akan tetapi nampaknya kes masih meningkat pada 400 lebih hingga ke 500 lebih. Apa sebenarnya, mungkin kah kaum lelaki sudah sedikit otak tidak *center*? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apakah faktor-faktor dari awal itu Yang Berhormat telah kupaskan. Faktor-faktor yang menyebabkan hari ini. Akan tetapi yang akhir itu, adakah ini juga sebab lelaki otak tidak *center*?

Puan Noriah Kasnon: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi dan Tuan Yang di-Pertua. Dalam senarai saya memang salah satu sebab sebenarnya seperti yang disebutkan. Cuma dengan agak lembut, masalah mental. Antara punca-punca yang kita kesan yang menyebabkan berlakunya peningkatan kes keganasan rumah tangga adalah seperti suami atau isteri sama-sama tidak bertanggungjawab, tiada tolak ansur, perselisihan faham sebabkan oleh kehadiran orang ketiga, itu biasa. Penagihan dadah, pemabuk, penjudi di kalangan pesalah laku, masalah mental seperti Dato Gooi katakan sebentar tadi. Masalah perebutan anak, permohonan nafkah, masalah kewangan, kurang didikan agama dan juga kurang pengetahuan keibubapaan yang boleh menyumbang kepada peningkatan kes-kes tersebut Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada mangsa-mangsa yang telah disebutkan tadi berapakah di antara mereka ini yang merupakan kaum lelaki yang menjadi mangsa. Apakah pula puncanya? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jangan keganasan rumah tangga berpunca daripada lelaki sahaja.

Puan Noriah Kasnon: Betul juga Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengakui kebenaran fakta yang dinyatakan bahawa keganasan ini boleh juga berlaku ke atas lelaki ataupun suami. Kalau mengikut jumlah tahun 2005 daripada 421 kes sebanyak 18 orang lelaki menjadi mangsa, 403 perempuan. Tahun 2006 daripada 405 kes, 20 lelaki 385 perempuan. Bagi tahun 2007 daripada 529, 12 lelaki dan 517 perempuan. Itu data yang saya dapat Tuan Yang di-Pertua. Saya kira antara sebab utamanya adalah tidak ada toleransi yang tinggi dan juga tiada kesefahaman, kehadiran orang ketiga, isteri naik berang dan mungkin juga sedikit sebanyak tekanan jiwa yang tidak terbandung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kementerian. Kementerian telah memberi tahu tadi banyak program yang telah dijalankan melalui MPWK di bawah kelolaan kementerian. Adakah kementerian tidak memikirkan ataupun mendapatkan pihak-pihak kaum yang mendera sama ada suami mendera isteri atau isteri mendera suami. Ini untuk *motivate* kan pihak mereka ini selain daripada program yang telah dijalankan oleh MPWK yang kami sebagai pengerusi-pengerusi di peringkat negeri mendapati 99.9% kehadirannya adalah wanita. Berkenaan dengan orang yang ketiga tadi, kebanyakannya memang kita tahu orang ketiga yang melibatkan diri ini kebanyakannya daripada parti. Tidakkah kementerian mencadangkan sesuatu bersama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku? Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya beberapa program juga dirancang khusus untuk kaum lelaki seperti kursus-kursus kebapaan melalui LPPKN, kaunseling-kaunseling kita jalankan juga kepada pemangsa ataupun pesalah laku. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memberi latihan kepada 59 orang *mediator* untuk latihan meditasi yang diharap akan membantu. Akan tetapi sebagaimana lazimnya kumpulan lelaki ini sama ada untuk kursus ataupun untuk kaunseling mereka jarang untuk memberi kerjasama Tuan Yang di-Pertua.

Antara program untuk mengurangkan kehadiran pihak ketiga yang mungkin juga menjadi sebahagiannya tidak semuanya parti wanita ini menjadi pihak ketiga dalam sesebuah rumah tangga. Akan tetapi salah satu usaha yang dijalankan oleh kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada pembantuan-pembantu asing ini misalnya adalah dengan Jabatan Pembangunan Wanita menganjurkan kursus pengurus kediaman ataupun *home managers*. Dengan tujuan dapat menggantikan kumpulan pembantu-pembantu asing ini yang sedikit sebanyak mungkin memberi kesan kepada kehadiran pihak ketiga dalam sesebuah rumah tangga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, tidak hadir. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, hadir dan boleh jawab

saya yakin. Akan tetapi saya biarlah saya beri peluang kepada Tuan Ahmad Hussin dulu supaya Timbalan Menteri Kewangan pun hadir, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah... Jadi sekali lagi kerana keadaan luar biasa kerjaya semua tidak menentu. Biarlah kita beri peluang kepada Tuan Ahmad bin Hussin. Saya akan balik kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

■1120

16. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk menambahkan ekuiti Khazanah di dalam PLUS Expressway Berhad daripada 64% (dan EPF sebanyak 10%) kepada 100% dan akhirnya memansuhkan kutipan tol bagi jalan raya milik PLUS.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengambil alih ekuiti PLUS. Jadi itu keputusannya. Apa yang berlaku sekarang ini kerajaan sedang membuat satu kajian menyeluruh. Ada 26 *concession* keseluruhannya. Mandat telah diberi kepada Kementerian Kewangan dan sekarang di dalam proses untuk melantik konsultan. Dalam tempoh tiga bulan satu kajian akan dikeluarkan, apakah arah tuju dari segi kedudukan *concession* itu.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan saya ialah apakah terdapat perjanjian yang dibuat itu amat berat sebelah dan minta kerajaan mengkaji sesungguhnya untuk memberi keadilan kepada seluruh rakyat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya tidak dapat memberi jawapan Tuan Yang di-Pertua sama ada berat sebelah ataupun tidak. Apa yang saya nyatakan tadi kita sedang melihat kepada beberapa alternatif. Makna alternatif kita ada beberapa. Satu, jika kita ambil alih *concession* ini berapakah kosnya. Pada peringkat ini kita melihat dari segi *market capitalization*. Lebih kurang RM40 bilion. Adakah dengan sekiranya kerajaan membayar kenaikan tol ini berapakah jumlah yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Jadi ini satu alternatif yang kita lihat dan satu lagi alternatif dari segi perjanjian sepertimana Yang Berhormat nyatakan. Ini semua sekarang ini sedang dikaji oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pun tak hadir. Saya balik kepada pertanyaan nombor 15, kemudian 17. Ada Ahli-ahli yang ambil pertanyaan nombor 15?

15. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid [di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan tidak bercadang menukar status pinjaman PTPTN kepada pemberian biasiswa bagi graduan cemerlang terutama yang mendapat anugerah dekan/naib canselor dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya menjawab selepas soalan 14 tadi. Saya hendak sebut yang

saya adalah seorang lelaki, suami penyayang dan suka disayangi. Saya juga Tuan Yang di-Pertua dengan izin mengalu-alukan...

Tuan Yang di-Pertua: Jaga baik-baik Yang Berhormat nanti dia ambil jawatan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: [*Ketawa*] Mengalu-alukan anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Panglima Bukit Gantang, Tuan Yang di-Pertua, ke Dewan Negara... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin yang bertanyakan tentang cadangan beliau untuk menukar status PTPTN kepada biasiswa bagi graduan cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menukar status pembiayaan Pendidikan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau ringkasnya PTPTN kepada pemberian biasiswa bagi graduan cemerlang kerana disebabkan kedudukan kewangan yang terhad.

PTPTN sebelum ini telah pun melaksanakan dasar pembiayaan pendidikan boleh ubah, *convertible loan*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, atau pengecualian bayaran balik kepada para pelajar ijazah sarjana muda yang hanya memperoleh kelas pertama. Walau bagaimanapun, berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad, dasar pengecualian tersebut telah pun dimansuhkan mulai Julai tahun 2005. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kemudian saya pergi kepada pertanyaan nombor 17. Pertanyaan Dato' Musa yang tidak hadir. Sila Dato' Haji Abdul Rashid.

17. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah [di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan kewangan global semasa, apakah usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai di negara ini dan juga di samping itu memastikan agensi-agensi kerajaan berkaitan sewajarnya mengurangkan kerenah birokrasi yang menyulitkan pemaju hingga menyebabkan projek perumahan gagal disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat hadir untuk menjawab pertanyaan nombor 18?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: ...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar akan masalah wujudnya projek-projek perumahan terbengkalai di Malaysia. Bertindak sebagai pemudah cara, KPKT telah melaksanakan beberapa strategi dalam memastikan projek-projek terbengkalai dapat dipulihkan dan diserahkan kepada pembeli rumah.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan pasukan petugas khas pemulihan projek perumahan terbengkalai, *task force* yang berperanan memantau dan menyelaras projek-projek perumahan yang terbengkalai bagi membolehkan semua pihak berkepentingan bekerjasama dalam mencari penyelesaian ke arah pemulihan projek tersebut;
- (ii) bekerjasama dan melantik Syarikat Perumahan Negara Berhad yang bertindak sebagai agen pelaksana pemulihan ke atas mana-mana projek perumahan yang terbengkalai;
- (iii) mempelawa mana-mana kontraktor atau pemaju penyelamat untuk mengambil bahagian dalam memulihkan projek-projek yang masih terbengkalai terutamanya projek-projek perumahan yang *viable* untuk dipulihkan; dan
- (iv) melakukan lawatan dan pemantauan kemajuan kerja yang rapi ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, kebanyakan projek perumahan yang terbengkalai adalah disebabkan oleh masalah kewangan, masalah pengurusan projek, kajian pemasaran dan lain-lain. Dalam pada itu KPKT juga mengambil tindakan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dengan meningkatkan penyelarasan dengan agensi-agensi teknikal yang terlibat. KPKT mengambil tindakan mengadakan mesyuarat dan perbincangan yang lebih kerap dengan agensi-agensi teknikal dan utiliti seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pembetungan, Tenaga Nasional Berhad dan pihak SYABAS berkaitan syarat-syarat pematuhan dan penyiapan kerja-kerja infrastruktur dan utiliti supaya projek bermasalah dapat disiapkan dengan lebih cepat.

Pada masa yang sama KPKT berusaha melakukan pemantauan bersepadu bersama-sama dengan semua kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pentadbir tanah bagi memastikan proses pemajuan dan pembangunan projek perumahan dapat dilaksanakan secara lebih terus dalam membantu industri pembinaan agar terus berkembang.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi disebut keterlibatan Syarikat Perumahan Negara Berhad dalam menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai. Sehingga ini berapa banyakkah projek-projek yang terbengkalai yang telah dapat diselesaikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat untuk saya berikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mohon notis.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya mohon notis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hak Yang Berhormat untuk memohon notis. Terima kasih. Lebih baik daripada beri angka yang silap, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang.

18. Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah status terkini penaiktarafan tadika-tadika KEMAS. Adakah penekanan yang dibuat terhadap modul-modul pembelajaran serta kemahiran tenaga-tenaga pengajar. Apakah pihak kementerian pernah mendengar konsep pembelajaran "CAHAYAKU" iaitu teknik kemahiran pembelajaran membaca Bahasa Melayu untuk kanak-kanak tadika dan pemulihan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengambil beberapa inisiatif untuk menaik taraf kualiti dan status tadika dengan membina 601 buah bangunan baru bagi menggantikan bangunan yang menumpang dan usang, menaik taraf 3,649 buah bangunan yang sedia ada di samping membekalkan peralatan dan kemudahan pengajaran serta pembelajaran kepada 5,886 buah tadika.

Kemudahan ini adalah untuk merangsang perkembangan optimum kanak-kanak dari segi aspek sosial, emosi, jasmani dan rohani kepada purata 200,000 orang kanak-kanak di antara umur 4 dan 6 tahun pada setiap tahun.

Kementerian juga memberi penekanan untuk meningkatkan profesionalisme tenaga pengajar atau pemaju masyarakat di mana sehingga kini seramai 2,280 orang sedang mengikuti program diploma dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

■1130

Pemaju masyarakat ini juga mempertingkatkan kemahiran melalui latihan dalam perkhidmatan merentasi enam komponen pembelajaran yang terkandung dalam kurikulum pra sekolah kebangsaan iaitu bahasa komunikasi, kerohanian dan moral, kreativiti dan estetika, kognitif dan sosio emosi. Berasaskan kepada usaha-usaha di atas program nilai tambah pembelajaran diperkukuhkan untuk merancang kemahiran membaca, menulis dan mengira serta berkomunikasi dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di samping kemahiran mengurus diri dengan penerapan amalan yang murni dan positif. Walau bagaimanapun kementerian tidak terikat dengan mana-mana program seperti "CAHAYAKU". Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Paduka.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih di atas jawapan yang padat sebentar tadi. Saya hanya ingin bertanya apakah tindakan kementerian kepada negeri-negeri yang di bawah pembangkang di mana tadika-tadika kemasnya menumpang di tempat-tempat yang sekarang diperintah oleh mereka. Apakah ada peruntukan yang disediakan untuk pemindahan ini? Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kementerian KKLW sentiasa memantau keadaan ini dan sejauh mana yang saya tahu di mana-mana tempat yang mempunyai masalah

seperti begini yang disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi maka kita mencari satu penyelesaian dengan berunding dengan kerajaan negeri. Jika ada satu tempat lagi yang kita boleh kasi pindah pada mereka maka kita boleh berbuat demikian dan peruntukan akan disediakan. Akan tetapi kalau macam tidak boleh kita cuba lagi dengan sedaya upaya kita untuk berunding oleh kerana sekolah tadika ini amat penting sekali untuk kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan terakhir.

19. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- a) adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan had pinjaman kepada anak-anak kakitangan kerajaan di bawah skim PTPTN agar mengurangkan beban kakitangan kerajaan dari segi tanggungan kos pendidikan tinggi; dan
- b) adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan biasiswa dan pinjaman pendidikan yang khas untuk anak-anak kakitangan kerajaan, terutama sekali guru-guru sudah bersara.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menggulung saya punya ucapan menyokong menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi bolehkah saya terus kepada soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin menjawab soalannya dahulu atau pun hendak terus pergi ke soalan tambahan? Walaupun dijawab semasa penggulangan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Bolehlah Tuan Yang di-Pertua bergantung pada soalan tambahan. Kalau boleh saya jawab saya jawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang diberikan bahawa, kementerian tidak bercadang untuk memberikan apa-apa keistimewaan kepada para guru, bagaimanakah kerajaan hendak mengikis konsep cikgu-cikgu bahawa jasa mereka cuma dikenang pada satu hari sahaja setiap tahun iaitu Hari Guru sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Saya lihat dari isi-isi perbahasan dan juga soalan Yang Berhormat amat memberikan keprihatinan kepada kumpulan-kumpulan guru yang sememangnya diiktiraf sumbangan dan jasa mereka ke arah mendidik masyarakat masa hadapan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dipihak kementerian kita tidak beranggapan bahawa untuk membalas jasa guru ini melalui pengurangan kadar biasiswa atau pun pemberian pinjaman lebih

rendah daripada kumpulan yang lain kerana pada pandangan kita ia akan mencetuskan pelbagai persepsi yang antaranya nanti ada pula kumpulan yang menyatakan mereka lebih menyumbang kepada umpamanya pihak keselamatan negara. Kalau negara tidak aman tenteram guru pun tidak boleh mengajar dan sebagainya.

Jadi sebarang bentuk keputusan berbentuk polisi yang diamalkan oleh kerajaan ia perlu mengambil kira kepentingan semua pihak supaya ia tidak menjadi *precedence* menjadi satu amalan yang akan di *quote*, dijadikan *quotation* satu masa nanti. Akan tetapi apa pun kita cuba lihat mana-mana ruang untuk kita membantu secara berterusan kepada kumpulan-kumpulan pendidik yang sememangnya menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya satu ketika dahulu kita pernah dengar penubuhan yayasan guru. Apa jadi dengan yayasan tersebut kalau sebenarnya memang telah ada yayasan guru ini maka isu memberi bantuan kepada anak-anak guru atau bekas-bekas guru ini boleh diselesaikan melalui yayasan guru. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat. Saya tidak dapat hendak beri jawapan Tuan Yang di-Pertua kerana yayasan guru ini berkemungkinan terangkum kepada budi bicara Kementerian Pelajaran Malaysia. Tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Senator sudah tahu Kementerian Pelajaran akan bergabung dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan menjawab lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan

TuanKu semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas”.

[2 April 2009]

11.38 pg.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana saya ada terima surat tadi yang mengatakan bahawa kementerian Yang Berhormat bersetuju untuk memberi laluan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Walau bagaimanapun mungkin Yang Berhormat terima kembali untuk menjawab dahulu. Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Ya Tuan Yang di-Pertua ada sedikit kesilapan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan ke atas Titah Diraja di Dewan Negara tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Akbar Ali menyentuh tentang jawapan saya pada 12 Mac 2009 tentang kriteria pemohon terhadap kes yang tidak layak menerima bantuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap permohonan bantuan kebajikan akan dijalankan siasatan oleh Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah. Selain daripada aspek pendapatan keluarga yang tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan semasa iaitu RM720 sebulan untuk Semenanjung, RM830 sebulan untuk Sarawak dan RM960 sebulan untuk Sabah. Aspek-aspek lain yang diberikan perhatian termasuk taraf kerakyatan sebagai warganegara Malaysia dan keadaan keluarga pemohon seperti bilangan tanggungan, keadaan dan isi rumah kediaman, umur pemohon, kecacatan, keuzuran, waris atau anak-anak yang berkemampuan dan lain-lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali juga turut memberikan beberapa saranan dalam usaha menambah baik perkhidmatan yang diberikan terutamanya yang melibatkan penerima bantuan daripada golongan warga emas, sakit kronik dan OKU khususnya. Semua saranan Ahli Yang Berhormat amat saya hargai dan pihak kementerian telah pun dimaklumkan dan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan pegawai khususnya semasa proses penyiasatan akan diperbaiki dan mereka akan sentiasa diberikan latihan dari semasa ke semasa.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua mengikut panduan yang telah ditetapkan setiap permohonan bantuan kebajikan akan diproses oleh pegawai JKM di peringkat daerah dalam tempoh empat minggu. Walau bagaimanapun bagi kes-kes terdesak yang memerlukan bantuan segera, bantuan akan diruskan segera melalui Tabung Bantuan Segera yang kini disediakan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau pun PKMD.

■1140

Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa dari semasa ke semasa melihat keperluan untuk mempercepatkan proses pemberian bantuan dan kita amat maklum bahawa sememangnya terdapat kes-kes yang agak lewat daripada tempoh yang kita berikan. Oleh yang demikian, langkah terkini yang diambil oleh JKM adalah penurunan kuasa meluluskan bantuan kebajikan persekutuan diperturunkan kepada PKMD kalau dahulunya daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk mempercepatkan proses kelulusan. Selain daripada itu JKM juga telah turut mempermudah pengisian borang permohonan dengan meringkaskan borang cari kepada dua muka surat sahaja kalau sebelumnya melalui borang JKM 17 hampir 10 ke 14 muka surat yang perlu diisi oleh pemohon.

JKM juga telah membangunkan sistem e-bantuan iaitu sistem pengurusan bantuan secara *on-line* bagi membantu mempercepatkan proses pertimbangan bantuan. Cadangan Yang Berhormat supaya JKM menambahbaik sistem pengurusan bantuan khusus dalam aspek peraturan pengeluaran cek dan penambahbaikan sistem komputer amat saya ucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan perkara-perkara tersebut juga telah saya panjangkan dan semoga mendapat perhatian daripada pihak kementerian dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Heng Seai Kie menggesa supaya kerajaan mengambil langkah menggalakkan...

11.41 pg.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon izin Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Silakan sahabat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum pergi kepada jawapan untuk Yang Berhormat Senator yang lain, saya ada beberapa perkara ingin dibangkitkan untuk ulasan pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih atas segala penjelasan tadi cuma kita kena lihat di mana letaknya *critical success factor* atau CSF, dalam mempercepatkan usaha-usaha meluluskan bantuan.

Dalam hal ini saya ingin sama-sama merayu bagi pihak kementerian Yang Berhormat atas nama Teras 5, Misi Nasional, mempercepatkan sistem penyampaian atas nama dengan izin, *empowerment* melalui proses *decentralization*. Saya mohon demi kepentingan orang-orang susah ini, apa salah kiranya Akauntan Negara menurunkan kuasa kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk membuat ceknya sendiri bagi mempercepatkan bantuan turun kepada orang-orang yang susah ini.

Yang kedua, saya harap macam mana kita berbincang pagi tadi, masih ada lagi kelemahan di pihak kemanusiaan, Yang Berhormat Menteri. Nampaknya prosedur ada, metodenya ada, tetapi sikap itu masih memerlukan peningkatan dari segi menjadi lebih positif. Sebagai contoh, dua kes macam mana saya terangkan pagi tadi. Ada seorang yang kematian suami, ada tiga anak kecil dan kebetulan ibu bapanya masih bersedia menerimanya balik dan tinggallah di rumah yang nampaknya elok tetapi dia hanyalah peniaga warung dan pendapatan

untuk balu ini hanyalah RM400. Akan tetapi Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak meluluskannya, kononnya kerana rumah itu elok dan sebagainya.

Yang kedua, ada orang tua, malam tadi saya dapat, saya buat, bantu tetapi gagal. Kononnya dia tinggal bersama dua anaknya yang bekerja tetapi pegawai itu lupa, salah seorang anaknya yang bekerja lebih kurang RM600 sebulan mempunyai lima anak dan seorang lagi yang masih belum berkahwin hanya dapat kerja kampung RM400 sebulan. Jadi masih lagi di bawah tahap taraf kemiskinan tetapi tidak diberikan bantuan.

Soalan saya seterusnya, dalam jawapan lisan minggu lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melaporkan berdasarkan Projek Mencari terdapat 44,492 orang penerima ataupun yang layak terdiri daripada kaum Melayu dan 17,938 pula terdiri daripada kaum Cina. Masalahnya di sini ialah saya kena faham apa maksud statistik ini tetapi sesuatu yang jelas bagi orang Melayu kalaulah ini merupakan *the total population* orang yang layak menerima maka ia adalah amat rendah kerana mengikut *Household Income Survey* atau HIS, dengan izin, pada tahun 2007, terdapat 184,400 isi rumah Melayu miskin. Mungkin angka ini yang 44,000 tadi adalah angka baru? Mohon penjelasan.

Akan tetapi yang lebih aneh terdapat 17,938 isi rumah Cina yang miskin yang sudah diluluskan dari segi kelayakan tadi sedangkan mengikut HIS yang sama, kadar kemiskinan orang Cina hanyalah 0.6% bersamaan 8,900, bermakna apa yang diusahakan oleh JKM meningkat 100%. Sejauh mana angka ini *credible*? Selaras dengan itu, sejauh mana angka ini disemak dengan angka-angka rasmi yang lain seperti yang dikeluarkan oleh HIS dan dikeluarkan oleh ICU melalui e-Kasih.

Berhubung dengan e-Kasih soalan saya yang berikutnya Yang Berhormat ialah, mengapa Jabatan Kebajikan Masyarakat atau ICU salah satu saya yang patut buat, dalam hal ini mengapa Jabatan Kebajikan Masyarakat harus buat kerja yang sama dibuat oleh ICU melalui e-Kasih. Kalaulah Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak perlu melaksanakan Projek Cari ini dan bergantung kepada e-Kasih yang merupakan satu *data base* isi rumah miskin, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh menjimatkan secara kasar lebih kurang RM19 juta setahun. Ini bermakna seramai 533 orang miskin dapat menggunakan wang RM19 juta ini sekiranya setiap bulan diberikan hanya RM300 sebulan. Mengapa mesti kita bazirkan *cash resources* ini dengan izin.

Soalan saya yang berikutnya adalah saya ingin tahu daripada 21.4% isi rumah yang gagal layak mendapat bantuan seperti mana yang dijawab minggu lepas, apakah pecahannya mengikut kaum? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih sahabat saya Senator Akbar Ali yang begitu prihatin dan juga nampak kepakaran beliau tentang angka-angka dan saya amat hormat pandangan-pandangan tersebut.

Untuk *empowerment* Tuan Yang di-Pertua, untuk menurunkan bagi memperkasakan dan juga mempercepatkan proses pengeluaran cek agar kuasa AG itu diturunkan daripada agen negeri kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, sebenarnya usaha-usaha telah

kita buat sejak tahun 2006 tetapi sebagai pusat pembayar atau pun PTJ masih tidak diluluskan tetapi dengan keadaan kehendak *delivery system* yang begitu tinggi oleh rakyat dan desakan-desakan dari rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Negara, saya akan berbincang lagi dengan Datuk Ketua Setiausaha Kementerian dan memohon lagi tanpa jemu untuk mempermudah lagi sistem pembayaran ini supaya dapat turun ke daerah-daerah dengan lebih cepat.

Tentang soalan kedua iaitu sikap atau pun tatakkerja pegawai-pegawai penyiasat yang turun yang kadang-kadang hanya melihat keperluan atau pun melihat fizikal seperti rumah besar, kereta ada, astro ada dan sebagainya. Sebenarnya latihan-latihan telah diberikan juga kepada pegawai-pegawai khidmat singkat ataupun pekerja cari secara sambilan ini untuk selain daripada mematuhi syarat-syarat asas tetapi terdapat juga ruang-ruang untuk mereka turut sama cuba menjiwai kes-kes yang disiasat seperti kalau rumah tersergam besar itu tinggalan suami, adakah ditinggalkan wang yang boleh dicairkan, adakah insurans, adakah pencen dan sebagainya.

Sebenarnya itu kita minta siasat juga dan juga tentang beberapa aduan Yang Berhormat sebentar pagi tadi saya sedia untuk memberi kerjasama, berikan saya maklumat-maklumat lengkap, saya sendiri akan berhubung dengan PKMD terlibat untuk melihat semula, mengkaji semula kes yang dikatakan tidak layak tetapi sebenarnya sangat memerlukan bantuan.

■ 1150

Sememangnya saya sendiri menemui kes-kes seperti itu di kawasan saya sendiri di mana kadang-kadang terdapat tiga, empat ibu tunggal dalam satu rumah seorang, dua sahaja bekerja menjahit misalnya tetapi tanggungan masing-masing ada empat, lima orang. Kadang-kadang terdapat pegawai yang bukan sahaja tidak menjiwai tetapi secara terlalu lurus mengikut garis panduan tanpa memikirkan ada satu lagi syarat tambahan iaitu melihat kepada kumpulan yang berkeperluan. Itu memang ada di dalam asas untuk menyiasat dan sekiranya terdapat kekurangan di kalangan pegawai ini insya-Allah kita akan perbaiki lagi Yang Berhormat Datuk Senator daripada semasa ke semasa.

Tentang kredibiliti statistik yang saya nyatakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah tersebut adalah jumlah yang saya peroleh setelah dihimpunkan semua angka-angka daripada Projek Cari sahaja sehingga 20hb Mac 2009 daripada Julai 2008. dan memang kalau dilihat terdapat angka yang tidak menggambarkan jumlah sebenar kadar kemiskinan sebab rata-ratanya di kalangan orang Melayu yang cuma dapat lebih 44 000 sahaja di sini.

Akan tetapi saya sebenarnya ini belum lagi habis. Pencarian kita untuk kumpulan sasar, kumpulan orang miskin yang perlu dibantu ini masih lagi berterusan sehingga bulan Disember 2009. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak jumlah yang benar-benar perlukan bantuan akan kita berikan perhatian dan seterusnya akan kita luluskan untuk bantuan. Begitu juga dengan pertindihan ataupun sama ada kami menyemak angka-angka daripada sumber-sumber yang boleh kita anggap berwibawa daripada HIS, daripada e-kasih dan sebagainya. Untuk makluman

memang kita tidak ada membuat perbandingan Yang Berhormat tetapi kita menggunakan garis panduan, garis syarat kelayakan yang saya nyatakan tadi yang itulah jumlah yang kita dapat. Akan tetapi insya-Allah cadangan yang bagus untuk mendapat gambaran yang lebih tepat. Mungkin selepas ini saya akan minta pegawai untuk membuat perbandingan. Manakala daripada e-Kasih sebenarnya kita mendapat jumlah-jumlah daripada e-kasih. ICU untuk dilihat sama, sama ada mereka ini penerima bantuan JKM ataupun bukan. Didapati sebahagian daripada mereka walaupun berdaftar bawah e-kasih tetapi mungkin juga terdapat sedikit sebanyak kepincangan dalam sistem maka mereka didapati juga tidak layak.

Walau bagaimanapun kita akan buat semakan secara lebih menyeluruh selepas ini. Untuk 21.4% jumlah Yang Berhormat Senator, jumlah pecahan yang tidak diluluskan ataupun di mana kita kata tidak layak untuk menerima bantuan ini saya ini tidak ada pecahan kaumnya Yang Berhormat dan izinkan saya untuk memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Mohon izin untuk saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Heng Seai Kie supaya kerajaan mengambil langkah menggalakkan penerima-penerima bantuan melalui Projek Cari berusaha meningkatkan pendapatan bagi membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan dan tidak terus bergantung atas bantuan kewangan kerajaan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penerima bantuan JKM adalah terdiri daripada dua kategori iaitu penerima yang tidak produktif seperti warga emas, kanak-kanak dan OKU yang tidak berupaya bekerja serta OKU yang terlantar dan pesakit kronik yang terlantar. Manakala satu kategori lagi adalah merupakan penerima yang produktif seperti ibu tunggal dan OKU yang boleh bekerja dan diberikan latihan. Kumpulan produktif ini biasanya kita berikan bantuan berbentuk sementara sehingga mereka mampu berdikari dan keluar daripada kebergantungan kewangan ini.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menggalakkan penerima bantuan berdikari dan tidak bergantung terus pada bantuan adalah dengan menyediakan bantuan geran pelancaran dan juga latihan kemahiran. Bantuan geran pelancaran ini adalah bentuk pemberian modal bagi memulakan perniagaan dan perusahaan ekonomi secara kecil-kecilan kepada penerima bantuan sedia ada yang berminat dan produktif. Kadar bantuan yang kita tetapkan memang kecil adalah sebanyak maksimum RM2700 sahaja. Selain dari itu, anak-anak penerima bantuan juga diberikan elaun latihan *apprentice* bagi mendapatkan latihan kemahiran yang seterusnya akan dapat membantu keluarga keluar daripada belunggu kemiskinan. Sementara bagi OKU yang mampu dan berminat untuk berdikari mereka boleh mengikuti latihan dan kursus di bengkel-bengkel Daya JKM yang ada di Sungai Petani dan di Klang. Khas untuk OKU dan juga satu di pusat latihan perindustrian dan pemulihan di Bangi yang menyediakan latihan-latihan vokasional dan juga separa vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berpandangan bahawa kes-kes penderaan terhadap wanita dan kanak-kanak yang berlaku di negara ini adalah kian serius. Oleh yang demikian beliau ingin mengetahui sama ada terdapat program-program yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi mengurangkan kes-kes

tersebut. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan pelbagai program bagi menangani keganasan terhadap wanita. Program ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala keganasan dalam masyarakat terutama wanita;
- (ii) memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan pendidikan asas dari segi moral dan keagamaan dari peringkat awal lagi iaitu bermula daripada rumah;
- (iii) memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang kaedah menangani keganasan dari perspektif gender;
- (iv) melengkapkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan masyarakat terutama wanita mengenai keganasan serta cara menghadapi dan menangani keganasan; dan
- (v) memberi maklumat kepada masyarakat tentang saluran aduan dan bentuk bantuan disediakan untuk mangsa keganasan.

Sejak tahun 2004 sehingga kini JPW telah melaksanakan lebih 400 program seminar menangani keganasan terhadap wanita di seluruh negara melibatkan 60 000 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin masyarakat, ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, kakitangan awam dan swasta serta orang awam.

Selain daripada itu bermula dari tahun 2004 sehingga kini JPW juga telah melaksanakan sebanyak 362 program literasi undang-undang di seluruh negara yang melibatkan penyertaan lebih 40 000 orang peserta. Menerusi program ini para peserta diberi pendedahan mengenai hak-hak wanita yang diperuntukkan dalam undang-undang termasuk hak dalam perkahwinan, semasa perkahwinan, selepas perkahwinan, pembahagian harta serta perlindungan yang disediakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sebagaimana yang saya jawab secara lisan pada pagi tadi.

Bagi mempertingkatkan kefahaman orang ramai mengenai keperluan untuk menangani keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, JPW juga turut menerbitkan risalah untuk edaran kepada ramai seperti berikut:

- (i) Hak-hak Wanita Akta Keganasan Rumah Tangga; dan
- (ii) Akta Anti Perdagangan Orang 2007, gangguan seksual dan juga tip bagi menghindari dan menjadi mangsa keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang dilancar pada 10 Mac 2009, kementerian diperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi pelaksanaan seminar menangani keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak di kesemua 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Program ini akan bermula pada bulan April 2009 ini dan dijangka seramai 44 400 peserta wanita dan diharapkan lelaki juga akan turut sama mengikuti program ini.

Manakala program yang dilaksanakan bagi bantu wanita yang mengalami masalah keganasan melalui jabatan kebajikan masyarakat adalah:

- (i) mengadakan kempen kesedaran kerjasama agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, hospital, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan suka rela kebajikan dan lain-lain; dan
- (ii) mengadakan ceramah, seminar literasi undang-undang sebagai usaha memberi penerangan dan maklumat yang jelas mengenai keperluan-keperluan dalam akta kepada agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan masyarakat dan juga pertubuhan-pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, statistik keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2008 adalah sebanyak 521 kes. Antara program yang dilaksanakan untuk membantu wanita yang mengalami masalah keganasan melalui JKM adalah seperti yang saya katakan tadi. Secara umumnya tadi JPW tetapi di bawah JKM juga mengadakan kempen-kempen kesedaran dan juga kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, mengadakan ceramah dan seminar, mengadakan bantuan dari sudut pengukuhan psikologi iaitu dalam penyediaan perkhidmatan kaunseling, sesi bimbingan dan kaunseling yang bertujuan mengelak keganasan daripada berlaku ke atas pasangan yang berisiko tinggi dan juga mengadakan kempen kesedaran dengan Polis Diraja Malaysia, hospital, MPW, pertubuhan suka rela kebajikan dan NGO. Sebahagian besarnya juga telah saya nyatakan di dalam jawapan awal dan juga secara lisan pagi tadi termasuk mewujudkan Talian Nur untuk memudahkan orang awam bagi membuat aduan secara segera bermula daripada Disember tahun 2007 beroperasi selama 24 jam sehari.

■1200

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Masyarakat juga memberi perhatian serius kepada isu penderaan kanak-kanak dan kementerian melalui JKM juga melaksanakan program keselamatan kanak-kanak dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Kementerian Pelajaran agensi berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat umumnya. Langkah yang di ambil ke arah ini adalah seperti pertama mengadakan program kesedaran pada ibu bapa kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing bagi menentukan keselamatan kanak-kanak, contohnya latihan kemahiran keibubapaan yang bertujuan memberi pendedahan kepada ibu bapa supaya sentiasa bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan anak masing-masing dan tidak mengabaikan mereka.

Justeru langkah proaktif antara program yang dianjurkan adalah seperti Program *Smart Start* dan Modul Kasih oleh LPKN serta juga program terkini *Parenting At Work* bagi membantu mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerjaya. Program ini dijalankan ke tempat kerja masing-masing supaya memudahkan dan bermula pekerja di sektor awam pada tahun 2007 dan kini telah diperluaskan ke peringkat daerah, sektor swasta, komuniti dan lain-lain badan pertubuhan.

Kedua, mengadakan program pencegahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak melalui 'maktab' taska komuniti. Taska komuniti ini adalah usaha kerajaan membantu ibu bapa berpendapatan rendah mendapat jagaan yang selamat semasa ibu bapa keluar bekerja. Jika sebelum ini, terdapat ibu bapa yang mengharapkan kakak atau abang lebih tua untuk menjaga adik-adik semasa keluar kerja, kini ibu bapa boleh menghantar anak-anak mereka ke taska komuniti yang beri keutamaan kepada ibu bapa berpendapatan rendah dan kanak-kanak ini akan lebih selamat dan mendapat jagaan berkualiti di taska tersebut.

Sehingga kini terdapat 26 buah taska komuniti telah ditubuhkan di seluruh negara yang jumlah 344 kanak-kanak yang dapat perkhidmatannya dan jumlah ini semakin kecil jika dibandingkan dengan harapan dan matlamat sebenar penubuhan.

Selain daripada itu untuk meningkatkan keberkesanan membendung masalah keselamatan, sekali lagi talian nur boleh membantu untuk memudahkan masyarakat membuat laporan hanya dengan menelefon satu 15999. Juga mewujudkan pasukan perlindungan kanak-kanak yang bertujuan yang menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak disyaki memerlukan perlindungan. Sehingga ini terdapat 131 buah pasukan perlindungan kanak-kanak yang diwujudkan di seluruh Malaysia. Pasukan ini turut menyediakan khidmat sokongan membantu keluarga dan kanak-kanak yang berisiko tinggi melalui 135 buah pusat aktiviti kanak-kanak ataupun PAKK di seluruh negara dan program-program *advocacy* serta intervensi seperti seminar, bengkel, ceramah, kursus, motivasi, bimbingan serta kaunseling dengan sokongan masyarakat dan pemimpin setempat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Boleh saya mencelah

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Mumtaz

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih pada pihak kerajaan kerana dari segi rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan. Kita dapati dari *advocacy* dan juga penerangan tentang masalah penderaan ini, saya rasa telah meluas di kalangan rakyat dengan penubuhan JPW200 yang dijalankan di seluruh negara. Walau bagaimanapun yang saya basahkan dalam ucapan menjunjung kasih berkenaan dengan kecekapan dan kesediaan di kalangan agensi-agensi kerajaan untuk menangani masalah penderaan, sekarang dari segi pengetahuan insya-Allah rakyat sudah tahu. Masalah dari segi kecekapan dan kesediaan atau pun kerjasama antara agensi-agensi yang mengendalikan kes-kes penderaan yang dihadapkan kepada mereka sama ada di peringkat polis ataupun di peringkat hospital.

Kita maklumkan apabila kita bawa kes ini kepada peringkat sebenar tidak sama macam diceritakan, dari segi pengetahuan memang kita tahu kalau mereka didera pergi ke tempat yang kena pergi tetapi dari segi kesediaan agensi yang menerima mangsa-mangsa tersebut, saya ingin dapatkan jaminan kerajaan, adakah dia buat sebarang piawaian tentang pengurusan kes-kes trauma seperti ini, bagaimana piawaian itu dipantau, bagaimana kerjasama antara agensi, apakah masalah yang dihadapi kerana kita sekarang di peringkat pelaksanaan, di peringkat teori, di

peringkat penjelasan saya rasa meluas di kalangan rakyat, jadi kita hendak tahu dari segi ISO untuk pengurusan kes-kes trauma dan penderaan ini kerana kita bimbang dengan penjelasan pihak kerajaan kerana terdapat peningkatan kes-kes rogol 300% di kalangan masyarakat. Bila kes rogol ini meningkat kemungkinan kerana sumbang mahram, kerana perbuatan seks suka sama suka di kalangan mereka di bawah umur.

Jadi perkara ini perlu kepada satu pengurusan yang lebih sistem sistematik dan strategik di kalangan agensi kerajaan yang menguruskan kes penderaan dan kes jenayah seperti ini dan saya kira kementerian yang paling tepat yang menguruskan kes seperti ini adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana ia akan menjadi satu unit yang akan koordinasi antara semua jabatan dan agensi. Terima kasih

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz di atas pandangan atau soalan beliau sebentar tadi kalau kementerian mempunyai satu jaringan kerja yang rapat antara agensi-agensi yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya cakapkan tadi, sememangnya kita mempunyai jaringan kerjasama atau *networking* yang begitu naik, kita adakan seperti *inter-agencies meeting* dengan izin, dan pernah juga sekali kita bersama terus dengan Ketua Polis Negara dan juga Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai kanan untuk membincangkan masalah dan insya-Allah ia akan berterusan.

Untuk satu lagi yang mungkin, sebab teori semua kesedaran sudah tinggi tapi kadangkadangkang mereka tidak tahu pergi ke mana ataupun ditolak ke banyak tempat bila nak buat aduan. Sebenarnya satu perkhidmatan bersepadu dan *one-stop-crisis centre* telah diwujudkan oleh Jabatan Kecemasan hospital-hospital besar di semua peringkat negeri yang memberi bantuan segera dan memberi satu tempat untuk mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga dan kes-kes rogol di mana mangsa tidak perlu pergi ke begitu banyak tempat untuk membuat laporan polis misalnya. Mereka pergi ke Jabatan Kecemasan hospital dan pusat sehati ini akan memberikan khidmat perubatan fizikal serta rawatan dan pihak polis akan datang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga untuk kes-kes keganasan juga akan turut sama datang memberi bantuan dan kaunseling yang bersesuaian. Cuma saya maklum bahawa hebahan agak kurang mengenai OSCC ini dan ramai tidak tahu bahawa terdapat 16 buah hospital yang menyediakan pusat khidmat sehati untuk tujuan membantu mangsa-mangsa dan memudahkan proses mereka sebelum tindakan mahkamah oleh pihak pendakwa.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya persoalan yang saya bangkitkan memanglah mengenai OSCC, yang saya bangkitkan dari segi teori sudah okey. OSCC ini bila kes dibawa ke hospital memang terdapat hospital-hospital yang enggan untuk menerima mangsa-mangas kerana tidak tahu bagaimana prosedur-prosedur untuk melaksanakan program ini.

Jadi saya hendak dapatkan satu jaminan atau pelarasan yang perlu dikemaskinikan dari masa ke semasa kerana kita lihat apabila kita bawa kes ke hospital, biasanya pihak hospital enggan menerima pesakit selagi belum ada repot. Bila kita hantar ke balai polis, balai polis tidak

mahu ambil kes melainkan ada laporan-laporan hospital. Ini kita hendak, bila kita wujudkan OSCC hendak dapatkan kesepaduan tetapi masalah berlaku di situ dan saya minta jaminan. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan bersama, kemungkinan pihak hospital daerah dan klinik kecil mungkin tidak begitu maklum dengan OSCC ini. Wajarliah saya dan kementerian saya akan menulis kepada kementerian kesihatan supaya mengadakan dan memperbanyakkan brosur-brosur untuk diedarkan kepada semua wanita dan lelaki di luar sana supaya mereka dapat maklumat yang sebenar. Mungkin saya boleh sebutkan hospital-hospital besar yang menyediakan perkhidmatan OSCC ini iaitu Hospital Seremban, Hospital Kota Bahru, Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Umum Sarawak, Hospital Labuan, Hospital Kangar, Hospital Alor Setar, Hospital Pulau Pinang, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tengku Rahimah Klang, Hospital Putrajaya, Hospital Kuala Terengganu, Hospital Melaka, Hospital Tengku Ampuan Afzan Pahang dan juga Hospital Sulatanah Aminah Johor baharu dan insya-Allah, saya akan panjangkan suara Ahli-ahli Dewan ini kepada Kementerian Kesihatan untuk diambil tindakan.

■1210

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga turut mencadangkan supaya diadakan dengan izin *one stop centre* bagi golongan ibu tunggal. Ini lain ya Yang Berhormat, ini ibu tunggal cadangan dari Yang Berhormat. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat berhubung isu ibu tunggal ini. Walau bagaimanapun untuk makluman buat masa ini kementerian belum bercadang untuk menubuhkan dengan izin *one stop centre* khusus untuk ibu tunggal.

Wanita termasuk golongan ibu tunggal yang memerlukan bantuan khidmat nasihat serta ingin menyertai program-program pembangunan wanita bolehlah menghubungi pejabat-pejabat pembangunan wanita negeri di 14 buah negeri di seluruh negara. Manakala kes-kes berkaitan kebajikan boleh dirujuk kepada pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah dan negeri yang berhampiran. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie berpendapat bahawa statistik penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan di semua sektor masih tidak mencapai 30% seperti yang disasarkan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya dasar 30% wanita dalam pembuat keputusan dapat direalisasikan segera oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua walaupun penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan masih belum mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat dasar di sektor awam namun terdapat kemajuan yang membanggakan dalam beberapa sektor. Contohnya di sektor awam bilangan wanita yang menyandang Jawatan Utama Sektor Awam ataupun JUSA meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 22.8% pada tahun 2008.

Bilangan Senator wanita pada Dewan ini pula cukup mengagumkan dengan peratus sebanyak 26.7% walaupun bilangan Ahli Parlimen wanita di Dewan Rakyat masih rendah sekitar 10.4% dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi wanita di negeri-negeri hanya lapan peratus.

Manakala bilangan wanita yang memegang jawatan di peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008.

Sektor swasta juga turut menunjukkan trend yang positif di mana peratusan wanita di peringkat pembuatan keputusan seperti presiden, naib presiden, ketua pegawai eksekutif dan pengurus besar kanan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008. Bagi sektor awam amat menggalakkan memandangkan bilangan pegawai wanita yang berada peringkat pengurusan pertengahan dari gred 48 hingga 54 pada tahun 2007 sudah pun melebihi 30%.

Jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang dahulu telah didominasi oleh lelaki juga telah disandang oleh wanita walaupun bilangannya masih ingin kita pertingkatkan. Pada masa ini dua orang wanita memegang jawatan Naib Canselor ataupun sebanyak sepuluh peratus sementara itu enam orang memegang jawatan Timbalan Naib canselor Universiti Awam ataupun juga 10% berbanding 2.2% pada tahun 2004. Pelantikan wanita bagi menyandang kedua-dua jawatan ini merupakan peningkatan dari 1.6% pada tahun 2004 kepada 10% pada tahun 2008.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga bagi mempercepatkan juga pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan satu pelan tindakan bagi mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan sedang dimuktamadkan. Pelan tindakan yang digubal ini bagi menggariskan strategi-strategi bagi meningkat penyertaan wanita hampir dalam semua sektor kritikal yang telah dikenal pasti iaitu politik, perkhidmatan awam termasuk badan berkanun dan universiti, kehakiman dan juga sektor swasta. Akhirnya saya sekali lagi merakam ucapan setinggi terima kasih kepada...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon...

Puan Noriah Kasnon: ...Semua Ahli Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon...

Puan Noriah Kasnon: ...Ya sahabat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih kerana saya hari ini mendapat sahabat baru tetapi saya bukan saudara baru ya. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat, soalan saya begini, ataupun pada senario yang akan datang mengambil kira kemasukan ke IPT dari segi jantina kira-kira 70% ke 80% adalah gadis ataupun wanita. Saya rasa pencapaian yang diharapkan itu selaras dengan MDG akan mudah dicapai kalau tidak pun *by 2015, saya rasa by 2020.*

Masalahnya nanti Yang Berhormat ialah selepas satu generasi ini apakah rancang kementerian pula *to reverse the situation*. Kerana apa yang saya lihat dan nampak berdasarkan *scenario planning* lebih ramai wanita-wanita yang akan menduduki jawatan yang diterangkan tadi berbanding dengan lelaki. Akan berlaku nanti *social dislocation*, revolusi sosial dalam masyarakat kita contohnya daripada *housewife* akan menjadi *househusband*. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: *[Bangun]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, ada satu lagi, Yang Berhormat bangun dahulu.

Puan Noriah Kasnon: Takut saya lupa, boleh saya jawab dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih silakan...

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih ya, saya katakan sahabat walaupun baru kenal sebab beliau merupakan seorang yang begitu banyak menyumbang idea kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita sangat-sangat mengalu-alukan, itu yang saya anggap sahabat ya. Tentang kebimbangan tentang peningkatan jumlah kemasukan ataupun enrolmen wanita, anak-anak perempuan kita di universiti Awam termasuk juga Swasta sebenarnya yang melebihi 60%.

Sebenarnya pada saya itu adalah satu kebanggaan dan juga kejayaan negara. Tidak perlu kita bimbangkan masalah sosial di mana kelak digambarkan akan wujud *house husband* dan sebagainya. Saya rasa itu adalah bergantung kepada perbincangan antara suami isteri. Sekarang ini pun ramai *graduate* ataupun anak-anak gadis yang bijak ini mempunyai suami yang lebih rendah pangkat ataupun status pekerjaannya kerana wanita ramai yang bijak-bijak. Walau bagaimanapun dalam bijak-bijak itu pun sasaran kita 30% itu tidak juga dapat-dapat.

Jadi apa yang saya hendak katakan di sini bahawa sasaran 30% bukanlah kuota, tetapi kalau berdasarkan kredibiliti dan keupayaan dan kalau satu hari kelak didapati kredibiliti dan keupayaan wanita ini dan juga di sumbang lagi dengan keprihatinan pihak pemimpin tertinggi, saya rasa memang akan lebih dari sasaran kita. Saya rasa kita wanita ini cukup prihatin, kalau berjaya dalam sektor kerjaya tetapi tidak pernah melupakan rumah tangga dan tidak harus kita risaukan dan bimbangkan Yang Berhormat. Ini kerana saya takut sebab persepsi itulah maka 30% ini tidak tercapai-capai, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Hajah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sharifah Azizah.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kementerian apakah strategi ataupun langkah-langkah yang telah dibuat oleh kementerian bagi memastikan peningkatan wanita dalam jawatan-jawatan tertinggi dan bila agaknya pencapaian 30% yang diangan-angankan oleh wanita benar-benar dapat tercapai dan adakah hanya dengan konvensyen yang kita adakan, dengan menghantar memorandum demi memorandum. Akan tetapi benda ini saya ingat dah berjalan bertahun-tahun daripada saya kecil sehingga saya telah dewasa, sehingga saya dah masuk alam tua.

Maknanya benda ini masih lagi di takuk yang dah lama, sebut 30% ini dah lama tetapi tidak ada apa-apa. Jadi saya harap kepada Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat apakah langkah-langkah yang sebenar adakah kita hendak membuat cara desakan

ataupun cara hanya berdiam diri, lagi menghantar memorandum demi memorandum, konvensyen demi konvensyen sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puan Heng Seai Kie juga bangun.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk bangun setelah mendengar soalan tambahan yang di kemukakan oleh ahli Dewan kita iaitu daripada kaum lelaki. Selepas mendengar maklum balas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat setuju dengan pendapat Timbalan Menteri dan juga pendapat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain tadi iaitu nampaknya satu daripada halangan yang telah menghalang pencapaian 30% ini jelas adalah merupakan *mindset* kaum lelaki di negara ini termasuk sekali Yang Berhormat Senator kaum lelaki di Dewan yang mulia ini.

■1220

Jadi saya cadangkan supaya di samping kita mengatur strategi untuk mencapai 30% ini, biarlah ia bermula dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini juga. Sekian terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Pertama sekali saya sangat menyokonglah, permintaan daripada Yang Berhormat Senator Heng Seai Kie supaya sokongan ini, keikhlasan sokongan ini bermula daripada rakan-rakan sejawat di dalam Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Saya mohonlah kefahaman dan sokongan. Tidak ada hendak mengambil tempat sesiapa, tetapi kita berdasarkan merit dan juga kredibiliti masing-masing.

Datuk Akbar bin Ali: Saya, minta maaf.

Puan Noriah Kasnon: [Ketawa]

Datuk Akbar bin Ali: Saya sungguh terpanggil kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bergantung kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih. Ini betul-betul sahabat saya. Sebenarnya saya rasa, saya tidak harus menyalahkan mana-mana pihak yang respons kepada pandangan saya tadi berbeza dengan apa yang saya maksudkan. Itu mungkin salah saya, kegagalan saya untuk menerangkan keadaan yang sebenar. Apabila saya timbulkan apa yang mungkin berlaku di masa depan berdasarkan apa yang saya katakan tadi *scenario planning*, itu tidak ada kaitan *male bias*, *female bias*. Tidak ada timbul masalah *mind set*. Ini yang saya kata apa realiti pada *perception* saya akan berlaku. Itu akan berlaku di mana nanti berdasarkan keadaan sekarang di mana, kalau gunakan angka Timbalan Menteri tadi 60-70% ialah *intake* ke IPT adalah perempuan.

Jadi ini memang akan berlaku nanti seperti mana sudah pun berlaku dalam sekolah, dalam sistem pendidikan di mana sekarang lebih ramai guru besar adalah dari kalangan kaum wanita. Ia berlaku secara natural, dan ini akan berlaku. Jadi sekarang kita kalaulah ada usaha sekarang untuk membetulkan *lop-sided*, dengan izin, tentang gender antara lelaki dan perempuan. Kita juga kena fikir di masa hadapan, apa jadi kalau berlaku *lop-sided the other way round? It has nothing to do* dengan *gender bias*. Tidak ada. Akan tetapi mungkin kita kena cari

keseimbangan antara gender supaya masyarakat mungkin akan mencapai *the new equilibrate* dari segi kemasyarakatan dengan izin, itu sahaja.

Jadi kita kena fikir kedua-dua. Saya yang kadang-kadang tidak berapa suka dalam usaha kita hendak mengurangkan *male bias* dan kita mahukan keseimbangan, kesamarataan antara gender, timbul seolah-olah pula satu kaum perlu dilebihkan, ataupun satu *gender*, ataupun satu jantina perlu dilebihkan dari yang lain. Tidak! Dia mesti ada keseimbangan. Itu yang hendak saya cakapkan dan ini suatu yang potensi yang akan berlaku dan harus kita ambil perhatian. Terima kasih.

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat minta laluan.

Puan Noriah Kasnon: Sama kah?

Dato' Yip Kum Fook: Sedikit sahaja. Saya ingin tahu, adakah 30% itu merupakan keseimbangan antara kaum jantina ini, iaitu di antara adakah kaum wanita berpuas hati dengan 30% itu? Sekian terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat. Ya saya ambil perhatian, kebimbangan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar sebentar tadi yang mungkin akan menimbulkan sedikit sebanyak masalah sosial dalam keluarga dan sebagainya. Insyallah kita akan mengambil perhatian tentang pandangan tersebut. Dan juga pandangan Yang Berhormat Senator Heng..., bukan Heng, yang *handsome gentlemen* sebentar tadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Yip.

Puan Noriah Kasnon: Yip. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak Yang Berhormat Dato' Senator Yip tentang sama ada kita puas dengan 30%. Sebenarnya seperti saya katakan, 30% bukan kuota ianya sasaran sekurang-kurangnya, tetapi kalau mengikut kepada keupayaan, merit dan sebagainya kita layak untuk diberikan tempat. Jadi kita mohon pertimbangan keadilan daripada semua pihak supaya diberikan tempat kepada wanita yang memang berkeupayaan ini walaupun akan melebihi sasaran 30%. Tempoh pun memang kita tidak sasarkan, tetapi sekarang ini atas desakan-desakan dalam pelan tindakan yang sedang kita muktamadkan dan akan kita bentangkan ke Kabinet dalam pertengahan bulan 2009 ini, insyallah kalau tidak pun menjelang tiga suku akhir 2009 kita harap perkara ini akan mendapat pertimbangan daripada semua anggota Kabinet. Saya kira itu sahaja isu-isu yang telah di...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat minta laluan. Okey Yang Berhormat saya amat menyokong tentang tindakan-tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat untuk melihat wanita mencapai tahap 30% ke atas. Akan tetapi saranan saya Yang Berhormat, jangan lupa kaum-kaum minoriti yang mana saya melihat kalau tengok 30% ini kaum minoriti yang mana kita lihat terutama kaum siam, kaum Orang Asli, juga kaum-kaum yang kecil ibarat di Melaka ada kaum minoriti, ini mesti diambil kira dalam melihat generasi Malaysia maju tahun 2020 akan datang, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Sebenarnya untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat adalah satu perjuangan untuk wanita pelbagai kaum. Semua kaum tidak ketinggalan termasuklah kumpulan minoriti, peribumi, kumpulan Orang Asli khususnya yang hari ini memang telah terbukti memang yang telah mencapai kejayaan dan kumpulan ini tidak akan kita sisihkan daripada program-program kejayaan apatah lagi untuk kita mencapai sekurang-kurangnya 30%. Insya-Allah Yang Berhormat. Dan saya kira itu sahaja dapat saya jawab tentang isu daripada tiga orang sahaja..

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh selesaikan Yang Berhormat. Kerana menjawab hal pembangunan wanita ini sudah hampir sejam sudah.

Puan Noriah Kasnon: Minta maaf Dato' Timbalan Pengerusi Tetap... *[Ketawa]* Wanita UMNO yang baru menang Tuan Yang di-Pertua. Jangan dia kata saya tidak sokong kalau saya tidak bagi laluan. Boleh berjumpa saya di lobi Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa. Saya benarkan satu lagi Yang Berhormat. Silakan.

Puan Noriah Kasnon: Okey, silakan, silakan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri. Apa pendapat kementerian tentang kebimbangan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar tadi, takut-takut nanti pihak lelaki menjadi *househusband* sedangkan saya rasa ini bukanlah keseluruhan tanggungjawab kementerian Yang Berhormat. Oleh sebab nisbah anak gadis kita dalam IPTA, IPTS telah lebih 15 tahun melebihi anak gadis daripada anak teruna. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Dato' Hajah Saripah Aminah. Saya kira, sahabat saya tadi Senator Datuk Akbar Ali secara ikhlas melontarkan pandangan beliau bukan semata-mata bimbang suami akan menjadi *househusband*. Akan tetapi mungkin rentetan daripada itu beliau bimbang akan wujudnya masalah-masalah sosial dan juga masalah-masalah dalam mempertahankan institusi keluarga. Saya yakin beliau ikhlas dalam melontarkan pandangan tersebut. Kita akan sama-sama mengkaji untuk kebaikan semua pihak. Kementerian ini sebenarnya bukan menjaga wanita sahaja, termasuklah lelaki, masyarakat dan juga semua kumpulan sasar. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Silakan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

12.29 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan MECD semasa perbahasan menjunjung kasih titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baru-baru ini.

■1230

Kami menghargai komen sahabat Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali mengenai sasaran masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang dikatakan terlalu rendah.

Untuk makluman dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sehingga tahun 2010, MeCD menyasarkan untuk melahirkan seramai 150,000 orang usahawan baru dalam pelbagai bidang. Di samping meningkatkan keupayaan dan kapasiti 25,000 *enterprise* yang sedia ada.

Dari segi pencapaiannya sehingga tahun lepas, MeCD telah melahirkan seramai 106,670 orang usahawan baru dengan 16,835 *enterprise* sedia ada berjaya dimantapkan. Berdasarkan banci pertubuhan dan *enterprise* tahun 2005 pula, Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS, mewakili 99.2% atau 508,996 daripada pertubuhan perniagaan yang sedia ada. Daripada jumlah ini, sebanyak 32.5% merupakan PKS bumiputera. Jika dibandingkan sasaran MeCD dan banci yang telah dilaksanakan, bolehlah kita rumuskan bahawa sasaran MeCD adalah selaras dan selari dengan usaha mewujudkan MPPB menjelang tahun 2020.

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik agar lesen kontraktor Kelas 'F' dibuka semula untuk memberi peluang perniagaan kepada usahawan baru. Untuk makluman Dewan ini, MeCD sedang menyediakan Kertas Kabinet berhubung pembukaan lesen kontraktor Kelas 'F' memandangkan kerja-kerja pembangunan yang banyak diwujudkan menerusi pakej rangsangan ekonomi.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengkaji jumlah kontraktor baru yang diperlukan selaras dengan keperluan ini dan kajian juga sedang dibuat dalam memperketat syarat-syarat tertentu agar mampu melahirkan kontraktor yang benar-benar tulen. Berkaitan isu pemandu teksi yang tidak menggunakan meter perjalanan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Kementerian memandangkan serius perkara ini ...

Datuk Akbar bin Ali: Saya mohon mencelah Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya.

Datuk Akbar bin Ali: Pasal ini ada kaitan dengan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Saifuddin, sahabat saya. Sekali lagi saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kerana menang. Sudah tentulah undi orang Melaka turut menyokong sebab kita sudah ambil Tun Teja dahulu.

Apa yang Dato' Sebutkan memang ada di muka surat 72 *mid term review* 150,000 sebagai sasaran. Akan tetapi, apa yang hendak saya katakan tadi dalam ucapan saya hari itu ialah 150,000 ini memang nampak banyak atau ramai, tetapi apabila kita mengambil kira, kita peratus kan, kita nisbah kan dan mengambil kira seluruh masyarakat bumiputera. Saya ingat kawan saya dari Sarawak mesti guna perkataan bumiputera.

Kalau saya hendak bantu supaya angka ini nampak besar sedikit dari segi peratus, saya tidak ambil penduduk bumiputera keseluruhan lebih kurang 17 *million* tetapi saya ambil kurang daripada itu. Peratusnya hanyalah 1.5%. Jadi, adakah 1.5% ini besar berbanding dengan penduduk bumiputera tadi? Kedua kalaulah angka yang saya dengar tadi betul, 32,000 *enterprise* dari bumiputera ia *hardly* 6% dari segi seluruh PKS.

PKS kita ada lebih kurang 550,000 berdasarkan banci yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2003. Daripada setengah juta lebih ini, 80% adalah mikro di tahap saiz mikro. Hanya 18% di peringkat kecil dan 2% di peringkat sederhana. Jadi, saya bimbang 32,000 Yang Berhormat Dato' sebutkan tadi mungkin tergolong dalam peringkat mikro itu tadi. Jadi, kalau benarlah kebimbangan ini di manakah letaknya kejayaan MPPB tadi? Jadi, saya rasalah suatu yang lebih serius dari segi sasaran perlu di *revise upward*, dengan izin, supaya dia lebih menunjukkan komitmen, iltizam, *enthusiasm* dan *passion*, dengan izin, untuk betul-betul membesarkan MPPB ini.

Ini saya belum ambil kira secara relatif kaitannya dengan kumpulan kelas menengah Melayu yang akan jauh lebih kecil lagi. Sehubungan dengan ini, untuk mempertingkatkan keberkesanan MeCD dalam membesarkan MPBB yang memang bertunjangkan kepada EKS, saya ingin sarankan serta cadangkan selaras dengan perubahan baru di bawah Perdana Menteri yang baru ini. Apa kata kalau tugas MPPB dan tugas EKS ini diletakkan di bawah satu kementerian yang sama. Jadi, lebih mudahlah usaha membesarkan MPBB ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menepati sasaran yang selaras dengan aspirasi masyarakat kita. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih sahabat. Soalan belum tentu sahabat. Saya setuju tentang angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar. Cuma angka itu adalah tambahan kepada jumlah EKS dan jumlah pengusaha-pengusaha bumiputera yang sedia ada. Itu adalah sasaran untuk lima tahun dan itu adalah jumlah. Betul ia 1%, itu adalah cubaan untuk menambah kepada jumlah yang sedia ada.

Seperti yang kita sedia maklum misalnya angka-angka yang selalu kita sebut, yang lazim kita sebut, ekuiti bumiputera adalah 19% misalnya. Penguasaan bumiputera terhadap premis perniagaan baru 15% misalnya. Jadi, itu adalah percubaan MeCD kementerian ini untuk menambah kepada jumlah yang sedia ada. Soal sama ada EKS itu pada tahap mikro, betul. Itu saya setuju, sebahagian itu masih pada tahap yang sangat kecil.

Sebab itu lah juga, misalnya kita menyoalkan beberapa perkara baru-baru ini. Ia ada dua perkara yang harus kita lihat. Ini kita harus lihat dengan cara bersepadu. Di satu pihak, kita ada usaha-usaha misalnya untuk membangunkan usahawan-usahawan bumiputera. Akan tetapi di suatu pihak yang lain, ada waktunya ada kesan *back lash*, dengan izin, daripada sesuatu dasar yang membenarkan pembukaan gedung-gedung yang terlalu besar misalnya *hypermarket* yang mungkin menelan... Saya selalu sebut angka 400,000 peniaga dan penjaja kecil bumiputera yang ada di seluruh Malaysia.

Sebab itu misalnya Tuan Yang di-Pertua, kita perlu dan saya sangat mengagumi tiga konsep ekonomi yang diperkenalkan oleh Dato' Sri Najib. Dalam tiga konsep itu saya fikir kita boleh meletakkan satu pendekatan baru yang kita selalu sebut *Social Entrepreneurship*. Keusahawanan sosial di mana kalau sekiranya sesuatu gedung besar hendak dibangunkan, ia bukan hanya membantu PKS bumiputera pada tahap kesepuluh atau kesebelas dalam operasinya

iaitu untuk membawa masuk 15% IKS bumiputera dalam *hypermarket* misalnya. Akan tetapi, sebelum cerita itu dia lihat dahulu bagaimana kalau dia hendak buka *hypermarket* satu kawasan, dia tidak menelan apa-apa EKS bumiputera yang telah sedia ada.

Saya juga faham maksud Yang Berhormat Datuk Akbar tentang bagaimana kalau EKS itu diletakkan di sebuah kementerian yang sama, yang bertanggungjawab dengan MPPB. Ini kerana misalnya kita ada 13 industri strategik yang telah diisytiharkan sejak beberapa tahun yang lepas untuk MPPB ini. Akan tetapi, industri strategik ini terletak di pelbagai agensi. Kemudian kita ada 111 dana untuk membantu EKS. Sebanyak 111 dana ini terletak dalam sepuluh kementerian, hanya 33 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya fikir ini perkara-perkara yang boleh kita bincangkan dan selaraskan pada masa yang akan datang. Akan tetapi ini satu cadangan yang pada saya sangat penting yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat.

Kalau saya diizinkan untuk menyambung ...

Datuk Akbar bin Ali: Sedikit sahaja Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. *Just* orang kata hendak memuaskan statistik yang saya ada. Kalaulah dikatakan tadi 150,000 yang disasarkan oleh RMK-9 ini ialah merupakan tambahan, bermakna yang sedia ada itu ialah 'x'. So, 'x + 150,000'. Oleh sebab tidak ada apa angka 'x' itu di dalam RMK-9 dan di sini. Boleh saya tahu berapa banyak yang sudah sedia ada, apa yang dikategorikan dalam kumpulan MPPB itu? Terima kasih.

■1240

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu saya mohon notis untuk mendapatkan jawapan yang tepat. Jika diizinkan Tuan Yang di-Pertua, isu akhir yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pemandu teksi yang tidak pakai meter perjalanan. Seperti yang saya sebutkan tadi kementerian sentiasa melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan melalui operasi penguatkuasaan harian dan bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti JPJ dan Polis Diraja Malaysia dalam menangani kesalahan berkaitan perkhidmatan teksi, bukan sahaja kesalahan berkaitan meter, bahkan kesalahan lain seperti mengenakan tambang lebih, enggan mengambil penumpang dan tidak memakai uniform yang sesuai. Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil ialah mengeluarkan amaran, membatalkan dan menggantung lesen serta kompaun. Sepanjang tahun 2008 sahaja sebanyak 2,531 aduan telah diterima dan 3,325 buah teksi telah diperiksa melalui operasi penguatkuasaan harian bersepadu. Daripada jumlah ini sebanyak 4,426 tindakan penguatkuasaan telah diambil berasaskan kepada pelbagai kesalahan tersebut. Bagi memantapkan penguatkuasaan, kementerian kini telah menambah seramai 64 orang lagi pegawai penguat kuasa menjadikan jumlah keseluruhan pegawai penguatkuasaannya seramai 105 orang. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pihak kementerian. Beberapa hari yang sudah saya telah menaiki teksi dari satu tempat ke satu tempat dan melalui pemandu teksi

itu kita dimaklumkan yang permit teksi untuk individu dibuka dan dalam lingkungan jumlah 3,500 permit dan dalam jumlah 3,500 permit itu, cuma 500 sahaja permit teksi untuk individu dan untuk 3,000 lagi adalah untuk teksi limousin. Tidakkah kementerian terfikir yang tidak ramai orang awam yang melanggan teksi limousin di negara kita ini yang mana jumlahnya tertinggi. Naik sahaja, meter sudah tunjuk RM7. Sedangkan kebanyakannya perlu teksi biasa yang lebih murah, apabila naik sahaja tunjuk RM2. Saya juga dapati ramai *driver* teksi ini bercakap menentang kerajaan oleh kerana sesuatu sebab. Salah satu sebabnya adalah apa yang berlaku saya sebut tadi itu. Bagaimana pendapat kementerian? Adakah benda yang dipercakapkan itu betul atau tidak? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan sekali Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada jawapan yang telah diberi kepada Dewan ini ialah ada satu lagi perkara yang perlu juga kementerian Yang Berhormat boleh melihat dari segi sudut *hygienic matters* dengan izin, iaitu selain daripada kebersihan teksi yang kita naiki, serta keselesaan tempat duduk, ialah dari segi *the body odour*, dengan izin, bau-bauan tubuh daripada *driver* teksi ini, minta maaf tetapi terpaksa saya sentuh di sini, bukan berniat untuk memperendahkan tetapi dengan suasana panas di luar, masuk dalam teksi *air-cond*, baunya tidak menyeronokkan. Jadi ianya setidak-tidaknya merasakan bahawa masyarakat kita ini kotor ataupun tidak ada *hygienic* dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat dan cara mana boleh mengatasinya. Katakan memang ada benda-benda ini berlaku, terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih, ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjiwa rakyat, selalu naik teksi, alhamdulillah. Tentang yang pertama tadi, sebenarnya angka itu tidak begitu tepat, yang 3,000 itu adalah untuk permit teksi individu, teksi bajet dan bukan teksi limousin. Setakat yang kita sudah beri, setakat ini sambutan daripada mereka sangat menggalakkan ketika ada dua sesi pemberian permit itu. Pertama, dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: dan yang kedua dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar, ada pemandu teksi Tuan Yang di-Pertua, menangis ketika dia mendapat lesen itu kerana sudah belas-belas tahun mereka ini makan gaji, jadi gurkha. Maaf cakap kepada pemilik-pemilik syarikat. Sekarang baru mereka mendapat memiliki permit sendiri, mereka boleh beli teksi sendiri dan kerajaan bagi pula pinjaman dan kita di MeCD pun bagi pinjaman untuk mereka membeli teksi.

Pada mereka, seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional ini Kerajaan Barisan Nasionallah, kalau Kerajaan Pembangkang mereka tidak buat kerja macam ini. Kerajaan Barisan Nasional memberi nafas ataupun nyawa baru, nyawa kedua kepada mereka dan mereka sangat berterima kasih. Yang kedua, soal kebersihan, sebenarnya kita dalam perancangan dan sudah pun hampir siap merumuskan satu jenis latihan yang bakal kita wajibkan sebenarnya kepada pemandu-pemandu teksi. Pemandu teksi ini ada dua kategori, satu individu dan satu lagi yang bekerja dengan syarikat-syarikat pengusaha teksi yang akan kita kuatkuasakan cuma kita tengah mencari jalan bagaimana boleh diwajibkan, sebab ini memerlukan sedikit kuasa dari segi perundangan.

Kita ambil maklum bukan sahaja soal bau badan tetapi juga ketertiban kerana mereka ini seolah-olah macam duta kita apabila menyambut tetamu terutamanya daripada luar negeri sama ada di tempat-tempat masuk, sama ada di lapangan terbang ataupun di stesen-stesen bas utama bahkan juga di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lumpur. Kita terima banyak aduan dalam *email* kita, penumpang yang tidak puas hati dengan cara mereka dari segi mengendalikan *client*, *client handling*, dengan izin. Ini kita ambil kira Yang Berhormat dan ini insya-Allah secepat mungkin cuba kita laksanakan. Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan insya-Allah kita cuba membaiki prestasi kita dari semasa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Kerja Raya.

12.48 tgh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Diraja di Dewan Negara ini. Saya akan cuba menjawab semua soalan yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah menyentuh empat perkara yang berkaitan dengan kementerian saya. Perkara pertama adalah minta penjelasan Menteri Kerja Raya berapa jumlah kos sebenar pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ke-2 dari Kuantan ke Kuala Terengganu. Cara apakah digunakan untuk membiayai pembinaan tersebut dan adakah tol akan dikenakan untuk lebuhraya tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kos sebenar bagi pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ke-2 ini dari Kuantan ke Kuala Terengganu adalah sebanyak RM3.72 bilion dengan pembiayaan menggunakan wang P.27 sebanyak RM1.97 bilion dan wang dana khas sebanyak RM1.75 bilion. Pelaksanaan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ke-2 ini terbahagi kepada dua iaitu sebanyak 30% daripada keseluruhan jajaran jalan ini dilaksanakan oleh MTD Capital Bhd secara *turnkey* dan diletakkan di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia LLM.

■1250

Manakala baki 70% kerja-kerja pembinaan akan diselia oleh Jabatan Kerja Raya secara kontrak konvensional atau menggunakan tender. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur, Fasa Dua direka bentuk sebagai lebuhraya sistem bertol tertutup. Kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada lebuhraya ini akan dikenakan bayaran tol atau tidak.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan meneliti kembali syarat-syarat kepada kontraktor Kelas 'A' yang mendapat RM10 juta ke atas untuk memberi 10% kepada kontraktor Kelas 'F'. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat pelaksanaan dasar agihan 10% kepada kontraktor Kelas 'F' bagi projek-projek melebihi RM10 juta bukan sahaja untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada kontraktor Kelas 'F' tetapi adalah bermatlamat

untuk memperkukuhkan tahap daya saing dan kemahiran kontraktor Kelas 'F' melalui bimbingan yang diberi oleh kontraktor utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa potong, saya tahu berapa banyak Kementerian akan menjawab pada hari ini. *Sorry* lah Yang Berhormat. Melalui dasar agihan 10% ini, kontraktor Kelas 'F' dapat meningkatkan kemahiran dan cara kerja yang lebih baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, secara puratanya nilai kerja yang akan dianugerahkan kepada kontraktor Kelas 'F' di antara RM100 ribu hingga RM200 ribu bagi memastikan masalah persetujuan harga kerja yang ditawarkan adalah harga yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Maka harga yang ditawarkan oleh kontraktor utama perlulah mendapat persetujuan daripada Jabatan Kerja Raya yang juga bertindak sebagai pengadil.

Jalan mudah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, berkaitan pemberian wang kepada kontraktor Kelas 'F' tanpa perlu melaksanakan kerja adalah sukar dilaksanakan. Ini adalah kerana setiap kerja yang ditawarkan kepada kontraktor Kelas 'F' ini perlu diikuti dengan menandatangani surat ikatan penyerahan. Lantaran dari itu, setiap pembayaran kerja bagi skop yang dilaksanakan akan dibayar terus kepada kontraktor Kelas 'F' bagi memastikan kepastian pembayaran.

Perkara yang ketiga ialah Yang Berhormat meminta Menteri Kerja Raya menjelaskan mengapa ses tidak dikenakan kepada PLUS dan syarikat konsesi yang lain memandangkan hasil kutipan tol adalah tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai ses didefinisikan sebagai cukai khusus yang dikenakan ke atas sektor-sektor tertentu yang bertujuan untuk mendapatkan pembiayaan bagi meningkatkan produktiviti melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan, aktiviti mempromosi dan memperkenalkan keluaran di peringkat antarabangsa, pembangunan sumber manusia dan sebagainya.

Cukai ses secara umumnya dikenakan ke atas produk-produk berasaskan pertanian dan komoditi seperti tembakau, kelapa sawit, getah dan kayu balak. Pada masa sekarang kerajaan tidak melaksanakan cukai ses ke atas syarikat konsesi. Walau bagaimanapun mengikut perjanjian konsesi, sekiranya isi padu trafik pada tahun berkenaan adalah lebih tinggi daripada *threshold* yang telah dimaktubkan dalam perjanjian konsesi, maka kerajaan adalah berhak berkongsi lebihan kutipan tol dengan syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga ialah pelaksanaan IBS dikaji semula supaya tidak wujud monopoli oleh pihak pengeluar IBS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak wujud monopoli di dalam pelaksanaan IBS dalam projek-projek kerajaan. Berdasarkan rekod terdapat 119 syarikat pengeluar IBS, 485 produk IBS dan 1,933 kontraktor IBS yang boleh digunakan untuk melaksanakan projek-projek dengan cara IBS.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, minta laluan. Saya kalau boleh tak nak kacau Yang Berhormat tetapi mungkin ada dua perkara yang ingin saya sentuh. Satu berkait dengan IBS, yang saya katakan tadi dalam syarat IBS ini yang kerajaan buat, kontrak IBS ini 70% digunakan bahan-bahan IBS. Kalau dengan keterangan Yang Berhormat tadi, hanya 400 lebih

sahaja bahan-bahan yang keluar IBS, maka sudah tentu menjadi satu kesukaran kepada kontraktor-kontraktor hendak menggunakan bahan-bahan IBS. Sebab bahan-bahannya begitu banyak sekali dalam sesuatu bangunan yang dibuat.

Keduanya adalah dari segi yang dikatakan 10% kontraktor Kelas 'F' tadi. Bukan ertinya kontraktor Kelas 'A' bagi duit tetapi syarat yang telah dikenakan ialah di mana RM10 juta ke atas, 10% kena beri kepada kontraktor Kelas 'F' tetapi harga nilai, harga yang dibuat oleh kontraktor Kelas 'A', jumlah keuntungannya hanya 7% ke 8%. Apabila beri kepada kontraktor Kelas 'F', jumlah peratusnya ialah 10% ke 15%. Maka sudah tentu tidak boleh kontraktor Kelas 'F' buat dengan harga kontraktor Kelas 'A'. Di situlah saya meminta supaya kerajaan meminda supaya 10% ini digunakan sebagai satu jumlah *PC sum* kah, dengan izin, *prime cost sum* supaya kontraktor Kelas 'F' dapat kerja dengan baik, dengan menguntungkan dan kontraktor induk pun dapat melaksanakan tugas-tugas untuk mendidik kontraktor Kelas 'F'. Itu cadangan saya, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kita ada dua minit lagi. Saya bukan kontraktor jadi minat saya lain sikit Yang Berhormat ya. Saya merakamkan setinggi penghargaan terhadap sumbangan JKR kepada pembangunan negara. Dalam konteks IBS ini dan juga bangunan-bangunan, jambatan-jambatan yang didirikan oleh JKR. Saya ingin tahu dalam konteks sekarang dan sehingga sekurang-kurangnya 2050, apakah usaha kerajaan khususnya JKR dalam konteks *clean energy revolution*, dengan izin. Apakah usaha yang telah dibuat, dicapai dan akan dicapai berhubung khususnya karbon produktiviti. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Roslan kerana cadangan 10% untuk kontraktor Kelas 'F' dengan cara yang memberikan keuntungan, ini memang adalah satu cadangan yang baik. Sebenarnya saya pun terfikir bagaimana kalau *main contractor*, kontraktor utama baru dapat untung 7% atau 8%, kadang-kadang rugi juga dan bagaimana kena bahagikan 10% kepada beberapa orang sub kontraktor Kelas 'F'. Beban ini telah pun dipikul oleh pihak kontraktor kecil dan harganya kalau tertakluk kepada kontraktor utama, mungkin ada juga.

Walaupun bayaran akan terus dibayar tetapi mungkin keuntungan, *margin profit* adalah kurang sangat. Mungkin cadangan Yang Berhormat adalah baik. Mengenai 70% bahan-bahan untuk IBS, memanglah kita kata 70% dan lain-lain ada 30% untuk bahan-bahan yang lain. Dengan ada 400 lebih bahan IBS, mungkin akan ditambah lagi tetapi pada *bulk* kita nampaknya ada peluang kita boleh melaksanakan 70% dengan apa yang kita ada, kontraktor pengeluar IBS yang kita ada dan juga dengan kapasiti mereka ada dan dengan bahan sebanyak 400 lebih, mungkin kita dapat juga melaksanakan dasar ini.

Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk Akbar tadi, saya pun tidak tahu bagaimana kita kaitkan jambatan dengan *renewable energy*. Saya perlu balik dan tengok bagaimana kita akan jimatkan *energy causal* ini dan *use renewable energy, wind energy* kah, untuk *environment* yang bersih, ini yang penting. Kita selalunya buat jalan, kita tengok tempat-tempat di mana kita

memerlukan memelihara alam sekeliling, alam sekitar di mana-mana tempat kita terpaksa juga *modified* kita punya *spec* supaya *environment* kita tidak terancam. Ini saya harap dapat menjawab soalan Datuk Akbar.

Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, kita sambung petang lah ya. Okey, *thank you very much*.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya boleh sambung ucapan.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu usul.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai keputusan Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan selepas ini Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 7 April 2009”.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

2.34 ptg.

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung jawapan saya pagi tadi. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz mencadangkan supaya kos untuk kursus bagi peningkatan kelas kontraktor dimansuhkan memandangkan kegawatan ekonomi sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CIDB mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan tenaga kerja sektor pembinaan yang terlatih, mahir dan berbangga dengan kerjaya

mereka. Pelbagai program pembangunan latihan disediakan untuk manfaat oleh kontraktor dan personel binaan tempatan. Pembangunan program latihan adalah termasuk mengenal pasti dan menyediakan standard kemahiran, modul pembelajaran serta prasarana latihan. Bagi tujuan tersebut segala kos pembangunan adalah ditanggung sepenuhnya oleh CIDB. Kos pengendalian kursus-kursus dan latihan kontraktor sebahagian besarnya ditanggung oleh CIDB dan CIDB hanya mengenakan yuran kursus yang minimum sahaja kepada peserta sebagai tanda komitmen mereka.

Bagi mempertingkatkan lagi bilangan tenaga kerja mahir, kerajaan telah mengarahkan CIDB untuk menyediakan peruntukan serta melatih sekurang-kurangnya 100,000 pelatih dalam bidang teknikal, pengurusan dan keselamatan bagi tahun 2009. Semua pekerja binaan juga digalakkan melalui proses akreditasi dan latihan yang ditanggung sepenuhnya oleh CIDB bagi pekerja binaan tempatan.

Berhubung dengan penglibatan belia di dalam industri pembinaan, CIDB memang giat mengusahakan program latihan kemahiran kepada belia. Bagi pihak belia kita memberikan perbelanjaan bagi mengendalikan program ini termasuklah yuran kursus, penginapan pelajar, makan minum dan elaun kursus ditanggung sepenuhnya oleh CIDB.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir membangkitkan mengapa Menteri Kerja Raya tidak berbincang dulu dengan kabinet tentang kenaikan kadar tol kerana keputusan untuk mengurangkan dan menaikkan kadar tol kerap berubah dalam masa yang singkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kenaikan kadar tol yang tidak di bincang dengan Kabinet adalah tidak timbul sama sekali kerana segala keputusan untuk menaikkan atau menanggukkan kenaikan kadar tol mestilah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz telah membangkitkan apakah jenis-jenis kesalahan atau terma yang dilanggar oleh syarikat konsesi lebuhraya dalam menyelenggarakan lebuhraya. Apakah bayaran pampasan yang sepatutnya dibayar dan apakah standard piawaian, mutu pemeliharaan dan kualiti semua lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan sentiasa melakukan pemantauan terhadap semua syarikat konsesi lebuhraya supaya melakukan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya seperti mana yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Sebarang penemuan terhadap ketidakpatuhan akan direkodkan dan pihak konsesi diarah untuk melakukan pembaikan atau pembetulan dalam tempoh masa yang ditetapkan bergantung kepada kerosakan yang dikesan.

Bagi memastikan syarikat konsesi tidak melanggar sebarang ketetapan yang telah dibuat oleh kerajaan pemantauan secara berterusan sentiasa dilakukan agar kualiti sesebuah lebuhraya menemui piawaian yang ditetapkan. Di samping itu di dalam perjanjian konsesi kerajaan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan notis bagi mengguna pakai bon penyelenggaraan syarikat konsesi sekiranya didapati syarikat konsesi gagal mematuhi obligasi untuk menyelenggarakan lebuhraya.

Untuk makluman Yang Berhormat standard piawaian, mutu pemeliharaan dan kualiti lebuhraya di Malaysia adalah setanding dengan kualiti lebuhraya di negara-negara maju. Ini kerana piawaian reka bentuk, pengawalan dan pengendalian pembinaan operasi dan penyelenggaraan yang telah diguna pakai adalah berdasarkan piawaian antarabangsa dan praktis terbaik masa kini yang mana sentiasa dipastikan kualitinya oleh pihak kerajaan.

■1440

Ini dilaksanakan melalui pemakaian garis panduan terkini, penganjuran kursus dan seminar-seminar di samping rundingan dan kerjasama teknikal yang dibuat di antara pakar-pakar tempatan dan luar negara.

Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan tiga perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Perkara pertama adalah mengapa jalan-jalan utama di Sabah dan Sarawak masih tidak memuaskan kerana selalu timbul masalah jalan berlubang dan masalah tanah runtuh di lereng bukit terutamanya selepas hujan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa memastikan tahap kualiti penyelenggaraan di semua jalan persekutuan diselenggarakan dengan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Sekiranya kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi tidak memuaskan, pihak konsesi perlu membaiki semula kerja-kerja tersebut tanpa sebarang bayaran tambahan. Kerja-kerja yang dibuat oleh pihak konsesi akan disahkan terlebih dahulu oleh pegawai JKR di tapak sebelum bayaran dibuat. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan fizikal semasa jalan yang telah melepasi had penyelenggaraan atau dengan izin, *beyond maintenance limit*, dan juga pertambahan trafik dan muatan yang menggunakan jalan ini, maka penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan tidak mampu bertahan lama yang mana kerja-kerja ini tidak boleh dilaksanakan di bawah kontrak penyelenggaraan semasa.

Yang Berhormat Tuan Pau telah pun menimbulkan banyak masalah jalan-jalan di kawasan Bintulu, Miri dan Sibu dan sebahagian daripada Kuching dan kita tahu ini adalah soalan spesifik. Saya akan memberi jawapan secara bertulis. Cuma saya hendak beritahu untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009 kementerian telah meluluskan peruntukan awal keseluruhan sebanyak RM53.07 juta bagi negeri Sarawak dan RM72.08 juta bagi negeri Sabah untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan rutin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada lapan kementerian mengikut selepas saya, maka saya akan memberikan jawapan yang spesifik ini secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, hanya dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Kesihatan semasa membahaskan ucapan menjunjung kasih ke atas Yang Dipertuan Agong. Pertama, Yang Berhormat Datuk Maijol yang meminta pihak kementerian dapat menubuhkan sebuah *cardiac center*, dengan izin, bagi mengatasi masalah masa menunggu rawatan berkaitan jantung dengan agak lama bagi penduduk Sabah.

Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini memang menjadi hajat kementerian untuk mewujudkan satu *cardiac center* di Sabah, sama tarafnya dengan negeri Sarawak. Kita ada lima selain daripada IJN satu di Pulau Pinang, satu di Serdang, satu di Johor Bahru dan satu lagi di Kuching. Buat masa ini pesakit-pesakit yang ingin mendapat pembedahan di Sabah sudah pun mendapat khidmat daripada IJN menggunakan kemudahan di *Sabah Medical Center* sebulan sekali. Ekoran daripada rancangan yang lebih mendalam untuk negeri Sabah, kita jangkakan sedikit masa lagi di mana kita sudah ada seorang pakar kardiologi dan pakar bedah *cardiothoracic* sudah pun kita latih dengan adanya prasarana yang sudah wujud di *Sabah Medical Center*.

Yang kita bercadang untuk beli, Kabinet sudah pun meluluskan dan bajet pun sudah ada, cuma kita hendak sesuaikan dengan harga. Kita hendak harga yang betul-betul berpatutan supaya bukan sahaja ia dapat menyelesaikan isu pesakit jantung di Sabah tetapi juga kita boleh tambah katil dan perkhidmatan kepakaran dan sub kepakaran di Hospital Queen Elizabeth. Jadi di peringkat kementerian, Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan pegawai tertinggi untuk menubuhkan satu jawatankuasa runding, perundingan di antara pengurusan kementerian dengan empunya *Sabah Medical Center* bersama-sama dengan khidmat nasihat *central agency* seperti EPU dan MoF.

Soalan kedua yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Pau adalah mengenai isu kekurangan kakitangan perubatan dan juga bekalan ubat-ubatan di hospital dan klinik kesihatan terutamanya di desa dan pedalaman. Ingin saya maklumkan bahawa bekalan ubat sebenarnya sentiasa cukup. Cuma mungkin ada masalah dari sudut peng *order* an bekalan-bekalan tersebut. Kita akan pastikan dalam masa apa pun, ubat-ubat kepada pesakit tidak terganggu.

Walau bagaimanapun, kita akui bahawa kekurangan kakitangan memang menjadi isu yang begitu genting di kementerian. Justeru itu kita akan pastikan pegawai-pegawai perubatan dan kumpulan sokongan dapat kita latih secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang supaya pembesaran infrastruktur itu ia sejajar dengan pertambahan pegawai-pegawai dari sudut latihan supaya *facilities* yang kita bina tidak jadi gajah putih.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai polisi-polisi yang memberi kemudahan kepada warga emas. Kementerian sedia maklum bahawa warga emas sekarang ini ada 4% di kalangan penduduk dan kita jangkakan bila kita capai negara maju 2020, bilangan ini akan bertambah kepada 15%. Justeru itu kita memang menyediakan *fast track lane* untuk warga emas. Walau bagaimanapun, oleh kerana warga emas ini makin lama makin ramai orang yang tergolong

dalam kategori ini, maka sudah tentu ramai juga yang menunggu, maka bila kita adakan *special lane*, Tuan Yang di-Pertua, ia sudah tidak *special* lagi kerana ramai juga warga emas terpaksa menunggu.

Walau bagaimanapun, kita akan *review* polisi ini dari semasa ke semasa terutama bagi pesara kerajaan dan juga golongan berpendapatan rendah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Timbalan Menteri Penerangan. Minta maaf, Yang Berhormat Menteri Penerangan. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat walaupun dalam keadaan kerjaya yang tidak menentu. Terima kasih.

■1450

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira semua di Dewan ini, di dalam anggota pentadbiran, semuanya kerjaya tidak menentu. Bukan Menteri sahaja, termasuk Timbalan-Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah maksum kepada Dewan pagi tadi.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: *[Ketawa]* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja 2009 di Dewan yang mulia ini. Terdapat lima Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan ataupun menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian kami. Kesemua Ahli Yang Berhormat telah menyentuh hanya satu daripada lima jabatan iaitu berkaitan dengan Jabatan Penyiaran di mana RTM berada di bawahnya.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah mencadangkan kepada pihak kementerian. Ini supaya kementerian dapat menerbitkan rancangan yang berbentuk pertandingan yang mengumpulkan golongan cerdik pandai yang berinovatif dan mampu menghasilkan produk-produk yang mampu dipasarkan ke seluruh dunia. Ini adalah satu pandangan yang baik dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, tahun hadapan pihak kementerian telah mencadangkan untuk menjadikan tahun hadapan ialah Tahun Kreatif.

Saya dimaklumkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga turut mengisytiharkan bahawa tahun hadapan iaitu tahun 2010 ialah Tahun Kreatif dan Inovasi. Pihak kementerian saya dan MOSTI akan mengadakan perbincangan bagaimana untuk menjayakan Program Tahun Kreatif Inovatif yang dicadangkan itu secara bersama dan dikoordinasi. Sudah tentulah perkara-perkara yang berkaitan dengan soal keupayaan cerdik pandai kita dalam menghasilkan produk-produk yang memaparkan kreativiti kita akan dijadikan satu perkara yang penting di dalam penyiaran terutama sekali RTM. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin telah menimbulkan tentang pembikinan filem sejarah kemerdekaan bertajuk "*Merdeka! Merdeka!*" sebanyak 30 episod. Pihak

saya telah mengimbau ke belakang dan menyedari bahawa cadangan penerbitan filem bersiri ini telah pun dimulakan dalam tahun 2004. Beberapa kajian dan beberapa perbincangan telah diadakan pada tahun tersebut tetapi dihentikan kerana faktor-faktor kewangan pada waktu tersebut. Namun begitu, pihak kami bersedia untuk menimbang kembali bagi menghidupkan rancangan pembikinan filem sejarah yang bertajuk “Merdeka! Merdeka” sebagaimana yang disebutkan.

Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Abdul Rashid bin Ngah bersama dengan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati telah mengeluarkan satu isu yang sama iaitu media cetak dan media elektronik tidak patut memberi ruang secara berleluasa. Bagi melaporkan mengenai kes perceraian di kalangan selebriti termasuk ahli-ahli politik yang tidak wajar dihebahkan.

Pihak RTM sudah pun mempunyai panduan ataupun *guideline*, dengan izin, tentang perkara ini yang kita bersetuju bahawa hal-hal yang seperti ini tidak wajar untuk dipaparkan. RTM hanya kalau menerbitkan cerita, hanyalah berkaitan dengan soal pelaporan dari segi berita semata-mata. Namun begitu, pihak RTM juga ada satu rancangan khas yang dinamakan *Sehati Sejiwa* yang ditayangkan setiap minggu. Ia lebih mencerminkan ataupun memaparkan kejayaan rumah tangga di kalangan selebriti yang dikaitkan dengan bidang kesenian seperti perkahwinan antara Mawi dengan isterinya, Datuk Siti Nurhaliza dan Dato’ K, Pak Ngah dan sebagainya.

Jadi dalam soal ini adalah menjadi dasar RTM tidak untuk memapar ataupun mengheboh-hebohkan tentang soal kegagalan rumah tangga mana-mana selebriti di dalam negara kita. Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga telah mencadangkan supaya diadakan dengan izin, *delayed life action* yang disebutkan bagi siaran langsung Parlimen yang diadakan setiap hari semasa Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara bersidang supaya diadakan *editorship* ataupun keratan kepada mana-mana Ahli Dewan yang mengeluarkan perkataan-perkataan yang disebutkan sebagai *unparliamentary*, yang tidak wajar seperti perkataan lucah, provokasi dan sebagainya.

Sehingga sekarang, pihak kementerian dan pihak RTM tidak bercadang untuk mengadakan *delayed telecast*. Ini kerana matlamat asal kenapa siaran langsung ini diadakan ialah untuk rakyat melihat sendiri tentang apa yang dihujahkan, tentang perwatakan dan rakyat menilai apa yang dibuat. Sekiranya satu masa ada *editing* dibuat, kemungkinan rakyat sebenarnya menimbulkan apakah perkara-perkara lain yang ditimbulkan juga adalah setelah perkara yang telah diedit. Ia boleh menimbulkan kesangsian orang ramai tentang ketelusan pihak Parlimen di dalam menyiarkan perkara-perkara yang dikaitkan dengan soal-soal prosiding ataupun apa yang berlaku di dalam Parlimen sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara. Itulah sahaja beberapa perkara yang disebutkan, hanya lima perkara sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mana-mana perkara yang tertinggal, saya mohon maaf dan saya bersedia untuk menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat sanggup kalau dibangkitkan perkara ini?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan, saya tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan. Kalau tidak salah saya, sewaktu saya turut mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya menanyakan kemungkinan Kementerian Penerangan mengambil alih tanggungjawab mengawasi dan memberi lesen kepada badan-badan penyiaran swasta yang sekarang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Itu yang saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Menteri Penerangan. Sekiranya pihak Kementerian Penerangan bersedia mengambil tanggungjawab itu dan bersedia meminta kalau tidak diberi dengan rela hati. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan yang dikemukakan oleh guru saya Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah, berkaitan dengan apakah saya bersedia untuk mengambil ataupun meminta? Perlu dimaklumkan bahawa bukanlah di dalam keupayaan seseorang Menteri itu untuk mengambil kuasa dari Menteri yang lain ataupun kementerian yang lain.

Semua ini saya fikir adalah terpulanglah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menstrukturkan kembali sekiranya perlu untuk melihat tentang kuasa-kuasa yang berkaitan dengan soal-soal penyeliaan ataupun pemantauan media dan sebagainya. Mungkin saya faham tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Ini kerana di dalam negara kita, kita dapati bahawa terdapat lima kementerian yang dikaitkan dengan penyeliaan ataupun autoriti yang dikaitkan dengan soal media.

Selain daripada kementerian saya, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang mengawal stesen-stesen swasta termasuk Media Prima, termasuk ASTRO di mana orang banyak tidak faham. Kalau berlaku filem seram, filem *horror* di dalam TV3 ataupun di dalam ASTRO, mereka menyalahkan Kementerian Penerangan yang kementerian ini langsung tidak ada kawalan-kawalan di situ.

■1500

Begitu juga media-media baru seperti *internet* dan sebagainya bukanlah di bawah kawalan Kementerian saya. Begitu juga tentang soal yang berkaitan dengan pembikinan filem

seperti FINAS dan sebagainya berada dalam kementerian yang lain. Begitu juga tentang soal pembuatan filem yang bersifat digital seperti *animation* dan sebagainya, itu di bawah MDEC, di bawah MOSTI. Media cetak di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Jadi ini antara perkara yang menjadi pandangan orang ramai kerana dalam soal yang berkaitan dengan media kini terdapat lima kementerian tetapi saya rasa tidak wajar untuk saya mengatakan di sini bahawa saya mahu ataupun kementerian ini mahu kuasa-kuasa. Saya rasa ini terpulung kepada kebijaksanaan dalam mengatur tentang soal ini oleh pemimpin kerajaan kita, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Minta laluan, boleh? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta tambah sedikit, dua tiga ayat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat rela lagi?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tidak rela dalam keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: *[Ketawa]*

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Akan tetapi tadi pun soalan sudah di luar daripada perkara-perkara asal. Jadi saya rasa kalau perkara ini tidak terlalu keluar daripada perkara asal, tidak mengapa tetapi ini adalah merupakan amalan biasa dalam Dewan yang mulia ini, waktu soal jawab begini hanyalah berkaitan dengan perkara-perkara asal yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tepat Yang Berhormat. Terima kasih. Dato' Kamaruddin bin Ambok dan Dato' Dr. Firdaus. Kalau saya beri sekali lagi, dia timbul keadaan bukan perbahasan, dia jadi menjurus kepada pertelingkahan.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Satu ayat, satu perkataan kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti beri Dato' Kamaruddin dahulu.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat berkenaan dengan ketika ini, akhir-akhir ini dengan kecanggihan teknologi komunikasi ini, *internet* dan sebagainya, *YouTube* jadi hak *privacy* seseorang individu menjadi pemimpin sudah dipermainkan.

Apabila berlakunya putus cinta, hasad dengki dalam politik dan perniagaan, urusan kenaikan pangkat dan salah guna kuasa, maka banyaklah video-video yang tidak senonoh, imej-imej seksi di *upload* kan untuk tatapan umum, apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Seperti Yang Berhormat katakan tadi ini urusan kementerian yang lain tetapi saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Benarlah Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya maklumkan bahawa semua yang berkaitan dengan media baru, *internet* dan sebagainya itu terletak di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan tidak berupayalah saya hendak menjawabnya bagi pihak kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang...
[Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Penerangan mengatakan saya guru beliau kira-kira 15 tahun, 20 tahun yang lalu, sekarang tiba masanya saya berguru kepada beliau. Semangat daripada soalan saya tadi Tuan Yang di-Pertua ialah saya rasa suara daripada banyak pihak supaya tanggungjawab pelesenan dan pengawalan itu diserahkan kepada Kementerian Penerangan. Itu semangat daripada soalan saya.

Saya faham kedudukan Yang Berhormat Menteri Penerangan yang tidak sepatutnya meminta atau menuntut hak itu tetapi ini suara daripada semangat soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ringkas Tuan Yang di-Pertua. Saya respons kepada soalan tersebut. Sekali lagi saya sebagai mana Tuan Yang di-Pertua sebut tadi, saya tidak dalam keadaan sekarang tidak berupaya lagi menjawab kerana saya tidak tahu siapakah yang menjadi Menteri Penerangan selepas ini, tidak ada jaminan orang yang sama.

Jadi pandangan-pandangan ini saya pasti akan direkodkan dalam *Hansard*, akan dikemukakan pada peringkat yang tertinggi yang saya kira dianggap sebagai satu pandangan yang penting yang disuarakan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia, Dewan yang lebih tinggi daripada Dewan Rakyat, sudah tentulah akan diambil perhatian tentang *concern* ataupun tentang keprihatinan ramai pihak tentang cara bagaimana kita menjuruskan. Bukan soal pengawalan tetapi menguruskan media dalam negara kita, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih sekali lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi penghargaan dan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Seri Paduka baginda telah menyentuh pelbagai aspek pengukuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang menjadi matlamat dasar kerajaan Seri Paduka Baginda.

Sebagai kementerian yang telah diberi mandat untuk membangunkan sektor perdagangan dalam negeri yang pesat dan memartabatkan hak-hak pengguna di negara ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus merangka strategi dan program-program yang bersifat dengan izin, *developmental role* di dalam membawa kementerian ke tahap yang lebih diiktiraf dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian yang telah memberikan cadangan dan teguran serta mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini di sepanjang perbahasan usul Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang ada menyatakan pandangan beliau bahawa kebanyakan *hypermarket* di negara ini dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar asing seperti Giant, Carrefour dan Tesco. Sehubungan itu beliau meminta kerajaan memberi nasihat dan bantuan serta kemudahan untuk membantu peniaga-peniaga tempatan di peringkat permulaan dengan harapan mereka akan matang dan berdikari satu hari kelak.

Yang Berhormat Senator juga ada menyentuh tentang kempen beli barangan Malaysia yang akan merangsang industri tempatan dan pertumbuhan ekonomi domestik namun para pengilang tempatan haruslah memastikan kualiti barangan yang setanding dengan barangan import dan harga adalah berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sering bekerjasama dengan *hypermarket* seperti Giant, Carrefour dan Tesco dan juga pasar raya-pasar raya tempatan yang lain di dalam menganjurkan program pemasaran produk perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS.

Melalui program seperti Produk Malaysia Cita Rasa Kita yang dikhususkan untuk mempromosi produk PKS di *hypermarket* dalam negara serta *Taste of Malaysia* ataupun TOM yang dikhususkan untuk mempromosikan produk PKS di *hypermarket* di luar negara.

Semenjak Produk Malaysia Cita Rasa Kita diperkenalkan pada tahun 2003 hingga Disember 2008, sebanyak 34 program Produk Malaysia Cita Rasa Kita telah dianjurkan di seluruh negara manakala bagi program Taste of Malaysia sebanyak 7 program telah diadakan semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2005 sehingga penghujung tahun 2008. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, saya berkesempatan untuk membawa program ini juga ke Hong Kong pada tahun lepas di pasar raya di situ.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga di sepanjang tahun 2008 ada menganjurkan seminar-seminar untuk PKS yang bertujuan mendedahkan PKS kepada peluang pemasaran di dalam sektor peruncitan, syarat-syarat dan standard yang perlu dicapai untuk menembusi pasaran tertentu, pembungkusan dan pemprosesan makanan serta lain-lain kepakaran. Beberapa agensi pembiayaan turut dijemput semasa program seminar untuk memberi penerangan mengenai program pembiayaan yang ditawarkan bagi membantu pengusaha memajukan perniagaan mereka.

Kementerian masih dan akan meneruskan program-program bengkel kerja dan seminar pada tahun 2009 ini seperti mengadakan program Seminar Teknologi Pembungkusan dan Pemprosesan Makanan yang telah diadakan pada 29 Januari 2009 yang lepas dan Seminar Pembangunan Usahawan kepada pengusaha kecil dan sederhana dengan kerjasama Gagasan Badan Ekonomi Melayu ataupun GBEM yang telah diadakan di Johor Bahru pada 21 Mac 2009 dan 22 Mac 2009.

■1510

Selain itu, pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia yang dilancar pada Januari 2009 bukan sahaja bertujuan merangsang industri tempatan tetapi juga bertujuan untuk menggalakkan pengguna membeli barangan buatan Malaysia. Kempen ini juga bertujuan mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap produk-produk serta perkhidmatan yang ditawarkan di Malaysia bukan saja dari segi harga jualan yang berpatutan tetapi setaraf dari segi kualiti dengan piawaian antarabangsa.

Kementerian yakin Kempen Beli Barangan Malaysia ini akan berjaya meningkatkan permintaan domestik terhadap barangan buatan tempatan dan rangsangan kepada penjana semula ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin ada mencadangkan agar pihak Industri Kecil dan Sederhana wajar diberi tempat dan diberi keistimewaan kepada mereka yang menghasilkan produk-produk negara seperti membawa produk-produk tersebut ke luar negara. Ahli Yang Berhormat Senator, seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama dengan *hypermarket* antarabangsa untuk memperkenalkan produk pengusaha kecil dan sederhana di rangkaian pasar raya mereka di dunia melalui *Program Taste of Malaysia*.

Taste of Malaysia telah mula diperkenalkan pada tahun 2005 dan sehingga kini sejumlah tujuh program telah dianjurkan. Produk PKS berkualiti yang sedia untuk dieksport akan dikenal pasti untuk dipasarkan di *hypermarket* luar negara sepanjang program TOM berlangsung. Hasilnya, lebih 100 produk PKS telah di senarai tetapkan di *hypermarket* luar negara seperti Pasar Raya *Welcome Hong Kong*, *hypermarket Giant* Singapura, *hypermarket Giant* Jakarta, *hypermarket Carrefour* Dubai, *United Arab Emirates* dan *hypermarket Tesco* di London. Ini sememangnya telah membuka ruang yang lebih luas kepada PKS untuk mengembangkan sayap perniagaan mereka ke luar negara.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga sedang bekerjasama dengan Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia ataupun PPIPBM untuk memasarkan produk PKS melalui *Trading House* di Dubai, *United Arab Emirates*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin juga ada menyatakan pandangan beliau bahawa kemasukan pelabur-pelabur asing yang telah membuka pusat-pusat penjualan seperti *Carrefour* dan pasar raya-pasar raya besar yang lain telah sedikit sebanyak memberikan himpitan kepada peniaga-peniaga kecil. Pengguna dilihat tidak lagi pergi ke kedai-kedai.

Ahli Yang Berhormat Senator, pembukaan *hypermarket* di negara ini adalah terkawal. Pada masa ini, *hypermarket* asing hanya dibenarkan beroperasi di kawasan penduduk padat. Kita tidak harus memandang kesan pembukaan *hypermarket-hypermarket* ini dari sudut negatif sahaja kerana dari sudut ekonomi, pembukaan suatu *hypermarket* berupaya membangunkan dan

meningkatkan nilai hartanah sesuatu kawasan dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Malah pengguna juga mempunyai lebih banyak pilihan untuk berbelanja dengan bijak kerana *hypermarket* kebiasaannya menawarkan barang makanan dan keperluan pada harga yang berpatutan.

Namun pada masa yang sama, kerajaan tidak meminggirkan kepentingan peniaga-peniaga kecil. Kementerian ini telah pun mempunyai garis panduan penyertaan asing dalam sektor perdagangan pengedaran dan harus dipatuhi oleh pemilik *hypermarket-hypermarket* asing dan sentiasa menyediakan program-program dan kempen-kempen bagi tujuan membantu golongan peniaga di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali bahawa peruntukan subsidi untuk menangani kenaikan harga gula, tepung dan roti hanya memberi faedah kepada 96% rakyat negara ini yang digolongkan bukan dalam golongan miskin.

Ahli Yang Berhormat Senator, dalam keadaan ekonomi yang merudum di seluruh dunia ini, bantuan subsidi dilihat dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat termasuklah para peniaga dan pengilang. Memandangkan gula dan tepung merupakan barang keperluan dan bahan utama bagi isi rumah dan kebanyakan produk makanan siap, kenaikan harga bagi kedua-dua barangan ini akan memberi impak yang negatif ke atas rakyat. Tanpa bantuan kewangan, harga gula akan meningkat sebanyak 60 sen sekilogram, tepung gandum akan meningkat sebanyak 67 sen sekilogram dan roti bagi 400 gram meningkat sebanyak 31.6 sen menjadikan harga barangan ini di pasaran adalah masing-masing RM2.05 sekilogram bagi gula, RM1.95 sekilogram bagi tepung dan RM2.41 bagi roti.

Di samping itu, bantuan kewangan juga adalah bertujuan untuk memastikan bekalan barangan makanan yang stabil di pasaran memandangkan kos pengeluaran tinggi yang harus ditanggung oleh pihak pengeluar akan menjejaskan pengeluaran dan bekalan barangan di pasaran kerana ketidakupayaan pihak pengeluar menanggung kerugian yang tinggi. Sehubungan itu, bagi memastikan industri masih boleh beroperasi, kerajaan bertanggungjawab mengambil pendekatan yang terbaik untuk membantu dan memastikan pihak industri tidak terjejas dan bekalan stabil di pasaran. Kementerian percaya bantuan kewangan bagi barang keperluan seperti gula dan tepung akan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat miskin mahupun sederhana dan juga pihak industri di dalam menghadapi keadaan ekonomi yang merudum.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna di negara ini supaya lebih bijak berbelanja iaitu melalui program-program dan kempen-kempen kepenggunaan kementerian. Kementerian berpandangan rakyat juga memainkan peranan yang sangat penting di dalam memastikan harga barangan tidak naik dengan mendadak dan memberikan sokongan kepada industri tempatan iaitu dengan membeli barangan buatan tempatan yang akan dapat meningkatkan permintaan terhadap barangan domestik. Kita sebagai

rakyat dan pengguna harus mengamalkan kesederhanaan dan mengubah gaya hidup agar dapat memperoleh manfaat.

Saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyumbangkan buah fikiran dan saranan terhadap tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya sentiasa mengalu-alukan cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan kementerian demi kepentingan semua. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

3.18 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk berbahas ke atas Titah Ucapan Diraja tempoh hari. Saya akan terus menjawab saranan-saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, isu-isu masyarakat Orang Asli, pembangunan wilayah, prasarana utiliti dan ameniti sosial dan ekonomi desa.

Yang Berhormat Datuk Akbar Ali mencadangkan supaya infrastruktur elektrik luar bandar menggunakan tenaga alternatif seperti tenaga solar dan menjimatkan kos. Manakala Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu pula memohon supaya masyarakat luar bandar terutamanya masyarakat Orang Asli dibekalkan dengan bekalan elektrik khususnya solar hibrid selama 24 jam.

■ 1520

Sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat, alternatif yang paling sesuai dan terkini dan untuk menyediakan bekalan elektrik ke kawasan terpencil di luar bandar ialah dengan menggunakan sistem solar hibrid. Sehingga kini kementerian telah dan sedang melaksana 37 projek bekalan elektrik luar bandar, sistem solar hibrid di seluruh negara dan memberi manfaat kepada kira-kira 2900 buah rumah.

Dari jumlah tersebut, sepuluh projek bernilai RM19.23 juta telah dilaksanakan di kampung-kampung Orang Asli di seluruh negara, dan dapat memberi manfaat kepada 619 buah rumah. Kementerian saya akan terus melaksanakan projek ini, khususnya sistem solar hibrid pada masa akan datang, bagi memastikan semua perkampungan masyarakat Orang Asli mendapat bekalan elektrik, akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kementerian juga akan meneruskan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar dengan menggunakan lain-lain sistem alternatif yang sesuai. Khususnya *micro hydro* dan *winter turbine*, di kawasan-kawasan yang berpotensi dan yang bersesuaian. Pembasmian kemiskinan, isu...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat 34, ia tak kata mencelah, ia kata mengganggu, mohon mengganggu.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mengganggu, asalkan diizinkan saya ucap terima kasih. Terima kasih atas jawapan berkenaan penggunaan *alternative energy* dengan izin, ataupun tenaga pilihan. Kalau menyahut tawaran Yang Berhormat tadi, bahawa akan membantu kawasan-kawasan lain. Izinkan saya mencadangkan dengan tawaran tadi, tolonglah bangunkan Pulau Besar, Melaka, kerana masalah yang menghadkan kemajuan Pulau Besar yang sudah pun mempunyai bekalan air bersih dari darat ialah, ketiadaan bekalan tenaga.

Kita telah bertanya kepada TNB untuk membekalkan tenaga dari darat ke pulau itu menelan belanja tiga tahun dahulu, ialah kira-kira RM42 juta. Mungkin dengan hibrid solar tadi, atau lain-lain tenaga boleh membantu memajukan Pulau Besar sebagai destinasi pelancongan. Mohon ulasan, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih, pertamanya kementerian mintalah supaya permohonan di kemukakan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita akan mengkaji kesesuaian, apa yang sedia di sana sama ada kita boleh mendirikan satu solar hibrid atau *winter turbine* dan sebagainya. Okey?

Now isu kemiskinan. Isu kemiskinan telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, Yang Berhormat Maijol bin Mahap. Kementerian ini mengambil perhatian di atas saranan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, bahawa kemiskinan tegar boleh dihapuskan dengan membina rumah untuk semua ketua isi rumah miskin tegar, termasuk Orang Asli.

Kementerian saya merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab menghapuskan kemiskinan. Satu agensi yang bertanggungjawab untuk tujuan ini, dan salah satu skim untuk mencapai objektif ini ialah di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Usaha ini sentiasa diteruskan dengan penumpuan khusus kepada pelaksanaan program-program rumah kepada kumpulan sasaran di luar bandar di samping beberapa program utama yang lain seperti program peningkatan pendapatan, program latihan kemahiran dan kerja raya, dan program pembangunan modal insan.

Kesemua program ini turut melibatkan penyertaan masalah Orang Asli, juga golongan miskin di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat turut menyarankan supaya program bantuan rumah ditambah untuk miskin tegar, di samping pertanyaan mengenai peruntukan program bantuan rumah. Bagi program bantuan rumah, kementerian saya telah memperuntukkan RM500 juta di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama, dan RM50.4 juta peruntukan tahunan 2009 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program bantuan rumah RM550.4 juta. Dengan peruntukan ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan membina lebih kurang 16 ribu unit rumah kumpulan miskin tegar, dan kumpulan miskin.

Kumpulan miskin tegar yang diberi pertimbangan adalah mereka yang berdaftar dengan sistem maklumat kemiskinan nasional, atau di bawah sistem SPKR dan e-Kasih. Sekiranya terdapat golongan miskin tegar yang layak, tetapi belum berdaftar maka boleh dipertimbangkan juga dengan melakukan pendaftaran di bawah sistem ini terlebih dahulu.

Yang Berhormat Maijol bin Mahap juga membangkitkan persoalan perancangan program bantuan rumah masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi tahun 2010, kementerian bercadang untuk melaksanakan 152 unit rumah bina baru, dan 127 unit baik pulih. Yang Berhormat juga menyarankan supaya agensi kerajaan menjiwai kesusahan penduduk miskin, terima kasih kerana cukup prihatin berkaitan dengan penduduk-penduduk luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha bagi menjiwai kesusahan penduduk miskin sememangnya telah dan lama dilaksanakan oleh kerajaan. Memandangkan ramai kakitangan awam kini lahir daripada kawasan-kawasan luar bandar, termasuklah saya Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum sesuatu dasar atau program itu dibuat, kerajaan perlu mendapat maklumat dan gambaran tentang kehidupan masyarakat khususnya penduduk miskin luar bandar supaya, dasar atau program yang dilaksanakan oleh kerajaan menjurus kepada memenuhi keperluan penduduk miskin luar bandar. Sebagai contoh, kementerian saya telah mengadakan satu program yang dinamakan, *Apa Khabar orang Kampung* atau AKOK, sebagai usaha untuk mendekati dan mendalami kehidupan penduduk luar bandar, di samping melahirkan keprihatinan kerajaan kepada golongan miskin.

Menurut cadangan Yang Berhormat supaya bantuan RM50 diberikan kepada setiap orang miskin, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan itu. Kementerian saya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mengambil perhatian ini, dan akan mengambil pertimbangan cadangan ini dengan sewajarnya...

Datuk Maijol Mahap: Mohon mengganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan, di Sabah Yang Berhormat, dalam setiap daerah lebih kurang dua atau tiga ribu penduduk yang betul memerlukan bantuan rumah percuma, seperti mana yang diberikan oleh kerajaan sekarang. Adakah saya difahamkan ini oleh pegawai daerah di negeri Sabah. Adakah kementerian Yang Berhormat bersedia untuk memberikan kemudahan, atau bantuan sebanyak ini, dua, tiga ribu rumah percuma di setiap daerah? Terima kasih.

■1530

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sebenarnya sudah memberi kelulusan untuk membina PPRT di sejumlah 2400 buah rumah dan kewangan telah pun disediakan dan surat-surat kuasa kepada pegawai-pegawai daerah untuk

melaksanakan dia pun telah dikeluarkan. Ia sedang dalam proses untuk pelaksanaan. Hanya 2400 buah terlebih dahulu. Terima kasih.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai jurang pendapatan bandar dan luar bandar yang semakin meruncing pada masa ini dan perlu diambil tindakan. Untuk makluman Yang Berhormat, antara matlamat utama program dan aktiviti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar bagi merapatkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar.

Sebagai contoh, melalui pelaksanaan dan pembinaan infrastruktur luar bandar telah membolehkan barangan dan hasil tangan dipasarkan dengan mudah. Selain itu, usahawan desa turut dibantu melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa bagi menambahkan modal pengusahaan luar bandar untuk membesarkan lagi perniagaan mereka. Latihan bersesuaian turut diberi kepada usahawan luar bandar bagi meningkatkan kemahiran dan kualiti produk. Yang Berhormat Ahmad bin Husin pula mencadangkan supaya semua agensi kerajaan menggunakan satu sahaja senarai penduduk miskin tegar supaya tidak ada golongan miskin tercicir daripada mendapat bantuan.

Bagi memastikan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan dapat berjalan dengan lancar, untuk makluman Yang Berhormat, semua agensi kerajaan yang terlibat dalam usaha membasmi kemiskinan dikehendaki merujuk dan mengguna pakai data kemiskinan nasional daripada sistem e-Kasih yang diselaraskan oleh Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri atau ICU. Ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat *focus group* mengenai pembasmian kemiskinan mengenai perkara tersebut. Hal ini sekali gus dapat membantu kerajaan dalam menjamin bahawa tidak ada golongan miskin tegar yang akan tertinggal atau tercicir daripada menerima bantuan daripada kerajaan yang sepatutnya. Bagi subjek Wilayah dan Kawasan, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop dalam mencadangkan supaya RISDA dan FELCRA bertindak proaktif,

Datuk Akbar bin Ali: Saya mohon sekali lagi Tuan Yang di-Pertua untuk mengganggu Timbalan Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Adakah ia berkaitan dengan apa yang saya cakap?

Datuk Akbar bin Ali: Yang saya punya tadi sebab saya nak tunggu sehingga habis jawapan supaya saya tidak berulang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat, sila duduk. Saya tekankan perkataan mengganggu tadi sebab apa yang di depan kita ialah sesuatu yang tertakluk di bawah beberapa peraturan mesyuarat di bawah tajuk Peraturan-peraturan Berbahas 34,35,36,37 dan seterusnya. Dalam soal mencelah yang menjadi amalan sehingga lumrah dalam perjalanan Dewan, sebenarnya ianya tidak seharusnya berlaku kerana seseorang Ahli boleh bercakap sekali sahaja dan saya tak mahu amalan mencelah ini digunakan untuk menyeludup masuk hujah-hujah baru di atas helah mencelah atau mengganggu.

Jadi saya cuba ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam soal Peraturan Mesyuarat 36 kerana nak memperingati bahawa tiap-tiap Ahli hanya mempunyai hak bercakap sekali dalam satu masalah dan jangan guna amalan mencelah itu untuk menyeludup masuk peluang bercakap lebih daripada sekali. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Berikutan Tuan Yang di-Pertua *very timely* lah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya amat berbesar hati bahawa ada komitmen daripada pihak kementerian untuk memastikan tidak ada orang khususnya di bawah miskin tegar tertinggal, tercicir dalam mendapat bantuan. Saya cukup minat tentang perumahan untuk miskin tegar. Tadi Yang Berhormat kata di bawah kementerian Yang Berhormat diperuntukkan sebanyak RM550 juta untuk membantu miskin dan miskin tegar untuk membuat rumah dan kita ucapkan terima kasih dan ini dapat membina sebanyak 16,000 buah rumah untuk miskin tegar dan miskin.

Pada saya, 16,000 ini memanglah banyak tetapi pada masa yang sama ia hanyalah 7.8% daripada keseluruhan 209,000 isi rumah miskin dan ada 22,400 miskin tegar yang tidak akan dapat rumah kalau pun semua 16,000 ini diberi kepada miskin tegar. So bagaimana kita nak mengatasi masalah ini Yang Berhormat? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ini manusia juga dan walaupun kita mempunyai kewangan seperti yang saya cakapkan sebentar tadi, kena bagi kita untuk melihat keupayaan kita untuk melaksanakan kerja itu dengan tempoh yang singkat sekali. Yang saya cakapkan sebentar tadi itu RM550 juta itu ialah untuk tahun ini untuk seluruh negara. Jadi, kita cubalah dengan sedaya upaya kami untuk melaksanakan semua ini kalau boleh. Siapa orang yang belum lagi mendapat itu seperti mana saya katakan awal-awal sebentar tadi, boleh kita sambung dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Itulah hasrat kerajaan sebenarnya. Memberi rumah kepada setiap orang yang memerlukan perumahan. Okey?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta izin untuk saya beri sedikit penerangan ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi peraturan mesyuarat ada matlamat, objektif, tujuan dan hikmahnya. Yang dicakapkan di sebelah sini ialah Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator Negara belaka. Yang bercakap sebelah ini ialah yang mewakili kerajaan selaku pemerintah. Beberapa hari diperuntukkan untuk Ahli sebelah sini cambah segala pandangan dan hujah dan yang mewakili pemerintah fikir, rumuskan jawapan sebaik mungkin dengan penuh hemat, dengan penuh tanggungjawab sebagai mewakili kerajaan sebagai memerintah.

Maka kalau kita ketepikan peraturan mesyuarat, beralihlah perbahasan jadi dialog atau pertelingkahan. Maka, kita tidak berlaku adil kepada yang mewakili kerajaan selaku pemerintah dengan menimbulkan perkara-perkara baru. Sebab itu diadakan peraturan mesyuarat, kita bercakap hanya sekali ataupun kita boleh sekali skala mengganggu untuk memberi sedikit penjelasan kepada beberapa perkara mengenai perkara yang kita telah ucapkan tetapi dengan tidak menimbulkan perkara-perkara baru. Silakan Yang Berhormat.

■1540

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebentar tadi di dalam subjek berkaitan dengan penambahan pengeluaran hasil makanan oleh kerajaan. Jadi saya teruskan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini RISDA merupakan sebuah agensi yang melaksanakan Program Pembangunan Tanah khususnya penambahan semula getah bagi memajukan sektor pekebun kecil. Manakala FELCRA Berhad adalah sebuah agensi yang melaksana pembangunan tanah khususnya dalam aspek menyatukan dan memulihkan tanah-tanah terbiar.

Walau bagaimanapun, di samping tanggungjawab utama tersebut yang saya cakapkan sebentar tadi pihak RISDA dan FELCRA Berhad sentiasa berusaha untuk terlibat secara proaktif dalam mempertingkatkan pengeluaran makanan sebagai yang digalakkan oleh kerajaan. RISDA misalnya terlibat secara khusus dalam bidang ternakan lembu dan kambing. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada import. Sehingga ini terdapat sebanyak enam pusat pembiakan lembu dan enam pusat pembiakan kambing Boer yang diuruskan sendiri oleh RISDA. Manakala FELCRA Berhad telah mempergiatkan usaha dalam melaksanakan program seperti ternakan akuakultur, pengeluaran benih padi dan menaik taraf projek ternakan lembu secara integrasi dalam ladang kepada ternakan secara *feed lot*.

Dasar dan perancangan strategik, Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri (Dr.) Jins Shamsudin mengenai memperkasakan modal insan luar bandar terutamanya golongan muda. Kementerian telah menganjurkan pelbagai Program Keusahawanan seperti kursus-kursus dan latihan kemahiran, menyediakan bantuan pembiayaan, bantuan premis serta promosi produk-produk luar bandar di *expo-expo* anjuran kerajaan dan sebagainya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM969 juta telah diperuntukkan kepada kementerian bagi melaksanakan Program-program Pembangunan Modal Insan. Sehingga kini, sejumlah 25,340 usahawan telah dilatih daripada jumlah sasaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 37,554 orang oleh agensi-agensi latihan kementerian.

Dalam pada masa yang sama kementerian turut menganjurkan Program Latihan Kemahiran di peringkat kemahiran Malaysia tahap satu, dua tiga dan diploma kepada golongan miskin tegar luar bandar. Bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau berusaha sendiri dengan menggunakan kemahiran yang ada. Ini adalah untuk mencapai matlamat menghapus miskin tegar sepenuhnya menjelang tahun 2010. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM90.5 juta untuk melatih seramai 18,000 orang miskin tegar. Sehingga Disember 2008, seramai 16,721 orang yang terlatih. Bagi mengurangkan jurang digital serta menggalakkan penggunaan ICT di kalangan belia luar bandar, kementerian telah membina sejumlah 220 buah Medan Info Desa iaitu pusat ICT yang telah beroperasi di seluruh negara.

Dengan kemudahan Medan Info Desa ini diharapkan penduduk-penduduk luar bandar akan dapat mengakses kemudahan IT dan *internet* dengan mudah. Di samping itu, kementerian turut menganjurkan Latihan Kepimpinan JKKK di Institut Kemajuan Desa yang mana sehingga Disember 2008 sejumlah 25,076 JKKK telah dilatih berdasarkan sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 45,000 JKKK. Soalan berhubung pembangunan ekonomi desa telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai status Program Satu Kampung Satu Produk yang dilaksanakan oleh kementerian saya.

Bagi makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah melaksanakan lima projek di bawah Program Satu Daerah Satu pada tahun 2009, kementerian telah menerima sebanyak sepuluh kertas cadangan projek ini daripada kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi kementerian. Walaupun begitu hanya kertas cadangan yang betul-betul lengkap dan berjaya maju akan dipertimbangkan. Saya beralih pula kepada Hal Ehwal Orang Asli. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap kerana prihatin dengan membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol bin Mahap, telah menyarankan agar ditubuhkan Jawatankuasa Tanah Adat untuk bertindak sebagai orang tengah menyelesaikan isu-isu berbangkit mengenai masyarakat Orang Asli dan peribumi di Sabah juga Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hanya meliputi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hanya bertanggungjawab membantu menyelesaikan isu-isu tanah dan pampasan terhadap masyarakat Orang Asli. Manakala isu berkaitan pampasan tanah melibatkan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri masing-masing.

Pihak kementerian mengambil maklumat akan saranan Yang Berhormat berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Tanah Adat masyarakat Orang Asli di peribumi Orang Asli dan peribumi Sabah dan Sarawak. Oleh kerana ini ada dua bahagian Sabah dan Sarawak yang mempunyai ordinan dia tersendiri berkaitan dengan tanah. Eloklah Ahli Yang Berhormat kemukakan masalah ini kepada kerajaan negeri. Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu telah membuat pertanyaan mengenai tarikh pembentangan Akta 134 Orang Asli dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab ini di dalam sesi soal jawab tempoh hari.

Akan tetapi walau bagaimanapun saya juga ingin menambah penjelasan itu. Kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengambil tindakan awal memperhalus Akta 134 untuk dibuat pembaikan kerana cadangan pindaan tersebut memerlukan penelitian yang mendalam bagi mengambil kira keperluan semasa. Pindaan yang dibuat juga perlu mendapat pandangan dan ulasan daripada agensi pusat dan Jabatan Peguam Negara. Perkara ini memerlukan proses yang panjang dan kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan

akta itu diberi keutamaan sebelum dibentangkan dalam di Dewan ini. Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali pula telah menyentuh mengenai kemiskinan tegar Orang Asli.

Boleh dihapuskan dengan membina rumah untuk mereka dan beliau turut menyarankan agar diperbaiki dasar bantuan kepada Orang Asli agar lebih *people orientated*. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya pihak kementerian amat bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

■1550

Sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga tahun 2008 sebanyak 2,759 unit rumah PPRT di perkampungan Orang Asli telah dibina. Pada tahun 2009 menerusi peruntukan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM65 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan pembinaan 1,818 unit rumah PPRT di perkampungan Orang-Orang Asli. Projek-projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga sememangnya kementerian memberi penekanan kepada pelaksanaan dasar pembangunan dan bantuan untuk masyarakat Orang Asli yang bersifat *people centric* dan *people friendly*.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan setakat itu sahajalah penjelasan saya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT, semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Isu-isu yang dibangkitkan adalah Program Perumahan Rakyat, kemudahan pinjaman perumahan kepada golongan miskin dan projek perumahan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin ke atas isu perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, penyediaan kemudahan perumahan akan terus diberi keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal yang berkualiti, selesa dan selamat. KPKT telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Perumahan Rakyat atau PPR, bagi memenuhi keperluan perumahan golongan yang berpendapatan rendah dan juga masyarakat setinggan.

Berkenaan dengan isu perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, kementerian ingin memaklumkan bahawa sehingga 31 Mac 2009 KPKT telah membina sebanyak 52,240 unit rumah

PPR disewa dan 2,668 unit PPR dimiliki. Penentuan tapak atau lokasi sesuatu projek PPR dibuat melalui kerjasama di antara pihak kementerian dengan kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan berkenaan. Penentuan sesuatu lokasi dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dan antara kriteria yang diambil dalam merancang sesuatu projek PPR ialah tapak cadangan terletak berhampiran dengan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan utama, taman permainan, surau, sekolah dan sebagainya bagi memastikan kos pembinaan sesuatu projek PPR tidak terlalu tinggi atau menjadi tidak berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap yang telah membangkitkan isu mengenai perumahan untuk golongan miskin di mana mereka yang berpendapatan tidak tetap sukar membuat pinjaman perumahan. Malah ramai juga yang langsung tidak mampu membiayai pinjaman. Menyedari hakikat ini kerajaan melalui KPKT telah mengambil langkah membina rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat untuk tujuan disewa. Di bawah program ini penghuni hanya dikenakan bayaran sewa sebanyak RM124 sebulan. Bayaran tersebut merangkumi kos untuk tujuan penyelenggaraan dan sebagainya.

Di samping itu, bagi golongan yang termasuk di bawah kategori miskin tegar di bandar kerajaan juga menyediakan bantuan bayaran sewa rumah yang disalurkan melalui PBT. Skim bantuan bayaran sewa ini tidak hanya untuk projek-projek PPR tetapi untuk rumah-rumah lain termasuk sewaan bilik. Dalam pada itu kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah memperkenalkan kemudahan pinjaman perumahan kepada golongan miskin atau berpendapatan rendah melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan atau SJKP.

Di bawah skim ini golongan miskin atau berpendapatan rendah yang tidak layak mendapat kemudahan pinjaman bagi membeli rumah dari bank-bank komersial kerana gagal mengemukakan bukti pendapatan masing-masing layak mendapat pinjaman hanya dengan berdasarkan perakuan oleh pegawai kerajaan, jawatankuasa kampung atau pemimpin tempatan.

Melalui skim ini pemohon adalah layak mendapat pinjaman pada kadar RM25,000 atau sehingga RM60,000. Pembiayaan di bawah skim ini diuruskan oleh beberapa buah bank tempatan contohnya seperti Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan terbengkalai. Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang telah membangkitkan isu mengenai projek perumahan terbengkalai dan mengesyorkan supaya konsep bina kemudian jual diperluaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT sedia maklum akan masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah apabila sesuatu projek perumahan menjadi terbengkalai. Dalam hubungan ini KPKT telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membendung masalah projek perumahan terbengkalai.

Antara usaha-usaha yang telah diambil untuk menangani masalah projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan pasukan petugas khas pemulihan projek perumahan terbengkalai yang berperanan memantau dan menyelaras projek-projek

perumahan yang terbengkalai bagi membolehkan semua pihak berkepentingan bekerjasama dalam mencari penyelesaian ke arah pemulihan projek;

- (ii) memperketat prosedur pengeluaran lesen kepada pemaju perumahan;
- (iii) melaksanakan peraturan-peraturan pemajuan perumahan akaun pemajuan perumahan 1991 yang mensyaratkan pemaju membuka akaun pemajuan perumahan bagi setiap projek perumahan yang dibangunkan. Dengan itu pemaju akan lebih bertanggungjawab dalam memajukan dan menyiapkan projek perumahan tersebut;
- (iv) pengawasan dan pemantauan yang konsisten dan secara berterusan ke atas kemajuan projek perumahan berlesen. Pemaju dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan fizikal projek setiap enam bulan bagi mengetahui kemajuan pelaksanaan projek tersebut;
- (v) bekerjasama dengan syarikat perumahan negara bagi memulihkan projek dengan menggunakan dana dari Kementerian Kewangan;
- (vi) mengambil tindakan pendakwaan dan kompaun terhadap pemaju yang telah melanggar mana-mana peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pengurusan Perumahan Kawalan dan Pelesenan Akta 118;
- (vii) menyenaraihitamkan pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat yang terlibat dengan pemajuan projek yang bermasalah. Setakat ini 142 syarikat dan 479 ahli lembaga pengarah syarikat telah disenaraihitamkan; dan
- (viii) berusaha untuk mencari dan mengenal pasti pemaju-pemaju yang berminat atau pemaju-pemaju penyelamat atau *white knight* untuk memulihkan projek-projek yang terbengkalai.

Konsep bina kemudian jual, *variant* 10/90 mula diperkenalkan oleh kementerian pada 12 April 2007 selari dengan pelaksanaan konsep sedia ada iaitu jual kemudian bina untuk tempoh peralihan selama dua tahun. KPKT sememangnya memberi galakan kepada pemaju untuk melaksanakan konsep ini, konsep BKJ. Sehubungan dengan itu KPKT sedang dalam proses mengambil tindakan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan konsep BKJ dan impaknya ke atas industri perumahan negara sebelum dasar mengenai pelaksanaan konsep BKJ dapat dimuktamadkan oleh KPKT.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan segala teguran, cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun kita sebut ianya menjawab dan menggulung, sebenarnya ini semua merupakan *winding-up statements*.

■1600

Jadi kalau saya biarkan *statements* dicairkan menjadi dialog dan pertelingkahan, kerajaan selaku pemerintah, tidak berpeluang untuk membuat *winding-up statements*. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana telah mengemukakan pandangan, pertanyaan, cadangan dan penghargaan terhadap Kementerian Belia dan Sukan sepanjang Perbahasan Titah Diraja. Sepanjang sesi perbahasan tersebut Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah membangkitkan empat usul mengenai bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Manakala satu lagi usul telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kementerian saya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Berkenaan dengan Program Rakan Muda seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik kejayaan atau keberhasilan program Rakan Muda boleh dilihat dari sudut pencapaiannya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator semenjak Program Rakan Muda dilancarkan pada tahun 1994 sehingga tahun 2008 seramai 6.72 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda melalui 267,190 aktiviti yang dianjurkan. Bagi memperkasakan lagi Program Rakan Muda ini pada 29 Mei 2007 kementerian telah membuat penjenamaan semula dengan memperkenalkan program Rakan Muda fasa dua yang mempunyai falsafah yang lebih kukuh.

Pendekatan Program Rakan Muda fasa dua ini lebih berkonsepkan dari remaja untuk remaja yang boleh menarik minat remaja mengikuti aktiviti-aktiviti Rakan Muda. Ia memberi penekanan kepada program Rakan Muda dalam aspek pembangunan diri remaja seperti patriotisme, jati diri, kesukarelaan, berbudaya, pembangunan sahsiah, pendidikan moral yang berteraskan pembinaan karakter melalui lapan atau aktiviti lapan gaya hidup iaitu Rakan Muda Cinta Alam, Rakan Muda Inovasi, Rakan Muda Kecergasan, Rakan Muda Masyarakat, Rakan Muda Seni Budaya, Rakan Muda Waja Diri dan Rakan Muda Wira Usaha serta Rakan Muda Remaja Siber. Kelapan-lapan gaya hidup yang diperkenalkan ini adalah platform untuk belia bergiat aktif bagi memenuhi masa lapang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi memastikan interaksi di antara pihak pelaksana dan kumpulan sasaran berkesan dan mencapai matlamatnya kementerian telah mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negara atau lebih dikenali sebagai MPBN. Majlis ini diwujudkan sejak tahun 1971 untuk membolehkan pemimpin belia bersemuka dengan pemimpin-pemimpin kerajaan bagi membincangkan dasar strategi pendekatan isu serta program pembangunan belia. MPBN dianggotai oleh pemimpin belia, pegawai kanan kerajaan, ahli politik, ahli akademik dan ahli

lantikan menteri yang dilihat mempunyai peranan besar dalam mencorakkan pembangunan belia di negara ini.

KBS juga sentiasa melibatkan persatuan belia sebagai rakan kongsi dalam menganjurkan sesuatu program. Ini bermaksud persatuan belia bukan sahaja diberikan tanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti di peringkat akar umbi malah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di peringkat nasional. Berikutnya bagi memastikan golongan belia di semua peringkat termasuk mukim, kampung, daerah dan negeri dapat didekati mulai tahun 2009 kementerian telah memperkenalkan beberapa program baru khususnya untuk memastikan agenda pembangunan belia dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh hingga ke peringkat akar umbi. Program-program yang dimaksudkan ialah Program Satu Komuniti Satu Persatuan. Penubuhan persatuan di peringkat komuniti ini berfungsi sebagai *one stop centre* bagi mengumpul dan seterusnya menggalakkan belia melaksanakan aktiviti secara terancang dan terkawal. Program ini telah dilancarkan pada 23 Mac 2009 yang lalu.

Yang kedua Program Generasi Bebas Jenayah. Program ini berkonsepkan pencegahan masalah sosial dan perlakuan ke arah tingkah laku jenayah di kalangan belia. Antara strategi yang dirancang dalam usaha pencegahan jenayah di kalangan belia ialah dengan menubuhkan Skwad Generasi Bebas Jenayah atau SGBJ. Program ini telah dilancarkan pada 7 Mac 2009 yang lalu.

Yang ketiga Program Intervensi Gejala Sosial Belia. Program tersebut adalah hasil daripada cadangan jawatankuasa menangani isu najis-najis sosial belia yang ditubuhkan di bawah Majlis Perundingan Belia Negara. Matlamat program ini adalah untuk menangani isu dan jenayah sosial di peringkat akar umbi dan dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara mulai Mac hingga Mei tahun ini.

Yang keempat Program Pembangunan Personaliti Belia. Program ini bertujuan untuk membentuk generasi belia yang mempunyai nilai-nilai personaliti yang baik dan positif. Selari dengan dasar pembangunan modal insan negara. Program ini menggunakan pendekatan secara psikologi dan dilaksanakan di seluruh negara bermula pada bulan Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kementerian telah menubuhkan sebanyak 220 buah kelab Rakan Muda di setiap kawasan komuniti di peringkat Parlimen. Fokus utama kelab tersebut adalah sebagai penggerak pembangunan remaja dan belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun supaya mendapat penyertaan dengan lebih menyeluruh.

Seterusnya dalam merealisasikan pendekatan *civil engagement* kementerian telah melaksanakan pelbagai program bina insan belia yang merupakan salah satu program teras di kementerian ini. Sebagai contoh, Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional atau PJKN. Program ini disasarkan kepada belia-belia lepasan SPM dengan melibatkan penyertaan semua kaum yang telah menekankan aspek pembangunan diri remaja di samping memupuk semangat cintakan negara dan patriotisme serta menyemai nilai-nilai kemasyarakatan.

Pada tahun 2008, kementerian telah melaksanakan 145 program PJKN dengan melibatkan seramai 25,105 orang peserta di seluruh negara. Program ini dianjurkan dengan

kerjasama badan-badan NGO belia seperti Majlis Belia Malaysia dan badan-badan swasta. Kedua, program PKSNI merupakan satu bentuk program khidmat nasional yang dirangka khas dengan menekankan aspek-aspek pembangunan diri dari segi mental, fizikal, semangat patriotisme serta dapat memupuk nilai-nilai murni, berbudi bahasa, berbentuk perilaku yang baik dan meningkatkan semangat kesukarelaan yang tinggi di kalangan peserta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, modul-modul program telah diolah reka dengan begitu rapi agar dapat merangsang minat serta sesuai dengan cita rasa remaja ke arah teras pembangunan belia masa kini iaitu belia Malaysia yang berdisiplin, bersatu padu, bersikap positif, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara demi untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang sehati sejiwa bagi mendukung pembangunan dan wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir berkenaan dengan unsur atau saranan oleh Yang Berhormat Datuk Majid Mahap. Untuk memaklumkan makluman Yang Berhormat Senator satu jawatankuasa bersama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan program pembangunan sukan di semua peringkat. Di antara peranan utama yang dimainkan oleh jawatankuasa ini adalah untuk menyelesaikan isu-isu kejurulatihan yang melibatkan peringkat sekolah, negeri dan peringkat kebangsaan. Untuk itu sebuah jawatankuasa kecil penyelarasan kejurulatihan telah dibentuk.

■1610

Bagi memperkasakan tahap kejurulatihan, sebanyak 75 kursus Sains Sukan dan 121 kursus Sukan Spesifik akan diadakan sepanjang tahun 2009 dengan melibatkan seramai 5,255 orang jurulatih di semua peringkat. Dengan strategi dan pelan tindakan yang diambil oleh jawatankuasa bersama KBS, KPM dan KPT dan Jawatankuasa Kecil Penyelarasan Kejurulatihan ini ia akan dapat menampung keperluan jurulatih-jurulatih dan *instructor* sukan di pelbagai peringkat bagi memperkembangkan pelaksanaan program pembangunan sukan sekolah, negeri dan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas setiap saranan, pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap Kementerian Belia dan Sukan sepanjang perbahasan Titah Diraja berlangsung di Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan ke arah untuk memperkasakan belia dan memartabatkan sukan negara ke tahap yang lebih membanggakan. Semoga usaha murni ini mendapat sokongan padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Pelajaran.

4.11 ptg

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja kali ini khususnya membahaskan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Setelah saya meneliti perbahasan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyentuh tentang Dasar Pendidikan dan pelaksanaannya. Saya menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, saranan malah teguran membina demi menambah baik sistem pendidikan negara. Seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan di samping ulasan ringkas beberapa isu yang telah berulang kali di bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan dasar PPSMI, saya amat menghargai komitmen daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pelaksanaan PPSMI. Walaupun isu ini telah dijawab sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan penjelasan panjang lebar pada 30 Mac 2009 semasa sesi soal jawab tetapi ianya masih lagi mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Antaranya yang membahaskan isu ini ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik; Yang Berhormat Senator Dato' Wan Nordin Che Murat; Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus Abdullah; Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap; Yang Berhormat Senator Khoo Soo Seang; Yang Berhormat Senator Haji Ahamat @ Ahamad Yusop; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris Buang; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak; dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Samsiah Samsudin. Saya tidak akan mengulas secara panjang lebar mengenai perkara tersebut. Namun begitu sekali lagi saya ingin tegaskan kementerian telah mengambil sikap berkecuali dalam kesemua perbincangan berhubung dengan PPSMI yang telah diadakan agar sebarang perkara yang dibangkitkan dapat diterima dengan hati terbuka.

Walaupun kita telah mendapat pelbagai alternatif berdasarkan rumusan daripada persidangan meja bulat, mesyuarat profesional, memorandum, dapatan daripada beberapa kajian termasuklah kajian Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional atau PEMBINA, dengan kerjasama lapan universiti tempatan ataupun maklum balas serta pandangan daripada pelbagai media, tetapi ianya bukanlah satu formula yang dapat menyelesaikan semua permasalahan yang timbul dalam penentuan masa depan dasar ini. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tempoh hari, saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar dan menunggu keputusan yang akan dibuat oleh Kabinet berhubung dengan pelaksanaan PPSMI ini.

Kita juga mengharapkan keputusan akan dibuat secepat mungkin dan saya pasti sudah semestinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita yang baru ini juga telah amat maklum tentang perkara tersebut terutamanya setelah mendengar pandangan serta cadangan semasa perbahasan baik dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara atau pun daripada perwakilan di

Persidangan UMNO baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan, ingin ditegaskan bahawa walaupun tindakan yang kerajaan ambil berkaitan dengan pelaksanaan PPSMI, bahasa Melayu akan tetap dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara kita.

Kementerian memberi jaminan bahawa apa jua keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan nanti, ianya tidak akan menjejaskan usaha kita untuk terus mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini kerana usaha untuk memperkasa bahasa kebangsaan tidak sama sekali bergantung pada dasar PPSMI sebaliknya Kementerian Pelajaran secara berterusan telah membariskan pelbagai langkah untuk mengangkat kedudukan dan martabat bahasa Melayu. Langkah ini termasuklah dengan meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memberikan kuasa penguatkuasaan kepada DBP yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2009 ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai transformasi kurikulum pula. Berhubung dengan perubahan kurikulum pendidikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan usaha melahirkan modal insan yang berkualiti mengikut keperluan semasa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, KPM sedar bahawa memang telah sampai masanya untuk kita meneliti, menukar pendekatan dan merombak kurikulum agar lebih bersifat holistik, tidak membebankan dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.

Sehubungan dengan itu, KPM sedang merintis pelaksanaan transformasi kurikulum secara berperingkat bermula dengan fasa pra-sekolah dan tahun satu sekolah rendah. Transformasi kurikulum ini membawa perubahan dari segi konsep dan tahap persekolahan. Kurikulum baru yang berbentuk *modular* ini akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah atau KBSR yang sedang digunakan ketika ini. Transformasi kurikulum ini akan mengakibatkan beberapa perubahan seperti perubahan peruntukan waktu, latihan guru yang lebih bersifat *multi-specialist* dan penggunaan dokumen standard kurikulum.

Kurikulum baru ini akan menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, menyeronokkan dan berpusatkan murid. Bagi menyokong transformasi kurikulum tersebut seperti juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawi, KPM akan memperkenalkan Sistem Pentaksiran Kebangsaan yang bersifat lebih holistik. Sistem pentaksiran ini akan lebih mengubah cara pentaksiran pusat kepada pentaksiran berasaskan sekolah. Selain mentaksirkan pencapaian akademik dan penguasaan pengetahuan murid, sistem pentaksiran baru juga mampu mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang.

KPM telah memulakan projek rintis sistem pentafsiran baru ini selama dua tahun di 80 buah sekolah pada tahun 2008 dan 500 buah sekolah pada tahun ini pada peringkat pra-sekolah dan tahun satu di sekolah rendah. Jika semuanya berjalan lancar, pada tahun 2010, SPPK akan mula dilaksanakan di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam menentukan murid cemerlang, KPM bukan sahaja melihat kecemerlangan murid dari sudut

akademik semata-mata, penilaian dilakukan secara holistik yang merangkumi kecemerlangan dalam bidang kurikulum dan juga sahsiah.

Kalau kita mengambil kira jumlah A yang diperoleh oleh pelajar dalam sesuatu peperiksaan awam sebagai cemerlang, kita tidak berlaku adil kepada sekolah di bawah Kementerian Pelajaran khususnya sekolah berasrama penuh yang hanya dibenarkan mengambil maksimum dua belas mata pelajaran dalam SPM.

Mengenai pemberian gred dalam peperiksaan awam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz Md. Nawī, dan dakwaan Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus Abdullah mengatakan setengah-setengah mata pelajaran, markah diturunkan untuk menentukan sesuatu gred adalah tidak benar. KPM sentiasa memastikan kualiti peperiksaan awam terpelihara sama ada sebelum atau selepas pelaksanaan PPSMI. KPM tidak pernah mengubah kaedah dalam menentukan gred sempadan sesuatu mata pelajaran.

KPM menggunakan kaedah pengiktirafan melalui penentuan standard berlandaskan kaedah statistik dengan membuat perbandingan keputusan-keputusan tahun sebelumnya dan graf analisa setiap mata pelajaran. Di samping itu, mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Standard yang diadakan sebelum sesuatu peperiksaan awam diumumkan akan dihadiri oleh pakar-pakar pentafsiran peperiksaan dari badan-badan peperiksaan luar negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand dan Belanda untuk semua jenis peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM.

■1620

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Dengan kaedah ini KPM akan berkeyakinan kualiti peperiksaan awam kita sentiasa terpelihara. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal berkaitan...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Saya mohon untuk mengganggu.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, sila.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah datang untuk menjawab tentang isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya tertarik dengan saranan yang akan dibuat oleh pihak kementerian bahawa telah dapat sekolah yang telah pun dibuat satu perintisan untuk membuat peperiksaan berdasarkan kepada sekolah. Yang ingin saya tanyakan ialah adakah sekolah-sekolah yang dibuat uji kaji ataupun ujian ini dibahagikan ikut *locality* juga. Adakah dibuat peringkat luar bandar, di bandar, di Semenanjung, dan juga Sabah, Sarawak? Itu yang pertama dan yang kedua isu yang berkenaan dengan sistem penggredan sama ada 'A', 'B', ataupun 'C'. Saya ingin tanya kepada pihak kementerian adakah kementerian bersedia untuk memberikan skema markah untuk 'A', 'B', 'C' bagi menjawab segala persoalan yang dikemukakan oleh orang ramai. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ah, silakan sekali harung.

Dato' Dr. Firdaus bin Hj. Abdullah: Terima kasih. Pada umumnya perkara yang sudah saya bangkitkan ini Tuan Yang di-Pertua sama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mumtaz tadi. Bila saya menimbulkan tentang keraguan masyarakat awam

tentang penggredan itu saya timbulkan itu kerana berdasarkan satu senarai keputusan yang didapati oleh kumpulan penyelidik pembina seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di mana di sebuah sekolah di Sabah, mata pelajaran yang lain, mata pelajaran yang sepatutnya mudah. Pelajar-pelajar mendapat gred 9. Akan tetapi bila tiba kepada mata pelajaran Sains, Matematik dan kerajinan tangan pelajar-pelajar mendapat markah-markah, gred 5, 6 dan 7.

Ini menimbulkan keraguan. Kenapa untuk mata pelajaran yang semestinya mudah selama ini, pelajar-pelajar gagal. Sedangkan untuk mata pelajaran yang Sains dan Matematik yang selama ini dianggap sebagai mata pelajaran yang sudah tiba-tiba pelajar mendapat markah yang lulus dan di awal persidangan ini Tuan Yang di-Pertua saya minat supaya kementerian juga menjelaskan tentang *cut-of-point*, dengan izin, untuk penggredan satu-satu untuk gred 'A', 'B', 'C', 'D' dalam peperiksaan dalam UPSR, PMR dan SPM itu tetapi malangnya perkara itu tidak dijawab. Perkara ini saya timbulkan kalau perkara demikian berleluasa maka ini akan menimbulkan persepsi di kalangan masyarakat awam yang boleh mengakibatkan hilangnya kredibiliti Kementerian Pelajaran. Oleh kerana itu apabila Yang Berhormat Senator Mumtaz meminta supaya kementerian menyatakan bagaimana gred-gred itu ditentukan. Angka-angkanya, peratusannya dan saya rasa ini secara telus patut dimaklumkan kerana di luar sana di akar umbi perkara ini menjadi buah mulut orang.

Saya sebagai seorang penyokong kerajaan menghadapi masalah untuk menjawab soalan-soalan seperti ini. Menimbulkan soal kredibiliti kepada Kementerian Pelajaran. Satu lagi perkara betul Yang Berhormat menyebutkan tadi tentang soal implementasi PPSMI telah dijawab dengan meluas. Akan tetapi selain daripada soal implementasi yang tidak kurang pentingnya ialah soal perumusan dasar PPSMI itu sendiri. Orang mengatakan di luar dengan izin Tuan Yang di-Pertua bahawa polisi ini sebagai satu polisi PPSMI *again with...*, dengan izin, *ill conceived policy, and as a program, it is ill-equipped implementation*.

Saya bersedia berhujah dan banyak pihak-pihak boleh berhujah mengenai perkara ini. *As a policy, ill conceived policy. As a program, ill-equipped implementation*. Kenapa saya katakan begitu? Bagaimana apa matlamat sebenar daripada PPSMI tidak dinyatakan. Oleh kerana itu, perumusan polisi kurang ramuan dan kurang rumusan. Begitu juga dengan implementasinya. Kajian yang dibuat oleh tiga orang tiga kumpulan pengkaji. Kumpulan profesor Juriah Long dari UKM. Kumpulan profesor Ishak Haron dari UPSI. Kumpulan Dato' Rauf yang adalah bekas pegawai tinggi Kementerian Pelajaran Sendiri yang melibatkan lima universiti. Semuanya menyatakan tentang implementasi itu sangat tidak memuaskan hati. Kalau betullah ada dikatakan memuaskan hati kata menurut Dato' Rauf hanyalah 20% iaitu sekolah-sekolah di bandar. Sedangkan sekolah-sekolah di luar bandar keadaannya adalah sangat menyedihkan. Kerana itu Tuan Yang di-Pertua, dan salah satu sebab yang lain saya rasa ialah berlakunya masalah komunikasi dalam hari ini.

Untuk itu saya merayu. Saya merayu dengan ikhlas sebagai penyokong kerajaan saya merayu dengan ikhlas Tuan Yang di-Pertua, dengan semangat yang disuarakan dalam sidang

UMNO baru-baru ini kerajaan. Parti menguasai kerajaan. Berilah peluang sekali lagi *I want to be on record*, dengan izin, berilah peluang kepada tiga kumpulan penyelidik ini membentangkan hasil penyelidikan mereka di hadapan MT UMNO dan juga di hadapan Majlis Barisan Nasional dan kalau boleh di depan Kabinet. Dan saya rasa kalau ini dapat diberi peluang. Kalau ketiga-tiga kumpulan ini diberi peluang menyatakan hasil mereka, membentangkan hasil mereka secara tanpa emosi. Saya dituduh oleh Menteri Pelajaran sebagai emosi. Akan tetapi macam mana tidak emosi bila bercakap fasal perkara macam ini. Saya melihat benda ini, kejayaan perjuangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah apabila bahasa ini dinobatkan sebagai bahasa penghantar dalam sistem pendidikan. Dan sekarang itu yang hendak diruntuhkan oleh PPSMI kalau kita bercakap mengenai dasar.

Selama ini yang dicakapkan hanyalah mengenai *implementation* tidak pernah disebut mengenai dasar. Oleh kerana itu perbincangan jangan hanya terlibat kepada masalah implementasi juga harus kepada dasar. Seperti yang saya katakan tadi dari segi dasar rumusannya. Rumusan dan ramuannya tidak memuaskan. Sebagai satu program implementasi *is ill-equipped*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menghargai pandangan dua orang Senator yang berhujah dengan begitu bersemangat. Yang pertama bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Puan Hajah. Sebenarnya dalam pensampelan SPPK ini kita mengambil kira, ianya mencakupi semua *locality* termasuk luar bandar, bandar dan mengikut rekodnya prestasi di sekolah baik atau tidak kerana itu adalah satu *pilot survey*, ataupun dengan izin, ianya merupakan satu projek yang kita buat secara percubaan dan selepas itu barulah kita boleh ubah suai gunakannya untuk semua sekolah. Jadi secara umumnya ingin saya memaklumkan ia mengambil kira dari segi teknik pensampelan walaupun ianya dibuat secara *random sampling*, dengan izin, tetapi mengambil kira semua ciri-ciri tersebut.

Yang kedua mengenai apa yang telah disarankan. Mengenai kesediaan pihak kementerian memaklumkan tentang skema pemarkahan. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat sebenarnya sebelum memasuki kementerian ini saya pun ghairah seperti Yang Berhormat. Saya seperti Yang Berhormat juga di Dewan Rakyat sentiasa bertanya apakah *cut-of-point* bagi mata pelajaran tertentu. Dan setelah setahun saya duduk di kementerian saya apabila berdialog dengan pegawai saya. Cara itu juga saya tanya dan akhirnya saya juga sempat berbincang dengan pakar-pakar peperiksaan daripada agensi peperiksaan luar negara. Dia kata sebenarnya dia ada dua cara untuk kita menilai sesuatu kertas dalam peperiksaan:

- (i) *standard fixing*; dan
- (ii) *standard setting*.

Dia ada beza apa itu *setting*, apa itu *fixing*. Iaitu satunya kaedah dia tentukan seperti universiti. Saya baca *Hansard*. Saya dapati beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang markah berapa 80 dapat 'A'; 75 - A2 dan sebagainya. Itu kalau kita *fix* ataupun tentukan pada satu markah itu satu kaedah. Kaedah yang kedua ialah *standard setting* di mana kita

gunakan satu sampel yang besar dengan cara secara *convension* nya, *empirical* dapat dibuktikan dengan cara kita kena yang pertama memastikan apa yang kita ambil atau sampel itu adalah *normal distributed*. *Normal distribution*. Kemudian kita *min plus standard division*, dengan izin. Kemudian kita akan tengok macam mana patennya dan kita buat *graft setting*. Itu adalah kaedah yang kedua. Bukan tidak ada kata yang mana yang lebih baik mana yang tidak baik. Kalau kita memberi markah mungkin tahun ini bagi mata pelajaran itu mungkin 80. Mungkin tahun hadapan ianya akan menurun sehingga 77 atau 76.

■1630

Kita juga melihat dari tahap kesukaran soalan itu yang ia juga diberi *multiplier* tentang pendaraban, tentang pekali itu juga dikira. Jadi saya rasa ini ada dua pendekatan saya berkongsi dengan Yang Berhormat. Sebenarnya ini ada dua kaedah. Jadi, saya rasa kementerian kita bersedia maklumkan kepada semua guru setakat mana, sampai mana mereka perlu mengajar pelajar mereka supaya A itu sekurang-kurangnya pada satu tahap. Akan tetapi yang kita kluatir ini, bila kita sebut tahun ini 77% dan tahun depan 78% tidak dapat, itu akan jadi satu isu besar juga.

Jadi, saya rasa dalam keadaan yang tersepit sebegini kita kena berhati-hati, kalau kita buat secara *standard fixing* bermakna 80% terus, itu mungkin satu kaedah lain. Akan tetapi kebanyakan negara maju, sekarang mereka lebih gemar kepada caranya dua dan berbeza, saya lihat negara ada dua universiti yang berbeza. Jadi, saya berkongsi pengalaman saya, duduk setahun saya tahu apa masalah dia. Akan tetapi kalau Yang Berhormat menyebut tentang ketelusan itu, saya rasa ada ruang untuk kita memperbaiki. Yang Berhormat juga menyebut tentang saya terbaca mata pelajaran yang mudah itu dapat sembilan dan untuk Sains itu dapat enam dan dikluatiri ada sesuatu yang tidak kena Yang Berhormat.

Saya meneliti *Hansard* tersebut, malam tadi pun saya mencari jawapan, kenapa macam itu? Saya cari *Hansard* itu, dia tidak sebut peperiksaan apa. Kalau peperiksaan yang menggunakan kaedah objektif kalau 'A', 'B', 'C', 'D' kebarangkaliannya kena adalah 25% jadi kalaulah markah itu lulus adalah 40%, kemungkinan dia akan dapat. Itu satu.

Kalau bahasa, kalau menulis mengarang itu secara spesifik itu kena tulis dan mengarang. Sesuatu karangan itu mungkin ada perbezaan. Jadi ia tidak spesifik saya tidak dapat bagi ulasan tetapi kalaulah ia merupakan satu tahap yang lebih tinggi. Kalau di SPM atau STPM, saya yakin perkara ini jarang sekali berlaku. Kalau kita lihat trendnya daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, keputusan kita ini sebenarnya diterima oleh dunia dan tidak ada syak wasangka tentang keputusan A di sini tidak boleh masuk *University of Cambridge*, tidak boleh masuk *Harvard University* dan ramai mengguna keputusan ini SPM yang merupakan produk Malaysia ini telah diterima masuk pada universiti terkemuka.

Jadi saya rasa kita kena lihat dalam perbandingan cuma secara umum saya tidak dapat, minta maaf saya tidak dapat bagi jawapan secara spesifik. Satu perkara yang memang *interesting*

yang telah di bangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah mengenai perumusan PPSMI. Saya menghargailah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Dato' sebagai bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Kata orang bahasa itu jiwa bangsa dan kita sedar bahawa pejuang-pejuang bahasa memang berkehendakkan supaya kita kembalikan kepada dasar lama iaitu sebelum tahun 2003.

Saya rasa sudah lima kali saya menyertai rundingan meja bulat, persidangan meja bulat. Saya mendengar pandangan semua dan boleh dikatakan setiap kali rundingan meja bulat saya dapat jilidkan pembentangan kertas kerja itu, setiap kali saya baca pandangannya berlainan. Mungkin profesor ini berbeza dengan profesor itu, jadi tidak mengapa sebab seperti mana yang saya katakan kita bersifat berkecuali sebab itu Menteri tidak mengambil bahagian dalam lima-lima. Ini kerana biarlah hati kita terbuka, pandangan kita terbuka kita dengar dan akhirnya ada tujuh perkara. Ini bukan dirumuskan oleh kementerian, kita dengar dari pandangan peserta-peserta itu, ada tujuh rumusan. Kini kita akan jilidkan kesemua itu termasuklah Yang Berhormat katakan tadi tiga kertas pembentangan yang ilmiah itu akan kita masukkan juga untuk pertimbangan Kabinet.

Saya rasa *political wisdom*, dengan izin, yang ada pada Kabinet baru yang bakal di bentuk saya yakin mereka akan melakukan yang terbaik. Kalau dalam Dewan ini saya melihat pandangan Ahli Yang Berhormat sendiri pun mungkin tidak sama. Ada yang sokong ada yang tidak sokong, yang pentingnya kita menghormati pandangan antara satu sama lain. Keduanya kalau kita lihat tahap sekolah rendah, sekolah menengah ada pandangan berbeza juga. Ada yang mengatakan sekolah menengah patut diteruskan, sekolah rendah kena kembalikan dan masing-masing ada pandangannya yang berlainan, sebab itu tidak ada satu formula yang boleh memuaskan semua pihak. Sebab itu saya minta mohon kerjasama Yang Berhormat supaya kita dapat mendapatkan satu kata putus daripada Jemaah Menteri. Ini kerana satu dasar yang diputuskan dalam Jemaah Menteri dari tahun 2002 dan ia sepatutnya dikembalikan kepada Jemaah Menteri untuk keputusan terakhir.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Minta penjelasan, yang saya pohon sangat tadi, bukannya tiga hasil penelitian tiga kumpulan Juriah Long, Ishak Haron dan Dato' Rauf itu diserahkan kepada Kabinet. Apa yang saya harapkan ialah adalah supaya tiap-tiap satu dari tiga kumpulan ini diberi peluang membentangkan hasil penemuan mereka di depan MKT UMNO, kalau boleh di depan Majlis Tertinggi Barisan Nasional. Bukannya penyerahan dokumen itu yang saya katakan adalah pembentangan, kalau penyerahan dokumen itu terlalu tebal, mungkin susah dan mungkin tidak ada masa bagi pihak-pihak berkenaan untuk membaca. Saya harapkan ialah supaya hasil penemuan mereka itu diberi peluang kepada mereka untuk bentangkannya secara *dispassionate*, dengan izin.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu cadangan yang mana saya tidak dalam kedudukan dalam menentukan pihak MKT UMNO kerana saya tidak duduk dalam MKT. Jadi terpulang kepada parti masing-masing untuk menentukan sama ada untuk menjemput pakar tersebut untuk datang. Akan tetapi yang pasti daripada

Kementerian Pelajaran, apa yang telah kita jilidkan, pandangan itu kita amat menghargai dan ia akan di hantar kepada Kabinet untuk pertimbangan. Justeru, sama ada Kabinet semasa mesyuarat akan memanggil pakar-pakar itu saya rasa melihat kepada kesesuaian dan keperluannya.

Jadi itu pun tidak ada dalam bidang kuasa saya untuk menentukan tapi yang boleh serta yang pasti kementerian akan bagi apa juga maklumat yang kami terima untuk Jemaah Menteri untuk membuat keputusan berdasarkan pandangan daripada pelbagai pihak daripada semua tempat sama ada Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung. Saya rasa bandar atau luar bandar kita ambil kira, kalau kita baca surat khabar bahasa Inggeris pun pandangannya berbeza-beza. Kalau kita tengok *Utusan*, *Berita Harian* pun berlainan, surat khabar Cina pun berlainan. Jadi saya rasa, saya ingin merumuskan bahawa kita perlu bersabar sedikit dan saya yakin dalam tempoh tersekat keputusan akan di buat. Jadi kita telah membuat konsultasi secara maksima dan saya yakin ia ke arah mencari satu penyelesaian, harap-harap ia akan diterima dalam semua pihak.

Biarlah saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang berkaitan dalam mata pelajaran Sejarah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak mahu melahirkan generasi yang buta sejarah sehingga melupakan tentang sejarah negara mereka yang boleh mengakibatkan hilangnya semangat patriotik dan jati diri mereka. Dalam hal ini kita mahu menilai semula mata pelajaran Sejarah dan sistem pendidikan negara yang akan diperkenalkan bermula di peringkat sekolah rendah. Buat masa ini di peringkat sekolah menengah murid wajib mengikuti mata pelajaran berkenaan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Bagi sekolah rendah pula komponen Sejarah dirangkum dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dari Tahun 4 hingga Tahun 6.

Berhubung dengan bahan pembelajaran mata pelajaran tersebut. Selain daripada buku teks KPM memang menyediakan pelbagai bentuk alat bantuan pembelajaran termasuklah bahan dari media cetak dan juga elektronik. Mengenai mewujudkan mata pelajaran Perlembagaan Negara sepertimana Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed dan Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali.

Walaupun buat masa ini kementerian belum bercadang untuk mewujudkan mata pelajaran tersebut tetapi elemen mengenai Perlembagaan negara diserapkan secara merentas kurikulum dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan serta mata pelajaran Sejarah. Seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan berusaha memastikan anak-anak kita supaya mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai Rukun Negara, Perlembagaan Negara dan Institusi Raja-Raja. Pembangunan prasarana sahaja tidak mencukupi untuk membangunkan modal insan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mengenai gejala sosial.

Keadaan semasa membuka ruang kepada setiap generasi khususnya anak-anak kita kepada pelbagai situasi. Pendidikan yang diperoleh melalui pelbagai sumber banyak mempengaruhi gaya hidup kita. Justeru, penuliran masalah sosial boleh menggugat usaha kita melahirkan modal insan yang unggul dan ini merupakan satu cabaran yang perlu kita hadapi bersama.

■1640

Sehubungan dengan itu dalam menggubal PIPP dan juga penekanan dalam mata pelajaran pendidikan agama dan pendidikan moral sudah pasti aspek sahsiah yang tinggi, nilai murni, jati diri, kepimpinan ditekankan. Ini bertujuan supaya rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan yang unggul, berkemahiran tinggi, mempunyai nilai-nilai murni yang utuh dan pegangan kepada ajaran agama yang kukuh. Kementerian Pelajaran Malaysia juga mengharapkan kerjasama pelbagai pihak termasuk ibu bapa dan masyarakat setempat bagi membendung masalah sosial yang amat meruncingkan kita dipertingkatkan.

Bagi membentuk modal insan agar mahir dalam kemahiran jawi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Jawi adalah warisan budaya bangsa yang telah digunakan sejak dahulu lagi. Dalam memperkasakan pendidikan Islam, tulisan Jawi dijadikan salah satu elemen penting khususnya dalam program J-Qaf. Di peringkat sekolah rendah tulisan Jawi adalah salah satu komponen yang diajarkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Manakala di peringkat sekolah menengah tulisan Jawi diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam.

Selain daripada J-Qaf kementerian juga telah mengambil pelbagai inisiatif dalam memartabatkan dan memajukan pendidikan Jawi di kalangan rakyat dengan melaksanakan aktiviti berikut:

- (i) menyediakan buku teks pendidikan Islam dalam tulisan Jawi;
- (ii) menggalakkan penerbitan bahan bacaan menggunakan tulisan Jawi;
- (iii) membiayai penerbitan akhbar sisipan Jawi dalam *Utusan Malaysia*;
- (iv) mengadakan pertandingan tulisan Jawi dalam pelbagai aktiviti kokurikulum;
- (v) mewujudkan kelab Jawi di sekolah-sekolah;
- (vi) menjalankan kursus-kursus tulisan Jawi kepada guru-guru; dan
- (vi) galakan menggunakan tulisan Jawi di sekolah-sekolah.

Dari semasa ke semasa Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa meneliti dan menilai keberkesanan dan meningkatkan penguasaan tulisan Jawi di kalangan murid-murid. Kementerian Pelajaran Malaysia juga berpandangan program J-Qaf yang dilaksanakan kini telah memberi fokus kepada murid-murid dalam mempelajari Jawi sama ada membaca dan menulis Jawi. Usaha ini akan dapat membantu anak-anak kita bukan sahaja dalam kemahiran Jawi tetapi juga memudahkan mereka menguasai Al-Quran. Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari

bahawa guru sebagai golongan yang berada di barisan paling hadapan dalam usaha pembangunan anak bangsa.

Sebagai menghargai jasa golongan guru, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk memartabatkan profesion ini. Pelbagai inisiatif, kenaikan pangkat dan peluang menyambung pendidikan diberikan seluas-luasnya kepada guru-guru. Saranan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang untuk memberi keistimewaan kepada anak-anak guru dalam melanjutkan pengajian di universiti dengan penyediaan insentif khas dalam pembiayaan pendidikan merupakan saranan yang baik dan akan diteliti kesesuaiannya. Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum dasar pemberian pinjaman buku teks untuk semua murid telah dilaksanakan sekarang, kementerian memang memberi keistimewaan kepada semua anak guru untuk mendapatkan pinjaman buku teks.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan agar golongan pendidik terutamanya guru dalam Kumpulan 'A' diberikan kelonggaran dan kebenaran untuk terlibat di dalam aktiviti politik oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang juga Naib Presiden UMNO yang baru semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini menimbulkan reaksi dari pelbagai pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini antaranya Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang di ulas oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran setelah mendapat reaksi daripada pelbagai pihak, beliau sedia menerima apa juga pandangan dan maklum balas serta pendapat mengenai cadangan tersebut agar keputusan yang dibuat nanti akan memuaskan hati semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segala segi Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha untuk memastikan bahawa penglibatan dan pencapaian murid dalam akademik adalah seiring dengan penglibatan dan pencapaian mereka di dalam bidang sukan dan kokurikulum.

Bagi tujuan ini Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah atau SPTS, telah mula pada tahun 2008 dengan memajukan tiga sukan teras iaitu bola sepak, sepak takraw dan memanah. Manakala pada tahun 2009 ini setelah kesepakatan wujud bersama Majlis Sukan Negara (MSN). Empat jenis sukan lagi akan dimajukan iaitu badminton, olahraga, hoki dan gimnastik. Program ini akan dilaksanakan dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Sukan yang terdiri daripada Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN), Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Projek.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya sentiasa berusaha untuk melatih lebih ramai guru bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang sukan dengan kerjasama MSN, Institut Sukan Negara (ISN) dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Sebagai galakan, guru-guru yang telah mencapai tahap yang ditentukan apabila lulus serta memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diiktiraf sebagai jurulatih yang berkelayakan dan layak

mendapat bayaran insentif jurulatih sukan (BIJS). Kadar bayaran insentif jurulatih sukan adalah mengikut tahap-tahap keupayaan iaitu:

- (i) RM225 sebulan;
- (ii) RM300 sebulan; dan
- (iii) RM375 sebulan.

Insentif yang diwujudkan ini merupakan motivasi kepada guru-guru untuk menarik minat lebih ramai guru dalam bidang ini dan dapat melaksanakan tanggungjawab bagi melahirkan ahli sukan yang cemerlang untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang saya dapat jelaskan bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, sekian terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali Jabatan Perdana Menteri, silakan Yang Berhormat Menteri.

4.49 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja. Pada kesempatan ini saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali ingin mengetahui kenapa kerajaan ingin menunggu sehingga tahun 2010 untuk mengatasi miskin tegar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi sepenuhnya menjelang tahun 2010. Penetapan tahun sasaran ini dibuat dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk aspek-aspek perancangan program dan projek, kapasiti agensi dan tempoh pelaksanaan projek yang diperlukan. Serta keupayaan sumber yang terhad bagi pelaksanaan program-program tersebut.

Selain itu aspek geografi juga turut diambil kira di mana dengan bilangan isi rumah miskin tegar yang semakin kecil dan wujudnya *pocket of poverty* dengan izin, di kawasan terpencil terutamanya di Sabah dan Sarawak menyebabkan usaha mengenal pasti dan menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar tersebut menjadi lebih sukar dan memerlukan kos yang lebih tinggi. Program yang dirancang juga perlu mengambil kira kesesuaian dengan kumpulan sasaran agar ia dapat diterima dan dapat memberi kesan yang diharapkan. Mengambil kira faktor-faktor

tersebut serta pengalaman dan pencapaian usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan tahun 2010 merupakan tahun sasaran yang sesuai.

Pelbagai program pembasmian kemiskinan yang bersifat *pro poor*, dengan izin, telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu golongan miskin dan miskin tegar mendapat peluang pekerjaan. Namun tidak menjadi dasar kerajaan menyediakan bantuan kewangan semata-mata kepada semua golongan miskin tegar kecuali kepada mereka yang tidak lagi produktif dan benar-benar memerlukan bantuan berkenaan seperti di kalangan orang kurang upaya, golongan tua dan sebagainya.

■1650

Manakala bagi golongan miskin tegar yang masih produktif, kerajaan memberi penekanan kepada program ekonomi bagi menjana pendapatan. Pendekatan ini sudah pasti memerlukan masa yang lebih panjang, walau bagaimanapun pencapaiannya adalah lebih *sustainable* dan membolehkan kumpulan sasar mendapat pendapatan secara berterusan. Antara tumpuan program-program menjana pendapatan yang dilaksanakan ialah seperti dalam bidang perniagaan, aktiviti berasaskan pertanian yang dibantu dengan kemudahan kredit mikro dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan jurang ekonomi di kalangan rakyat Malaysia. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati dan dikongsi secara saksama oleh rakyat Malaysia. Dasar-dasar pembangunan yang dibentuk berdasarkan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama terbukti berupaya merapatkan jurang ekonomi di antara masyarakat bandar dan luar bandar, di antara golongan berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah serta di antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Strategi utama bagi menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi di kalangan rakyat adalah melalui usaha pembasmian kemiskinan dan kemiskinan tegar, mengurangkan jurang pendapatan di antara kumpulan etnik dan di antara bandar dan luar bandar. Antara program utama bagi pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan termasuk program menjana pendapatan seperti dalam bidang perniagaan, aktiviti berasaskan pertanian, kemudahan kredit mikro serta bantuan perumahan, pendidikan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Pelaksanaan program-program latihan keusahawanan, penyediaan kemudahan tabung-tabung pinjaman juga dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera yang masih ketinggalan dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Peranan bagi institusi-institusi bumiputera pula diperkukuh bagi menggembelng pelaburan individu bumiputera sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera melalui Unit Saham Amanah.

Selain itu, program pendidikan, latihan kemahiran dan pembangunan tekno usahawan merupakan inisiatif berterusan ke arah menyusun semula pola guna tenaga bagi mencerminkan komposisi kaum dalam negara. Bagi mengurangkan lagi jurang di antara wilayah, lima koridor

pertumbuhan ditubuhkan bagi mempergiatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah tersebut. Ini akan membantu menjana lebih banyak peluang pekerjaan di negeri-negeri yang terlibat yang seterusnya membantu dalam mengurangkan lagi jurang pembangunan antara negeri-negeri dan wilayah di Malaysia.

Di samping itu, usaha juga dipergiatkan bagi pembangunan luar bandar melalui program pengupayaan komuniti desa. Kerajaan akan terus berusaha untuk merapatkan lagi jurang ekonomi di kalangan rakyat agar ketidakseimbangan sosioekonomi dapat terus diperbaiki. Selaras dengan itu kerajaan juga mengalu-alukan cadangan baru yang dapat meningkatkan lagi keberkesanan langkah-langkah untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi.

Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, memohon penjelasan berhubung isu perjanjian konsesi tol yang merugikan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan lebuh raya bertol secara penswastan di negara ini telah mengalami proses kematangan secara berperingkat iaitu projek-projek yang dilaksanakan sebelum tahun 2002 dan selepas. Di peringkat awal pelaksanaan projek penswastan lebuh raya tol pada tahun 1983 Malaysia adalah antara negara di dunia yang terdahulu memperkenalkan kaedah pembangunan infrastruktur prasarana terutamanya lebuh raya dengan menggunakan pembiayaan dan pelaburan sektor swasta secara pegangan konsesi.

Dalam tempoh tahun 1983 sehingga 2002 terdapat sebanyak 22 buah lebuh raya bertol telah siap dibina dan daripada bilangan tersebut 21 sedang beroperasi manakala sebuah telah tamat tempoh konsesi dan diserahkan semula kepada kerajaan serta menjadi lebuh raya bebas tol. Selepas tahun 2002 terdapat sebanyak tujuh buah lebuh raya yang telah siap dibina dan beroperasi enam buah dalam tempoh pembinaan, dua buah dalam rundingan. Pendekatan kerajaan ketika itu adalah untuk membina lebuh raya dan jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar di Malaysia sebagai pemacu pembangunan ekonomi dan sekali gus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh kerana kekurangan sumber kewangan pada ketika itu kerajaan telah menggalakkan pihak swasta untuk melaksanakan lebuh raya-lebuh raya ini. Dalam hubungan ini pembinaan lebuh raya secara penswastan telah menyebabkan limpahan ekonomi berganda bukan sahaja di sektor pengilangan, perladangan dan juga mencetus pembangunan di sepanjang koridor lebuh raya berkaitan. Pembangunan infrastruktur yang pesat pada ketika itu telah melonjakkan ekonomi negara pada paras pertumbuhan yang konsisten dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun yang kompetitif.

Rakyat secara amnya telah pun dapat menikmati manfaat daripada pertumbuhan ekonomi akibat tersedianya jaringan lebuh raya-lebuh raya ini. Disebabkan keadaan pasaran modal ketika itu masih belum matang, pulangan dalaman sekitar 14% hingga 15% bagi sesuatu projek penswastan adalah munasabah pada ketika itu untuk menarik pelabur swasta dan pembiaya seperti bank-bank untuk melabur dalam projek penswastan pembinaan lebuh raya bertol ini. Walau bagaimanapun, kini setelah pasaran modal mencapai tahap kematangan pulangan

dalamannya telah menurun iaitu pada kadar antara 9% hingga 10% tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin menyarankan agar kerajaan mengemas kini senarai kemiskinan di Malaysia. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk menyediakan data kemiskinan yang berpusat, kerajaan telah memutuskan supaya sistem pangkalan data kemiskinan negara yang dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sistem maklumat ini dikenali sebagai e-Kasih dibangunkan dan diuruskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri atau ICU.

Walau bagaimanapun maklumat dalam e-Kasih adalah untuk kegunaan semua agensi dan jabatan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan termasuk Badan Bukan Kerajaan atau NGO. Ianya dibangunkan dalam usaha untuk menyeragamkan definisi kemiskinan dengan penggunaan pendapatan garis kemiskinan yang sama untuk diguna pakai oleh semua agensi yang dipantau oleh *focus group* di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

e-Kasih merupakan *outcome base system*, dengan izin, bagi mengenal pasti status kemiskinan sesebuah keluarga miskin tersebut berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Ia telah selesai dibangunkan pada Julai 2008 dan maklumat yang diperolehi hasil daripada bancian keluarga miskin yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah mula digunakan pada Ogos 2008. Tujuan utama adalah untuk mengelakkan pertindihan selain dari menyediakan kemudahan bagi mengesan dan memantau kemajuan sesebuah keluarga miskin dan tahap pemberian bantuan khususnya dari segi perancangan strategi dan pepadanan atau *matching*, dengan izin, projek mengikut kesesuaian dan keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat dan data dalam e-Kasih sentiasa dikemaskinikan melalui pendaftaran terbuka dan kerja-kerja semakan kepada senarai tambahan yang diterima daripada agensi pelaksanaan untuk keluarga miskin dan miskin tegar yang baru. Selain daripada maklumat profil keluarga miskin, e-Kasih juga menyediakan ruang untuk maklumat berkaitan dengan jenis-jenis bantuan yang diterima oleh keluarga berkenaan yang disalurkan oleh agensi seperti jabatan melalui *focus group* di setiap peringkat.

■1700

Angka yang berbeza bergantung kepada tarikh dan tempoh maklumat yang diperolehi daripada e-Kasih. Sehingga Mac 2009, berbanding dengan 31 Disember 2008 terdapat pertambahan masing-masing 3% dari segi bilangan keluarga miskin tegar dari 44,643 keluarga kepada 45,076 keluarga, 7% dari 53,559 kepada 55,932 keluarga untuk kumpulan miskin dan 4% dari 83,384 keluarga kepada 86,376 keluarga untuk kumpulan mudah miskin selepas verifikasi dibuat.

Pada keseluruhannya terdapat pertambahan hampir 4% perbandingan antara fasa satu dan fasa dua. Adalah dijangkakan bilangan ini akan meningkat sehingga akhir 2009 apabila proses verifikasi dan semakan selesai. Melalui e-Kasih, penerima bantuan dan peningkatan pendapatan setiap keluarga akan dipantau dan e-Kasih juga akan mengeluarkan keluarga yang

miskin tegar, dari miskin tegar kepada miskin dan mudah miskin mengikut kategori berdasarkan kepada tahap pendapatan garis kemiskinan semasa negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih...

Datuk Akbar bin Ali: Saya mohon mengganggu Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat beberapa pertanyaan. Terlebih dahulu secara umum, saya mengucapkan tahniah dan merakamkan setinggi penghargaan di atas segala usaha kerajaan dalam membantu khususnya golongan miskin. *Of course* kerajaan bertanggungjawab kepada semua rakyat, kelas menengah dan kelas atasan juga.

Saya tertarik hati dengan komitmen kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar mengikut tarikh sasaran 2010. Ini ada dalam *Mid-Term Review* RMK-9. Cuma tadi, dijawab oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seolah-olah usaha ini tidak akan dapat diatasi dan akan menjangkau kepada RMK-10. *Now*, soalan saya berhubung dengan miskin tegar ini khususnya PPRT. Kalaulah komitmen kita untuk menghapuskan kemiskinan tegar *by* 2010, kalaulah berdasarkan jawapan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tadi, rumah untuk orang miskin dan miskin tegar yang akan dibina pada tahun ini hanyalah 16,000 buah.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kalau pun semua ini diperuntukkan untuk miskin tegar, ada 22,400 buah rumah lagi yang perlu dibina untuk miskin tegar kalaulah angka yang sama kekal seperti pada tahun 2007 dan terus kekal pada 2010. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri akan memberikan komitmen untuk membina 22,400 rumah lagi untuk miskin tegar supaya betul-betul kemiskinan tegar dari segi perumahan akan dapat diatasi pada 2010, itu satu.

Kedua, saya setuju bahawa kalau kita ambil tempoh antara 1990 sehingga 2007, jurang ketidakseimbangan pendapatan telah dapat dirapatkan antara kaum. Setuju? Angka HIS menunjukkan sedemikian. Cuma, apabila Yang Berhormat memborong termasuk ketidakseimbangan bandar dan luar bandar, saya mohon berbeza pendapat. Ini kerana, angka menunjukkan antara tempoh yang saya sebutkan tadi, jurang perbezaan pendapatan antara bandar dan luar bandar melebar. Saya sudah sebutkan dalam ucapan saya, pada tahun 1990, RM1 yang dimiliki oleh orang luar bandar, pada masa itu orang bandar memiliki RM1.70. Pada tahun 2007, *the last* HIS, RM1.00 orang luar bandar, orang bandar memiliki RM1.91. Bermakna, jurang melebar. *So*, kita kena *address this issue*.

Ketiga, berkenaan ekuiti, aset dan juga komposisi kaum di sektor swasta dari segi guna tenaga. Kalau saya tidak keterlaluan, Yang Berhormat telah menyebut apa yang kita boleh kata sebagai *the mother hood statement*. Akan tetapi, yang kita lebih minat ialah apakah sebenar usaha secara konkrit yang dibuat untuk meningkatkan ekuiti dan aset supaya dia mencerminkan komposisi kaum. Selain diperkatakan berdasarkan *motherhood statement* tadi, kita hendak tahu apa secara konkrit.

Begitu juga bagaimana hendak menyusun semula struktur guna tenaga di sektor swasta selaras dengan komposisi kaum. Ini juga diperlukan perancangan yang konkrit supaya kita boleh faham, inilah yang hendak dibuat dan ada sasaran-sasarannya. Bulan Disember lalu, saya ada mencadangkan tetapi telah tidak disahut. Salah satu usaha ke arah itu ialah melaksanakan semula *Ownership Survey* yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 70-an dan 80-an dahulu. Ini akan memberikan *database* untuk kerajaan menilai, memantau dan memberikan *policy direction* berdasarkan data yang dipungut itu. Yang keempat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat sudah berpeluang cakap. Sekarang, Yang Berhormat mohon mengganggu tetapi Yang Berhormat bersyarah. Sila duduk Yang Berhormat, apabila saya bercakap. Sekarang ini ialah masa untuk Menteri membuat *winning up statements*.

Saya tidak faham maksud Yang Berhormat masih hendak ambil peluang cakap banyak-banyak kali sedangkan peraturan mesyuarat kata sekali. Boleh saya bacakan peraturan mesyuarat. Jadi, tolong beri peluang kepada kerajaan menjawab dan menggulung.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan dengan isu membasmi kemiskinan. Di peringkat penyediaan perumahan PPRT, kerajaan memang prihatin dan sentiasa memantau pelaksanaannya. Kalau mengikut pelaksanaan, 16,000 akan disiapkan pada tahun ini. Kita juga harus memahami bahawa tidak semua rumah yang dihuni oleh rakyat miskin tegar adalah dalam keadaan yang terlalu usang.

Jadi, kita menumpukan kepada rumah-rumah yang memerlukan secepat mungkin diberi penempatan yang lebih baik. Oleh itu, dalam perancangan kita, kita terus akan memantau dan juga akan terus memberi tekanan kepada usaha-usaha kita untuk mencapai kemiskinan tegar di peringkat sifar pada tahun 2010. Kementerian-kementerian dan agensi-agensi pelaksanaan juga telah pun dimaklumkan tentang matlamat 2010 kita. Jadi, dari segi pelaksanaan, ia akan diberi penekanan yang lebih mantap atau lebih tegas lagi untuk tahun ini dan tahun depan. Seperti saya katakan, *I think* di peringkat pelaksanaan akan kita terus memberi tekanan yang khusus supaya negara dapat mencapai kemiskinan tegar sifar pada 2010.

Dari segi pelaksanaan, dari segi ekuiti dan juga guna tenaga, pelbagai mekanisme telah pun diadakan seperti diberikan dari segi ekuiti untuk syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di bursa saham, syarat-syarat ekuiti sekurang-kurangnya 30% masih lagi diguna pakai. Oleh itu, peluang-peluang pelaburan untuk kaum bumiputera masih ada.

■1710

Selain daripada pengagihan ekuiti untuk syarikat-syarikat yang telah ada, kita juga menjalankan program-program latihan bumiputera dari segi perniagaan dan perindustrian supaya dapat kaum bumiputera menjalankan perniagaan dengan lebih baik dan *sustainable*, dengan izin, dari segi pemilikan ekuiti dalam jangka panjang. Guna tenaga juga dari segi pelaksanaan sistem ataupun kaedah pembelajaran dan latihan kita beri penumpuan kepada semua kaum untuk dapat

memberi tumpuan atau memberi naikkan peningkatan mereka supaya dapat dengan izin, di *absorb* oleh syarikat-syarikat dan juga kerajaan dari segi guna tenaga di Malaysia. Peluang-peluang pekerjaan memang kita terus memberi tekanan dengan perancangan pembangunan ekonomi supaya dapat setiap warga Malaysia yang berkelayakan mendapat pekerjaan yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah sampai ke akhir ucapan saya. Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan yang mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan. Walau bagaimanapun, mana-mana isu yang telah dibangkitkan tetapi tidak dirangkumi dalam jawapan penggulungan ini, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat mewakili Jabatan Perdana Menteri? Silakan Timbalan Menteri.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Mashitah Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar?

Datuk Dr. Mashitah Ibrahim: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat teruskan, matlamat diadakan perbahasan ialah untuk ketengahkan hujah-hujah supaya di akhir perbahasan pengundian dibuat untuk masalah diputuskan sama ada Dewan meluluskan, bersetuju atau tidak. Perjalanan perbahasan di kawal di bawah peraturan-peraturan mesyuarat. Misalnya, Peraturan Mesyuarat 34, seseorang Ahli tidak boleh berakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masalah kecuali:

- (a) dalam persidangan jawatankuasa bagi menerangkan sesuatu hal seperti yang ditetapkan dalam perenggan empat; dan
- (b) kerana menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan iaitu bagi pencadang sesuatu usul bersendirian.

Kemudian apabila kita lihat Peraturan Mesyuarat 36, seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang bercakap kecuali;

- (a) di bawah tertib mesyuarat, *standing orders*; dan
- (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dan seterusnya.

Ini adalah supaya perbahasan dapat berjalan seperti mana persidangan sesebuah Dewan perundangan dan saya cuba kawal dengan ketat sebab tidak mahu Peraturan Mesyuarat 36 digunakan bagi helah untuk bercakap lebih daripada sekali, itu sahaja. Saya minta Timbalan Menteri teruskan, kalau hendak mengganggu, ganggu dalam sepuluh patah perkataan. Sila.

Datuk Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semoga semua Ahli Yang Berhormat dapat mematuhi peraturan mesyuarat Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali supaya Yang Berhormat Menteri-menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi meletakkan jawatan bagi membolehkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak melantik Jemaah Menteri yang baru. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya tidak perlu Yang Berhormat Menteri-menteri sedia ada meletakkan jawatan kerana tiada peruntukan undang-undang sedemikian. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri boleh jika beliau inginkan untuk melantik Ahli-ahli Jemaah Menteri yang baru.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin menyarankan agar diambil langkah-langkah mengurangkan kehangatan berpolitik. Sebaiknya penekanan diberikan kepada usaha-usaha untuk menangani krisis ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Dalam suasana kelembapan ekonomi pada masa ini, tumpuan hendaklah diberikan kepada usaha-usaha meringankan beban rakyat berbanding kepentingan politik. Justeru itu, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang telah diumumkan dalam sumpah rangsangan ekonomi yang telah diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah ingin mengetahui sama ada usaha mengukuhkan kontrak sosial perlu diadakan semula persetujuan bersama seperti mana yang telah dilakukan dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, para pemimpin pada era pra kemerdekaan berfikiran panjang dan jauh.

Setiap peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan telah melalui proses perancangan, pertimbangan, konsultasi, pengorbanan dan tolak ansur yang sangat tinggi nilainya serta dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat sehingga wujudnya peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang dikenali sebagai kontrak sosial. Atas sebab ini kontrak sosial tidak perlu lagi diadakan semula persetujuan bersama apa lagi dipersoalkan. Lebih-lebih lagi untuk disepak semula ataupun diubah kerana ia merupakan asas utama pembentukan negara kita. Kerajaan berpendapat yang penting ialah usaha didik rakyat melalui penjelasan yang bebas daripada unsur-unsur politik mengenai rasional dan semangat kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan kepada seluruh lapisan rakyat oleh para pemimpin termasuk oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mencadangkan supaya kerajaan menangani krisis perlembagaan dengan berhemah agar tidak wujud ketegangan kaum. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berpandangan setiap pertikaian hendaklah

diselesaikan mengikut lunas undang-undang. Dalam kes yang melibatkan pentafsiran Perlembagaan Negeri ataupun Persekutuan, mahkamah mempunyai kuasa yang sepenuhnya untuk menentukan isu dan soal undang-undang yang terbabit. Seperti Yang Berhormat maklum kes berkaitan dengan pentafsiran perlembagaan ini telah pun difailkan di dalam mahkamah oleh pihak-pihak yang berkaitan. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan bukan salah satu pihak yang berkaitan dalam kes tersebut, maka adalah tidak wajar kerajaan melibatkan diri dalam kes tersebut.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mencadangkan supaya diwujudkan mahkamah tinggi yang mempunyai bidang kuasa membicarakan perkara-perkara berkaitan Perlembagaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Mahkamah Tinggi di negara ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang melibatkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan kecuali kes-kes yang melibatkan peruntukan di bawah Perkara 128, di mana hanya Mahkamah Persekutuan sahaja yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar kes-kes tersebut. Sehubungan ini tidak ada keperluan untuk mewujudkan Mahkamah Perlembagaan di Malaysia setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali mencadangkan agar kerajaan merangka dasar induk yang memberi penekanan kepada perpaduan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan tersebut amat baik sekali. Walau bagaimanapun, pada masa ini belum ada keperluan untuk kerajaan mewujudkan satu dasar induk yang sedemikian rupa. Kerajaan berpendapat dasar induk sahaja tidak mencukupi bagi menyelesaikan hal-hal yang berkaitan perpaduan dan integrasi nasional.

■1720

Perkara yang lebih penting diberi keutamaan sekarang adalah menggalakkan dan menyemai nilai-nilai perpaduan melalui pendidikan. Berhubung dengan Wawasan 2020 yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, ingin saya mengingatkan bahawa Wawasan 2020 merupakan sebuah dasar yang mana di dalam dasar ini menggariskan sembilan cabaran utama yang perlu dicapai oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Jelas di sini bahawa Wawasan 2020 adalah sebuah kerangka, satu visi yang menetapkan rupa dan bentuk bagi sebuah negara yang maju mengikut acuan kita sendiri.

Disebabkan Wawasan 2020 merupakan satu visi, satu kerangka dasar dan bukannya sebuah program pembangunan yang terperinci, maka ia tidak mempunyai sebarang penanda aras, petunjuk jumlah dan sasaran yang tertentu. Sebaliknya pelaksanaan Wawasan 2020 adalah melalui penggubalan rancangan-rancangan Malaysia di mana rancangan yang paling mutakhir adalah Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan pada tahun 2006 dan sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik pula mencadangkan supaya SPRM memantau dan memastikan semua projek kerajaan tiada elemen rasuah dan ketirisan. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan itu sememangnya menjadi perhatian

Suruhanjaya. Sehubungan ini, usaha-usaha sedang dijalankan untuk memperkasakan SPRM melalui penambahan anggota profesional dan mewujudkan mekanisme terancang bagi memastikan pemantauan yang berkesan terhadap projek-projek kerajaan dapat dilakukan. Melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, sistem dan prosedur yang membuka ruang dan peluang kepada rasuah di kementerian dan jabatan akan dikenal pasti serta dimantapkan agar ketirisan dan kebocoran akan dapat dibendung.

Berhubung dengan penggunaan bahasa dan tata kelakuan Ahli-ahli Dewan pula, Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie; Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik; dan Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin mencadangkan supaya diambil tindakan sewajarnya ke atas perkara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan berpandangan bahawa peraturan-peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah memberi panduan yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyampaikan isi ucapan masing-masing. Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara perlu mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara di mana tindakan boleh diambil seperti pemotongan bayaran elaun, digantung keahlian dan sebagainya. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat gagal mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Kerajaan yakin dan percaya kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua Dewan mentafsirkan apa-apa perkataan yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada ia melanggar peraturan mesyuarat ataupun tidak. Sementara itu bagi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pula, ia terletak di bawah bidang kuasa negeri berkenaan.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Datuk Akbar supaya jawapan bertulis disediakan dengan lebih bernas, mantap dan terbaik agar tidak memalukan Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan kementerian yang menjawab. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini sentiasa diberi perhatian oleh kementerian-kementerian dalam menyediakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau selalu diganggu, bila masa yang hendak baca segala jawapan yang disediakan dengan begitu rapi itu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada penggulangan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin pula mencadangkan agar kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, pada November tahun 2003 kerajaan telah menubuhkan pasukan bertugas bagi menangani kerenah birokrasi atau PPMKB yang merupakan satu mekanisme mengkaji, mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan awam. Pasukan petugas ini telah diwujudkan di semua kementerian dengan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di kementerian berkenaan.

Secara umumnya PPMKB bertanggungjawab untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang berkaitan dengan sistem dan prosedur kerja, perundangan dan peraturan,

pembangunan modal insan dan bekalan peralatan seterusnya mencadangkan usaha-usaha penambahbaikan dalam bidang-bidang yang terlibat.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sementara itu, bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih mesra komuniti, Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan atau singkatannya PEMUDAH telah ditubuhkan pada 7 Februari 2007. Dalam pada itu, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 pula telah menggariskan pelaksanaan dasar latihan sumber manusia sektor awam sebagai usaha untuk melahirkan anggota-anggota perkhidmatan awam yang mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan pendedahan kepada pelbagai idea, pengalaman, *mentoring* dan *coaching*, dengan izin.

Sementara itu, terdapat juga agensi-agensi lain seperti Jabatan Audit Negara dan Biro Pengaduan Awam yang boleh memantau sebarang kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan awam. Justeru, buat masa ini kerajaan berpendapat masih tidak perlu ditubuhkan Suruhanjaya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang pula menyarankan agar penjawat awam bukan Melayu yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang berkebolehan diberi peluang untuk menjawat jawatan kanan dan penting dalam sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memberi peluang kepada pegawai awam tanpa mengira kaum atau negeri kelahiran untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat dan menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam sektor awam. Dasar yang kita gunakan untuk membolehkan seorang pegawai menjawat jawatan tinggi dalam skim perkhidmatannya adalah melalui proses kenaikan pangkat yang berasaskan kepada merit.

Faktor-faktor seperti kecekapan, prestasi kerja, kelayakan, kompetensi, pengalaman, integriti, semuanya diambil kira dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat seseorang pegawai. Justeru, setiap pegawai yang layak mempunyai peluang untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat secara adil dan saksama. Bagi meningkatkan lagi bilangan pegawai bukan Melayu yang berasal dari Sabah dan Sarawak menjawat jawatan lebih tinggi, kerajaan sentiasa menggalakkan lebih ramai dari kalangan mereka menyertai sektor awam. Dengan peningkatan jumlah ini, dari masa ke semasa jumlah mereka yang layak untuk dipertimbangkan menjawat jawatan tinggi akan dapat dipertingkatkan.

Berhubung saranan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu agar lebih banyak peluang diberi kepada masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam serta menjawat jawatan tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik penyertaan pelbagai kaum termasuk masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum. Dalam hubungan ini, antara langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan bagi menarik lebih ramai masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam adalah melalui penganjuran program penerangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti

Hari SPA Bersama Pelanggan di luar ibu pejabat dan program-program khusus dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk memberi penerangan mengenai peluang-peluang kerjaya dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia juga sentiasa mendekati masyarakat Orang Asli dengan menawarkan peluang kepada mereka melalui Skim Perkhidmatan Konstabel Orang Asli yang telah diwujudkan sejak tahun 1992 dan telah ditambah baik pada tahun 2007. Masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi juga boleh memohon untuk berkhidmat dengan PDRM melalui Skim Perkhidmatan Konstabel, Konstabel Sokongan dan juga Skim Perkhidmatan Inspektor. Berdasarkan maklumat sehingga Jun 2008, daripada sejumlah 141,230 orang masyarakat Orang Asli, telah ada 1,063 orang yakni lebih kurang 75% telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang dilaksanakan ini akan dapat mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelayakan akademik untuk memohon bekerja dengan kerajaan. Peluang untuk mereka menjawat jawatan lebih tinggi akan lebih terbuka apabila jumlah mereka yang menyertai perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali yang kononnya terdapat warga Singapura yang menjadi ahli Urus Setia Majlis Ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat, Urus Setia Majlis Ekonomi adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang semuanya adalah warganegara Malaysia.

■1730

Berhubung cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin agar Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) diadakan selama satu tahun kepada pegawai-pegawai PTD, untuk makluman Yang Berhormat kajian semula kursus DPA secara komprehensif akan dilaksanakan dengan penekanan diberi kepada pembangunan sahsiah dan kecemerlangan modal insan. Dalam kajian semula ini Kursus DPA akan dilaksanakan selama setahun berbanding enam bulan pada masa kini.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin menyarankan agar kerajaan memudahkan urusan rakyat dan pegawai-pegawai daerah pula perlu turun lebih banyak ke padang. Untuk makluman Yang Berhormat bagi memastikan agar setiap pegawai daerah dapat menjalankan tugas dengan efektif, kompeten, sentiasa memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, usaha-usaha berterusan sentiasa dilaksanakan. Misalnya memastikan mereka menghadiri latihan berbentuk *functional and generic* dengan izin, yang dilaksanakan oleh JPA dan juga pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri.

Perjumpaan antara Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan pegawai-pegawai daerah juga sering diadakan bertujuan memastikan dan mengingatkan pegawai-pegawai daerah akan tanggungjawab dan peranan mereka bagi merancang, mengurus, melaksanakan program-

program di peringkat daerah termasuklah mengingatkan mereka untuk turun padang dan bertindak sebagai tangan kanan kerajaan.

Di samping itu juga program-program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian seperti Seminar Pentadbir Tanah Seluruh Malaysia yang secara umumnya memfokuskan ke arah sistem pentadbiran tanah yang efektif memenuhi kehendak pelanggan serta kehendak semasa.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin juga mencadangkan supaya dikaji semula sistem merit yang digunakan dalam pemberian biasiswa kerana ia merumitkan pelajar Orang Asli serta pelajar dari Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem merit yang diguna pakai dalam pemberian biasiswa JPA sentiasa dikaji agar ia memenuhi keperluan serta tuntutan semasa. Ramai beranggapan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan SPM hanya berdasarkan kepada bilangan Gred A1 yang diperolehi semata-mata. Tanggapan ini kurang tepat kerana selain daripada aspek kecemerlangan akademik ada juga aspek-aspek lain seperti kokurikulum dan termasuk sikap dan perwatakan diberi perhatian. Pada tahun 2009 sistem merit yang digunakan dalam pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada:

Prestasi akademik	-	75%
Kokurikulum	-	10%
Sosioekonomi	-	10%
Prestasi Temu duga	-	5%

Berdasarkan sistem tersebut pelajar-pelajar cemerlang mendapat peluang sama rata tanpa ada diskriminasi.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung sama ada pelajar sekolah swasta boleh mendapat biasiswa JPA, sebenarnya semua pelajar SPM yang memperoleh keputusan cemerlang termasuk pelajar sekolah swasta mempunyai peluang yang sama sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal agama yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dalam Perbahasan Titah Diraja ada menyentuh tentang agenda perpaduan nasional supaya pihak kerajaan dapat meningkatkan dialog antara agama di bawah kelolaan agensi-agensi agama. Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana pihak tidak dibenarkan sama sekali untuk membincangkan secara terbuka isu-isu sensitif mengenai agama Islam dan perkauman kerana perbincangan secara terbuka boleh menimbulkan sensitiviti masyarakat bahkan menggugat perpaduan kaum. Golongan yang tidak berpuas hati dengan apa jua isu yang membabitkan hal ehwal Islam dan perkauman seharusnya menyalurkan rasa tidak puas hati tersebut melalui saluran yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Antaranya, perbincangan tertutup antara pihak berkuasa dengan pihak terbabit. Begitu juga dialog antara agama secara tertutup yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

JAKIM terlibat secara langsung sebagai Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perpaduan Negara yang telah menganjurkan beberapa program dialog atau diskusi antara agama secara tertutup. Di samping itu JAKIM juga terlibat dengan dialog-dialog keagamaan yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan institusi-institusi lain yang berautoriti. JAKIM sentiasa membuka ruang kepada mana-mana agama untuk berdialog secara disiplin, berhemah demi memberi kefahaman dan pendirian tentang soal-soal yang melibatkan maruah dan kepentingan agama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin memohon agar HDC di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal dapat melihat persoalan halal dengan lebih serius bagi memastikan semua makanan yang ada dalam pasaran negara ini sentiasa halal dan bersih supaya sempurna ibadah masyarakat Islam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat HDC yang telah mendapat mandat daripada kerajaan pada 2 April 2008 sentiasa serius dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Kesemua juruaudit, pegawai pemantau dan tenaga kerja berkaitan di HDC diberikan latihan yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan mereka dalam menjalankan aktiviti-aktiviti teras dalam pensijilan halal yang disebutkan. Syarikat-syarikat yang ingin memohon sijil halal juga disyaratkan mengikuti latihan kesedaran halal terlebih dahulu sebelum membuat permohonan supaya objektif sebenar pensijilan halal akan dapat dihayati.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan isu berkaitan penubuhan International Zakat Organization (IZO), satu jumlah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada IZO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekretariat Internasional IZO telah beroperasi pada 1 Jun 2008 dengan pelantikan CEO IZO. Ketika ini IZO mempunyai kakitangan seramai 10 orang dan pejabatnya terletak di Tingkat 15, Bangunan Tabung Haji. IZO sedang giat membuat promosi bagi menambah keahlian. Sehingga kini keahlian baru terdiri daripada - negara, hanya Republic of Guinea dan institusi dari BMB *Islamic London*, *Family Bank of Sudan*, PT Abadi Nusa Energy Indonesia dan daripada NGO seperti *National Council of Muslim Youth of Nigeria*, Rumah Zakat Indonesia dan *National Cooperative Union of Sudan*. Sehingga kini Kerajaan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM6.26 juta kepada IZO bagi menampung belanja mengurus IZO.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi turut menyentuh isu penubuhan Lembaga Zakat Kebangsaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Lembaga Zakat Kebangsaan memandangkan urusan zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz membangkitkan isu cadangan mewujudkan Jabatan Hal Ehwal Saudara Baru bagi mengelakkan mualaf kembali ke agama asal. Untuk makluman Yang Berhormat cadangan ini bukan datangnya daripada Ketua Pengarah

JAKIM. Sebaliknya cadangan ini adalah daripada seorang *motivator* iaitu Datuk Dr. Fadillah Kamsah.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz turut menyarankan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia memberikan penekanan yang serius dan segera ke atas kes-kes mungkar dan ajaran sesat untuk mengelakkan pandangan negatif terhadap Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Islam negeri-negeri adalah pihak yang bertanggungjawab penuh berdasarkan kepada bidang kuasa sedia ada bagi tujuan untuk memantau dan mengendalikan kes-kes muafak bukan sahaja bagi mengelak mereka keluar daripada Islam bahkan juga menjaga keperluan dan kebajikan golongan tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga membangkitkan isu kes murtad yang wujud di negara ini dan memohon agar pihak kerajaan khususnya JKSM memastikan proses pengendalian kes murtad disegerakan, merujuk kepada kes Fatimah Tan di Mahkamah Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Syariah dalam menjalankan bidang kuasanya adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Mahkamah Tinggi Syariah adalah berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes permohonan perisytiharan keluar Islam.

Dalam kes Fatimah Tan lawan Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada 16 Mac 2009 telah membuat keputusan berdasarkan kepada peruntukan yang ada. Akta atau Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah telah menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi dalam prosiding sesuatu kes termasuk kes murtad ini.

■1740

Sehubungan itu jika semua pihak mematuhi kehendak undang-undang yang berkaitan, maka Mahkamah Syariah boleh mendengar dan memutuskan sesuatu kes dengan cepat. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Mahkamah Syariah, kerajaan melalui JKSM telah mengeluarkan arahan-arahan amalan Mahkamah Syariah dan kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dari semasa ke semasa. Usaha ini telah dapat mempercepatkan penyelesaian kes-kes Mahkamah Syariah secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ingin mendapatkan penjelasan bilakah Akta Halal akan dibentangkan di Parlimen. Ia perlu disegerakan pada pendapat Yang Berhormat memandangkan isu halal semakin berlanjutan dan bagi menjadikan Malaysia contoh kepada negara-negara lain di dunia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara halal adalah termasuk di dalam perkara agama dan perkara agama adalah termaktub di bawah bidang kuasa Sultan seperti yang termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mana menyatakan bahawa Islam adalah agama persekutuan.

Melalui pelbagai forum perbincangan yang telah dibuat dengan penasihat undang-undang JAKIM, wakil daripada Peguam Negara, khidmat nasihat daripada peguam yang dilantik, HDC maklum bahawa kuasa bagi menentukan Akta Halal adalah tertakluk kepada Yang Mulia Sultan-

sultan Negeri di Malaysia dan Yang Dipertuan Agong sekiranya diperkenankan. Walau bagaimanapun, HDC sedia maklum akan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Oleh yang demikian, HDC telah mengambil inisiatif dengan menyediakan satu draf Akta HDC. Rang undang-undang ini sekiranya diluluskan akan memberi kuasa dasar kepada HDC dalam menangani isu-isu yang timbul dalam industri halal.

Antara kuasa-kuasa yang dirangka bagi HDC untuk menerajui dan mempercepatkan pembangunan industri halal dengan memberi usulan kepada pihak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri berkenaan isu-isu yang berkaitan. Rang undang-undang ini juga akan memberi kuasa kepada HDC untuk merancang, membangunkan dan melaksanakan pelan tindakan dan program yang berkaitan dalam usaha untuk memajukan rancangan penyelidikan dan pembangunan makanan dan produk-produk bukan makanan yang halal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah mengemukakan persoalan adakah keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam boleh dicabar dalam mahkamah. Sekiranya boleh, mahkamah manakah yang berhak membuat keputusan. Adakah Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah? Ini perlu diberi penelitian oleh kerajaan supaya sebarang keputusan yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak dipandang rendah oleh orang lain. Sebagai contoh, fatwa mengenai isu penggunaan kalimah Allah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang berbidang kuasa untuk mendengar apa-apa isu yang melibatkan pelanggaran ke atas fatwa yang telah digazetkan. Pemakaian fatwa hanya terpakai ke atas orang Islam. Justeru itu menjadi satu kesalahan di bawah Akta 559, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 9, menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama memperuntukkan mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar, mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam, majlis atau mufti yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa adalah satu kesalahan. Jika disabit, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua.

Berhubung tegahan penggunaan kalimah Allah pula, ia dinyatakan dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Setakat ini semua negeri telah mempunyai enakmen tersebut kecuali Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Tindakan di bawah enakmen ini adalah di dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja ini. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup dan saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.